LAMAN SENI

MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS 14 TWO THOUSAND

GREEN APPLE AWARD WINNER 2014

Laporan Tahunan 2014

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

DASAR MBSA

Khidmat Terbaik

VISI MBSA

Menjadikan Shah Alam bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul

MISI MBSA

Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang



Kandungan

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

LAPORAN TAHUNAN 2014

Laporan Korporat

02 Objektif
03 Carta Organisasi
04 Zon Majlis Perwakilan Penduduk
05 Pengurusan Tertinggi MBSA
06 Pengurusan MBSA
08 Anugerah dan Pengiktirafan
10 Ahli Majlis Sesi 2014 / 2015
12 Ringkasan Eksekutif

Laporan Perkhidmatan

18 Jabatan Kewangan
20 Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan
25 Jabatan Taman & Rekreasi
32 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
36 Jabatan Bangunan
41 Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti
51 Jabatan Undang-Undang
53 Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
57 Jabatan Kejuruteraan
61 Jabatan Perancangan
84 Jabatan Kesihatan Persekitaran
88 Jabatan Pusat Setempat (OSC)
92 Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek
94 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
100 Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam
104 Bahagian Pengurusan Stadium
108 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)
112 Bahagian Urusetia Mesyuarat
117 Pejabat Cawangan Sungai Buloh
123 Pejabat Cawangan Kota Kemuning
125 Pejabat Cawangan Setia Alam
126 Lembaran Imbangan & Penyata Pendapatan

Objektif

- Perkhidmatan Perbandaran yang Efisyen.
- Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah Bandar Raya yang Bersih, Indah, Ceria dan Selamat.
- Memastikan Perancangan dan Pembangunan yang Teratur dan Terkawal Selaras dengan Pembangunan Mampan bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Jangka Panjang Pelabur / Peniaga Dalam dan Luar Negeri.
- Memastikan Budaya Penyelenggaraan yang Efektif dan Konsisten.
- Mewujudkan Bandar Raya Sejahtera.
- Meningkatkan Pembangunan Kemasyarakatan Seimbang dengan Pembangunan Fizikal.
- Memelihara dan Memulihara Alam Sekitar untuk Keselesaan dan Kesejahteraan Warga Shah Alam dan Generasi Masa Hadapan.
- Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif, untuk Pertumbuhan Industri, Perdagangan dan Pelancongan.
- Menjadikan Shah Alam Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Ilmu Pendidikan.
- Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif dan Selesa bagi OKU dan Warga Emas.
- Tabir Urus yang Cekap, Berintegriti dan Berhemah.
- Memastikan Warga Kerja yang Kompeten, Komited dan Berintegriti.
- Mengutamakan Pelanggan Dalam Memberi Perkhidmatan yang Cekap, Tepat, Telus dan Berkesan Secara Berterusan.
- Membudayakan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Semua Urusan Perkhidmatan.
- Menguatkuasakan Peraturan dan Undang-Undang secara Berhemah dan Profesional.

Carta Organisasi

Datuk Bandar —— Ahli Majlis

Timbalan Datuk Bandar

Timbalan Setiausaha

- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Perancangan
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam
- Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Jabatan Kewangan
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Pusat Setempat (OSC)
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Taman & Rekreasi
- Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti
- Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan
- Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan
- Jabatan Kesihatan Persekitaran
- Jabatan Undang-Undang
- Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek

- Bahagian Pengurusan Stadium
- Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam
- Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- Bahagian Urusetia Mesyuarat

- Pejabat Cawangan Sungai Buloh
- Pejabat Cawangan Kota Kemuning
- Pejabat Cawangan Shah Alam

Zon Majlis Perwakilan Penduduk



Zon Seksyen

- 1, 2, 3, 4, 5, 6, 14
- 9, 10, 11, 12, 13
- 7 & U12
- 8 & U11
- 15, 16
- 17 & 18
- 19, 20, 21
- 22, 23, 24
- 25
- 26, 27 & 28
- 29 & 30
- 31 & 33
- 32
- 34 & 35
- 36
- U1 & U2
- U3, U6, U7
- U4a & U5
- U8
- U9, U10 & U14
- U13
- U15 & U16
- U17, U18 & U19a
- U4b, U19b & U20

Pengurusan Tertinggi MBSA

kiri ke kanan:

Tuan Mohtar b. Hani
Timbalan Datuk Bandar

Tuan Hj. Roslan b. Darus
Timbalan Setiausaha

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Jaafar b. Hj. Mohd. Atan
Datuk Bandar

Pengurusan MBSA 2014

PENGURUSAN TERTINGGI:

A. **Y.Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Hj. Mohd Atan**
Datuk Bandar

B. **Tuan Mohtar bin Hani**
Timbalan Datuk Bandar

C. **Tuan Haji Roslan Bin Haji Darus**
Timbalan Setiausaha / Pengarah Kewangan

PENGURUSAN:

1. **Tuan Haji Rosli Bin Bakar**
Pengarah Pelesenan & Penguatkuasaan

2. **Encik Mohd Tahir Bin Man**
Pengarah Taman & Rekreasi

3. **Tuan Ir Haji Cheremi Bin Tarman**
Pengarah Kejuruteraan

4. **Puan Hajah Rose Zairani Binti Haji Marmuji**
Pengarah Bangunan

5. **Puan Hajah Nor Akma Binti Haji Ahmad**
Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta

6. **Dr Haji Roslan Bin Fadzil**
Pengarah Kesihatan Persekitaran

7. **Puan Asmah Binti Mohd Zin**
Pengarah Korporat & Pembangunan Komuniti

8. **Puan Hajah Shamsiah Binti Osman**
Pengarah Teknologi Maklumat & Komunikasi

9. **Encik Mohd Sofian Bin Abdul Rahman**
Pengarah Undang-Undang

10. **Encik Madiyan Bin Baweh**
Pengarah Khidmat Pengurusan

11. **Puan Aniza Binti Osman**
Pengarah Perancangan

12. **Encik Mohd Rusli Bin Dalim**
Pengarah Pusat Setempat (OSC)

13. **Encik Khairul Nizam Bin Zainal Abidin**
Pengarah Pengurusan Hasil & Pelaburan

14. **Encik Radzuan Bin Mezalan**
Ketua Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam

15. **Puan Hajah Norani Bin Amat**
Pengarah Pengurusan Kontrak & Projek

16. **Encik Jamsari Bin Khamin**
Ketua Bahagian Pengurusan Stadium

17. **Tuan Abdul Hakim Bin Hj. Mahmud**
Ketua Bahagian Penguatkuasaan

18. **Encik Mohd Azmi Bin Amer Khan**
Ketua Bahagian Pembersihan Awam

19. **Encik Abdul Rauf Bin Mohd Yaacob**
Ketua Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal

20. **Encik Khalidon Bin Haron**
Pengurus Pejabat Cawangan Setia Alam

21. **Encik Md. Zawawi Bin Md. Isa**
Pengurus Pejabat Cawangan Sungai Buloh

22. **Encik Azlan Bin Dolah**
Pengurus Pejabat Cawangan Kota Kemuning

23. **Encik Noraznizam Bin Alias**
Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

24. **Puan Nor Asnani Binti Karim**
Ketua Bahagian Urusetia Mesyuarat

6

7

8

9

10

16

17

18

19

20

Anugerah & Pengiktirafan

1) Anugerah Ketua Setiausaha Negara (Negeri – Kategori Pengurusan) pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-31 Tahun 2014
2) Pemenang Anugerah Planning Excellence Awards 2014, kategori Place Making and Public Space Award bagi projek Shah Alam Back Lane Transformation, dari Malaysian Institute of Planners (MIP);
3) Pemenang Anugerah Green Apple (Green Apple Award Winner) 2014 For Environmental Best Practice, dari The Green Organization, UK;
4) Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence (QE/5S) Peringkat Wilayah Tengah 2014, di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC), anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
5) "LEAN RECOGNITION AWARD" anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), di Setia City Convention Centre, Setia Alam, Shah Alam;
6) Anugerah "5S HIJAU" anjuran SIRIM Berhad (SIRIM Green 5-S Recognition Scheme);
7) JUARA Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor, 2014;
8) Tempat Ke-2 Kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor, 2014;
9) Persembahan Terbaik dan Pameran Terbaik pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kali Ke-27, Peringkat Negeri Selangor, 2014;
10) Anugerah Bandar MAMPAN 2013, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia 2014. Penilaian tahap kemampanan dibuat berdasarkan pemarkahan di dalam Program MURNInets. Shah Alam memperoleh keputusan kemampanan 97%, iaitu yang tertinggi berbanding 151 PBT di seluruh Negara;
11) Anugerah EMAS pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).
12) Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 sehingga 20 September 2014;
13) Johan Peringkat Negeri Selangor, Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam ke-26 Peringkat Negeri Selangor, anjuran pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor;
14) Anugerah Emas di Wilayah Tengah Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Wilayah 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
15) Juara Peringkat Kebangsaan Sektor Kategori Badan Berkanun dan memperoleh Tiga Bintang pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE-5S) Peringkat Kebangsaan 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
16) Sijil Tanpa Teguran (Sijil Bersih) ke atas penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Sijil Ketua Audit Negara ini dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara bertarikh 27 Ogos 2013;
17) Anugerah Persijilan Total Quality Fast Track Management (TQFTM) dan seterusnya telah disenaraipendek bagi memperoleh Anugerah SIRIM 2013;
18) Anugerah Bandar Mampan 2012, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013. Penilaian tahap kemampanan dibuat berdasarkan pemarkahan di dalam Program MURNInets. Shah Alam memperoleh keputusan kemampanan 97%, iaitu yang tertinggi berbanding 151 PBT di seluruh Negara;
19) Johan Inovasi Peringkat Negeri Selangor, Kategori Kumpulan Kecil pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
20) Anugerah Inovasi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013, pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
21) Penarafan Lima (5) Bintang Dalam Malaysia Government Portals and Websites Assesment 2013 oleh Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysia;
22) Penarafan Empat (4) Bintang Dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2013 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
23) Penarafan Lima (5) Bintang Dalam Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2013;
24) Anugerah Keseluruhan, Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor 2013;
25) Anugerah Utama, Zon Bersih PBT Selangor 2013;
26) Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Paling Aktif, Zon Bersih PBT Selangor 2013;
27) Johan – Kriteria Pemantauan Kebersihan Zon Bersih PBT Selangor 2013;
28) Johan – Kriteria Penyelenggaraan Landskap Zon Bersih PBT Selangor 2013;
29) Johan – Kriteria Pengurusan Program Zon Bersih PBT Selangor 2013;
30) Johan – Kriteria Penglibatan Komuniti Zon Bersih PBT Selangor 2013.
31) Anugerah Khas pada Pertandingan Cabaran Meningkatkan Prestasi PBT; melalui satu projek inovasi bertajuk "MEMPROSES PERMOHONAN KELULUSAN PELAN CADANGAN BANGLO BARU (INDIVIDU) DARIPADA 60 HARI KEPADA 1 HARI"; pada Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2012
32) Melalui program Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA (National Key Result Areas), projek perhentian bas yang dihasilkan oleh MBSA telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pengangkutan Malaysia dan rekabentuknya dijadikan sebagai standard design, untuk digunapakai di seluruh Malaysia
33) Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau Melalui Penyelidikan Kebun Kejiranan; sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2012
34) Anugerah Kajian Semula dan Pengukuhan MURNInet 2011, sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2012
35) Anugerah Emas pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S peringkat Kebangsaan, Tahun 2012
36) Johan Sektor Awam (Badan Berkanun) – Negeri, pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S peringkat Kebangsaan, Tahun 2012
37) Pengiktirafan TQM-SIRIM, berdasarkan kriteria Total Quality Fast Track Model (TQFTM) daripada SIRIM Berhad
38) Pengiktirafan Inovasi Laman Web, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
39) Tempat Keempat Pengiktirafan Sistem STAR Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) Tahun 2011, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
40) Tempat Pertama dan Kedua (Kategori Kumpulan Kecil), Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) Tahun 2012, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
    - Tempat Pertama (Tong sampah serba guna) – Kumpulan Young Creative
    - Tempat Kedua (Lesen 1 jam) – Kumpulan Young Creative
41) Anugerah Utama Zon Bersih PBT Selangor 2012
42) Johan – kriteria penyelenggaraan kemudahan awam Zon Bersih PBT Selangor 2012
43) Johan – kriteria penyelenggaraan landskap Zon Bersih PBT Selangor 2012
44) Johan – kriteria pemantauan kebersihan Zon Bersih PBT Selangor 2012
45) Anugerah Khas Juri Zon Bersih PBT Selangor 2012 – Amalan terbaik - Model pengurusan
46) Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Kualiti (QE-5S), 2011
47) Tempat Ke - 3 Bagi Anugerah Kempulan Inovasi & Kreativiti (KIK) pada Konvesyen KIK Peringkat Negeri Selangor 2011
48) Pensijilan Semula MS : ISO 9001:2008 (SIRIM QAS International, Tanpa NCR) 2011
49) Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia, Anjuran MDEC, 2011
50) Anugerah Khas PBT Selangor 2011 sempena Majlis Olahragawan/Olahragawati PBT Selangor.
51) Johan - Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Piala Datuk Bandar, 2010
52) Johan - Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor. (Kategori Teknikal), 2010
53) Tempat Ke-2 (bagi Kategori Jabatan dan Bandar Raya) pada Perarakan 10 Tahun, Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Bandar Raya Shah Alam, 2010

54) Johan Pertandingan Kawad Formasi Piala Datuk Bandar Petaling Jaya, 2010
55) Penganugerahan Bandar raya Mampan-Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2010
56) Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia, Anjuran MDEC, 2010
57) Bandaraya Mampan – Petunjuk Bandar Mampan Bandaraya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2009
58) Anugerah Ceria Bahasa 2009, Kategori Pihak Berkuasa Tempatan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Bulan Bahasa Peringkat Kebangsaan.
59) Penarafan 4 Bintang Dalam Sistem Star Rating, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, 2009
60) Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentabiran Cemerlang (APPC), anjuran Kerajaan Negeri Selangor, 2009
61) Naib Johan Pertandingan Kawad Formasi Piala Datuk Bandar Petaling Jaya, 2009
62) Tempat Pertama Sepanduk Terbaik Kategori Badan Berkanun/Swasta Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1430H/2009M
63) Anugerah Persijilan MS-ISO 9001: 2000, 2008
64) Anugerah Persijilan Amalan 5S dari Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), 2008
65) Anugerah Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), 2008
66) Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2007, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-50 Peringkat Negeri Selangor 2007
67) Juara Kategori Pengurusan, Majlis Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) ke-20 Peringkat Negeri Selangor, 2007
68) Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Selangor, 2007
69) Hadiah Kecemerlangan bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, 2007
70) Anugerah Khas Bandaraya Lestari – Inisiatif Pentadbiran Alam Sekitar, 2006/2007
71) Bandaraya Mampan – Petunjuk Bandar Mampan Bandaraya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2007
72) Juara Kategori A (Bandaraya/Majlis Perbandaran), Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), 2006
73) Pengiktirafan sebagai Bandaraya Selamat di Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2006
74) Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2005, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-48 Peringkat Negeri Selangor
75) Anugerah Inisiatif Persekitaran Fizikal 2005 bagi Perancangan Inovatif dan Kualiti Kehidupan Seimbang: Kajian Kes Taman Wetland Kota Kemuning
76) Johan Keseluruhan (kali ketiga berturut-turut), Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor ke-3, 2004
77) Anugerah Persijilan Amalan 5S, 2004
78) Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2004, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-47 Peringkat Negeri Selangor
79) Johan Keseluruhan (kali kedua), Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor ke-2, 2003
80) Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2003, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-46 Peringkat Negeri Selangor
81) Johan kategori Terbuka-Sektor Perkhidmatan, Amalan 5S Antara Organisasi, 2003
82) Johan, Anugerah Kualiti Kaunter Terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor, 2003
83) Menerima Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Laporan Kewangan MBSA tahun 2001, 2002 dan 2003
84) Anugerah Inovasi ICT Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 2002
85) Tuan Rumah bagi Persidangan Anggerik Sedunia (WOC) ke-17 pada tahun 2002
86) Johan Perbarisan, Perbarisan Hari Kebangsaan 2002, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-45 Peringkat Negeri Selangor
87) Tempat Ketiga acara perbarisan, Perbarisan Minggu Wanita Peringkat Negeri Selangor 2002
88) Tuan Rumah Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor 2001
89) Anugerah Persijilan Amalan 5S dari Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), 2001
90) Johan kategori Perkhidmatan, Pertandingan Amalan 5S Peringkat Kebangsaan, 2001
91) Tempat Kedua Anugerah Pameran Antarabangsa, Kongres Asia Pasifik ke-7, 2001, Nagoya, Jepun
92) Anugerah Kualiti Perkhidmatan Perancangan Terbaik 2001, daripada Pertubuhan Perancang Malaysia (tiga tahun berturut-turut)
93) Anugerah Ceria Bahasa 2000, kategori Pihak Berkuasa Tempatan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
94) Tempat Kedua pada Pertandingan Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor, 2000
95) Antara lima pemenang pada Pertandingan Akhir Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan, 2000
96) Pengisytiharan Bandaraya Shah Alam, 10 Oktober 2000
97) Tuan Rumah Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan ke-43, 2000
98) Pavillion Antarabangsa Terbaik dan Spesis Terbaik (Pingat Emas), Pameran Anggerik Antarabangsa Miami ke-55, 2000, Florida, USA
99) Hibrid Terbaik (Pingat Emas) dan 'Best Stand Judging' (Pingat Gangsa), Kongres Anggerik Eropah ke-12, 2000, Copenhagen, Denmark
100) Pavillion Antarabangsa Terbaik (Pingat Perak), Pameran Anggerik Kebangsaan Afrika Selatan ke-11, 2000, Pretoria, Afrika Selatan
101) Anugerah Persijilan MS-ISO 9001:2000

Ahli Majlis Sesi 2013/2014

1

2

3

4

5

11

12

13

14

15

21

22

23

24

DATUK BANDAR

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Hj. Mohd Atan

PENGERUSI MPP

1. **Zon 1**
   Puan Noraini binti Hussin
2. **Zon 2**
   YDH Dato' Haji Emran bin Haji Kadir
3. **Zon 3**
   Puan Sarimah binti Lisut
4. **Zon 4**
   Puan Anizan binti Othman
5. **Zon 5**
   En. Mohamad Jamil bin Abdul Rahim
6. **Zon 6**
   En. Azli bin Yusof
7. **Zon 7**
   En. Naim bin Jusri
8. **Zon 8**
   En. Hisham bin Sariman
9. **Zon 9**
   Puan Ruthira a/p Surasan
10. **Zon 10**
    En. Jaberi bin Ami
11. **Zon 11**
    En. Norhalim bin Sirome
12. **Zon 12**
    En. Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai
13. **Zon 13**
    En. Sebastine Rao a/l Pragasam
14. **Zon 14**
    En. Papparaidu a/l Veraman
15. **Zon 15**
    En. Abdul Manaff bin Haji Yusoff
16. **Zon 16**
    En. Husni Zaim bin Mosmadan
17. **Zon 17**
    En. Foong Saik Hoong
18. **Zon 18**
    Puan Siti Rohaya binti Ahad
19. **Zon 19**
    YM Tengku Ahmad bin Tengku Kasim
20. **Zon 20**
    En. Prakash Rao a/l Applasamy
21. **Zon 21**
    En. Lim Kwan Meng
22. **Zon 22**
    Puan Ng Li Li
23. **Zon 23**
    En. Harri bin Mohammad Hassan
24. **Zon 24**
    Puan Sarimah binti Lisut

6

7

8

9

10

16

17

18

19

20

Ringkasan Eksekutif

“GREEN IS THE NEW BLACK”

Ungkapan ini begitu popular beberapa tahun kebelakangan ini dengan meningkatnya kesedaran masyarakat dunia tentang usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar dan alam semulajadi planet bumi yang kita diami ini.

This awareness, which could be labeled a paradigm shift, is exerting pressure on many of the day-to-day actions routinely undertaken by corporations, government agencies and nonprofits, along with behaviors seen in communities and households. There are two reasons for this shift : The first is the ***objective degradation of environmental conditions*** *that people can see, smell or at least view through the media. The second reason is related to the* ***growing emphasis*** *on health, nutrition, exercise and what we sometimes term,* ***“wellness”****.*

Atau… Kesedaran ini boleh disifatkan sebagai satu anjakan paradigma, yang memberi penekanan kepada masyarakat dunia melalui tindakan dalam rutin harian mereka, samada mereka merupakan syarikat-syarikat korporat, agensi kerajaan, NGO, ahli komuniti, mahupun isi rumah masing-masing. Terdapat dua sebab utama untuk kita melaksanakan perubahan ini : yang pertama adalah degradasi yang amat jelas yang dapat kita lihat pada keadaan persekitaran, bau atau sekurang-kurangnya melalui media. Sebab yang kedua pula adalah kecenderungan masyarakat terhadap tahap kesihatan, sumber pemakanan, dan aktiviti senaman yang kadangkala kita sifatkannya sebagai “kesejahteraan hidup”.

KOMITMEN BERTERUSAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

MBSA sentiasa memberi penekanan kepada konsep dan inisiatif “Kejiranan Hijau” atau “Inisiatif Hijau Shah Alam” dalam pelaksanaan pembangunannya. Konsep “Kejiranan Hijau” menggariskan panduan dan prinsip perancangan kejiranan untuk memelihara dan meningkatkan kualiti persekitaran kehidupan yang lebih kondusif dengan menerapkan elemen-elemen penghijauan dalam perancangan guna tanah, rekabentuk bandar dan susunatur kawasan kejiranan. Ia juga selaras dengan agenda global terutamanya untuk meningkatkan dan memupuk kesedaran awam terhadap teknologi hijau bagi mencapai hasrat pembangunan mampan dengan persekitaran kehidupan yang sihat, terutama di bandar-bandar yang padat.

“Inisiatif Hijau Shah Alam” yang dilaksanakan oleh MBSA telah mendapat pengiktirafan dunia atas usaha-usaha gigih dan komitmen berterusan yang telah dibuktikan, sehingga berjaya merangkul anugerah-anugerah tersebut, antaranya - anugerah bertaraf antarabangsa ‘Green Apple Award’ bagi kategori ‘Best Environment Practice’ dengan mengetengahkan hasil daripada Projek Pengindahan Lorong Belakang yang dilaksanakan di kawasan pentadbiran MBSA.

Program Basikal Santai Dan Penyerahan Bendera Jalur Gemilang MBSA.

‘Green Apple Award 2014’ merupakan anugerah yang dianjurkan oleh pihak The Green Organisation yang berpangkalan di United Kingdom bertujuan menggalakkan kempen alam sekitar dan mengiktiraf amalan menjaga

alam sekitar yang diamalkan oleh sesebuah pertubuhan, organisasi, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan kerajaan dari seluruh dunia.

Program Pengindahan Lorong Belakang yang dilaksanakan oleh MBSA bertujuan mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap kawasan lorong belakang yang tidak terurus kepada persepsi positif bahawa lorong belakang ini boleh berubah menjadi pusat tumpuan pelancongan, menggalakkan aktiviti komuniti setempat, seni dan budaya. Program Pengindahan Lorong Belakang telah dilaksanakan di kawasan Seksyen U6, Seksyen 2, dan juga Seksyen 7. Kawasan lorong belakang di Seksyen 2 dan 7 kini dikenali sebagai Laman Seni 2 dan Laman Seni 7

Sebelum ini, MBSA turut memenangi Anugerah 'Planning Excellence Awards 2014' melalui kategori 'Place Making & Public Space Award' daripada Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) hasil daripada Projek Pengindahan Lorong Belakang pada Majlis Penganugerahan MIP 'Planning Excellence Awards 2014' yang dianjurkan oleh pihak Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP). Penganugerahan dan pengiktirafan ini menjadi dorongan dan motivasi kepada MBSA untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan efisyen kepada masyarakat khususnya kepada warga Shah Alam.

MBSA juga sebenarnya telah banyak melaksanakan penambahbaikan "green impact" seperti penyediaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) kepada semua tandas awam; dan mesin memproses sisa buangan kepada semua gerai makan di bawah pengurusan MBSA. Dengan penyediaan SPAH pada tandas dan gerai ini dapat mengurangkan kos utilili bagi pembersihan tandas dan gerai; manakala penyediaan mesin memproses sisa buangan pada gerai pula boleh mengurangkan kos kutipan sampah ke pusat pembuangan sampah.

Kita juga melaksanakan "lock and rent bicycle program" bagi diseimbangkan dengan pembinaan trek basikal yang terintegrasi di Shah Alam. Pembinaan trek basikal melalui program Inisiatif Hijau Shah Alam, dilaksanakan bagi menggalakkan aktiviti berbasikal dan cara hidup sihat yang lebih menyeluruh di kalangan masyarakat. Ia juga bagi menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan diintegrasikan dengan kemudahan MRT dan LRT yang akan dilaksanakan di Shah Alam dalam masa terdekat.

Tumpuan turut diberikan kepada pembangunan fizikal; melalui konsep "bridging the gap" di mana pentingnya untuk melaksanakan pembangunan seimbang di antara kawasan dan seksyen. Bandar raya Shah Alam terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu Seksyen 1 hingga 24 kawasan tengah, Seksyen U1 hingga U20 bagi kawasan Utara dan Seksyen 25 hingga 36 bagi kawasan Selatan Shah Alam. Manakala, mengikut Pelan Rancangan Tempatan MBSA 2020 (Pengubahan 1) yang diwartakan pada 21 Jun 2012, pembangunan Shah Alam telah dibahagikan kepada 5 blok perancangan kecil. Shah Alam dibangunkan dengan pembangunan yang merangkumi gunatanah seperti; kediaman - 34.147%; industri - 12.79 %; komersil dan perkhidmatan - 3.92%; institusi dan kemudahan masyarakat - 8.80% dan selebihnya adalah untuk pembangunan infrastruktur dan utiliti, tanah lapang dan rekreasi, pertanian, hutan dan badan air.

Peratusan Guna Tanah Di Kawasan Pentadbiran MBSA



Pembangunan Shah Alam secara konsistennya adalah berasaskan kepada pembangunan mampan. Komitmen ini telah diberi pengiktirafan di mana, Shah Alam berjaya mengekalkan status sebagai bandar raya termampan selama tiga tahun berturut-turut (2012, 2013 dan 2014), bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia. Penilaian adalah berdasarkan kepada tahap kemampanan dalam program "Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development" atau "MurniNets" oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. MBSA telah memperolehi keputusan kemampanan sebanyak 97% menunjukkan bahawa bandar raya shah alam telah mencapai tahap kemampanan tertinggi mengatasi 151 bandar lain yang diterajui oleh pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

Di peringkat organisasi MBSA, pembangunan pengurusan organisasi; di mana diterapkan pembangunan nilai dan budaya kerja cemerlang. Prestasi dan pencapaian mbsa bergantung kepada pengurusan tertinggi, profesional, kumpulan sokongan, serta seluruh warga kerja yang berkhidmat. Dengan kekuatan warga kerja seramai 1,700 orang dan akan bertambah, kita sentiasa memikirkan mengenai pelbagai inisiatif untuk membentuk budaya kerja cemerlang. Pada tahun ini, MBSA telah berjaya menyediakan Pelan Tindakan Pencegahan Rasuah (PTPR) yang telah dirangka bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Majlis Pelancaran Pelan Strategik Pencegahan Rasuah MBSA 2014

Melalui PTPR, kerjasama, perkongsian dan kepakaran diwujudkan bersama pihak SPRM dalam aspek pengesanan, khidmat perunding, penyaluran maklumat, latihan dan usaha-usaha peningkatan integriti. PTPR adalah usaha pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan sebagai usaha dalaman mbsa yang sistematik dan berkesan dalam membanteras gejala rasuah di kalangan warga kerja. Usaha dalaman pencegahan rasuah akan lebih berkesan dan memberi impak yang positif jika ianya dilaksanakan oleh warga organisasi itu sendiri.

Di samping itu juga MBSA sentiasa mengamalkan keprihatinan dalam pentadbiran dengan memberi tumpuan kepada pembangunan pengurusan komuniti; melalui "smart partnership" dan "capacity building" bersama komuniti. Contoh terbaik adalah program Mini Zeebee. Idea untuk melaksanakan program ini datangnya daripada inisiatif kita untuk melibatkan sepenunhya setiap zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam. Pertandingan Zon Bersih Mini (Minizeebee) ini mula diadakan pada tahun 2013 bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap kebersihan melalui penglibatan komuniti serta mempereratkan perpaduan dan permuafakatan di kalangan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSA.

Penyertaan dibuka kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetangga (RT) dan Persatuan Penduduk (RA) yang bernaung di bawah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di bawah pentadbiran MBSA. Antara amalan terbaik yang ditunjukkan oleh JKKK,RA dan RT adalah pengindahan kebun komuniti, program kitar semula, program penjimatan elektrik, projek pengumpulan air hujan (SPAH), pengkomposan sisa makan, dan pelbagai lagi aktiviti yang melibatkan komuniti setempat. Pertandingan ini dapat menggalakkan permuafakatan di antara warga Shah Alam selain dapat memupuk warga kota yang mempunyai jati diri dan menyayangi bandar raya Shah Alam ini.

PENUTUP

Mengekalkan pencapaian dan khidmat terbaik

Sepanjang tempoh pentadbiran dan perkhidmatan, diharapkan saya telah dapat merapatkan jurang di antara PBT dan masyarakat; meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan demi mencapai Visi, Misi dan aspirasi Majlis dan juga Kerajaan Negeri; mempereratkan lagi kerjasama dan jaringan komunikasi bersama penduduk setempat, dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif demi untuk kebaikan masyarakat.

Apatah lagi dengan peningkatan taraf hidup dan perkembangan teknologi masa kini, yang mana telah meningkatkan kesedaran di kalangan warga Shah Alam sebagai golongan pembayar cukai atau stake-holders yang sentiasa mahukan perkhidmatan yang terbaik dan konsisten daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Saya pasti, jika kecemerlangan pencapaian ini dapat diteruskan, maka MBSA akan muncul sebagai sebuah PBT yang cemerlang dan unggul di negeri Selangor dan Malaysia.

Diharapkan melalui penerbitan Laporan Tahunan MBSA 2014 ini akan memberi lebih informasi dan maklumat tambahan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan berkenaan struktur organisasi, serta laporan perkhidmatan dan pencapaian MBSA yang relevan dari masa ke semasa. Sekian, Wassalam,

Khidmat Terbaik.

DATO' HJ. MOHD JAAFAR BIN HJ. MOHD ATAN
DPMS,PPT,PSK,BKT,AMN,PJK
Datuk Bandar Shah Alam

LAPORAN PERKHIDMATAN

Jabatan Kewangan 18

Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan 20

Jabatan Taman & Rekreasi 25

Jabatan Kewangan

1.0 PROFIL

Jabatan Kewangan bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan hasil dan perbelanjaan Majlis. ***Jabatan ini terdiri daripada:-***

- **Bahagian Hasil** – Unit Kutipan
  – Unit Cukai Taksiran
- **Bahagian Perakaunan** – Unit Akaun
  – Unit Belanjawan
- **Bahagian Perbelanjaan** – Unit Bayaran
  – Unit Gaji dan Saraan
- **Unit Pentadbiran**

2.0 FUNGSI JABATAN

- Menerima kutipan bagi semua bil Majlis dan bil cukai tanah.
- Mengurus hal-hal berkaitan cukai taksiran Majlis.
- Menyediakan penyata kewangan tahunan Majlis.
- Menyediakan belanjawan tahunan Majlis.
- Menguruskan pembayaran kepada kontraktor dan pembekal.
- Menguruskan gaji dan saraan kakitangan Majlis.
- Menguruskan hal ehwal kakitangan dan Mesyuarat di Jabatan Kewangan

3.0 LAPORAN AKTIVITI

3.1 BAHAGIAN HASIL

Unit Kutipan

Sepanjang tahun 2014, pihak Jabatan telah berjaya membuka kaunter bayaran untuk menerima kutipan semua bil Majlis dan Cukai Tanah di Kaunter Utama, Kaunter di Pandu Masuk dan Kaunter OSC. Seramai 106,887 orang pelanggan telah membuat pelbagai urusan di Kaunter Utama dan dari jumlah tersebut seramai 82,474 (77.16%) orang telah menerima layanan dari petugas kaunter dalam tempoh kurang dari 5 minit, manakala seramai 24,413 (22.84%) orang telah menerima layanan lebih dari 5 minit.

Prestasi Tempoh Masa Menunggu Di Kaunter Utama



Pihak Jabatan juga telah menyediakan kaunter bergerak bagi mengutip sewa gerai dan pasar pagi di sekitar Shah Alam bagi kemudahan untuk penyewa membuat pembayaran.

Unit Cukai Taksiran

Sebanyak 212,112 pegangan harta telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2014. Pegangan ini merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis dari Seksyen 1 hingga Seksyen 24 di Bahagian Tengah, Seksyen 25 hingga Seksyen 36 di Bahagian Selatan dan Seksyen U1 hingga Seksyen U20 di Bahagian Utara.

Bil cukai taksiran boleh dijelaskan di kaunter bayaran MBSA. Pembayaran bil cukai taksiran MBSA juga diterima di Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negeri Selangor. Pembayaran juga boleh dibuat di semua Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor serta Pejabat Pos seluruh Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya juga tidak ketinggalan menjadi agensi kutipan cukai taksiran. Di samping itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui TNB dan bank-bank perdagangan yang terpilih sama ada pembayaran dibuat melalui kaunter mahupun perbankan internet.

Pembayaran melalui kad kredit dan kad caj juga diterima sama ada melalui 'mail order' atau arahan tetap di agensi terpilih. Selain daripada itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui perkhidmatan telefon menggunakan perkhidmatan Kawanku Phone Banking daripada Maybank, 'Call N Pay Services' daripada MBF Cards dan perkhidmatan 'My Mobile' dari CIMB Bank.

Kemudahan bagi semakan bayaran dan cetakan bil cukai taksiran juga boleh dibuat oleh pemilik harta dengan mendaftar di laman web Majlis Bandaraya Shah Alam. Kemudahan ini membolehkan pemilik boleh mendapatkan penyata bayaran cukai taksiran dan juga boleh mencetak sendiri bil cukai taksiran yang terkini.

Ringkasan Laporan Pembayaran Cukai Taksiran Pelbagai Saluran



3.2 BAHAGIAN PERAKAUNAN

Unit Akaun

Unit Akaun bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan MBSA bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Sebelum dihantar ke Jabatan Audit Negara, Penyata Kewangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan seterusnya dibawa ke dalam Mesyuarat Penuh Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Tarikh akhir penghantaran Penyata Kewangan Majlis adalah sebelum atau pada 30 April.

Pihak Majlis telah memperolehi Sijil Tanpa Teguran ke atas Penyata Kewangan 2013.

Unit Belanjawan

Kutipan hasil Majlis pada tahun 2014 adalah seperti berikut :-

	Anggaran 2014 (RM)	Hasil Sebenar 2014 (RM)
Hasil Cukai	227,533,590	233,837,071.95
Hasil Bukan Cukai	117,589,830	303,040,604.57
Terimaan Bukan Hasil	5,030,050	13,564,227.00
Jumlah Hasil	**350,153,470**	**550,441,903.52**

Peratus kutipan hasil adalah sebanyak RM 157.20 %.

Perbelanjaan Majlis pula sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM194.31 juta iaitu terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak RM263.78 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak RM69.46 juta.

	Anggaran 2014 (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2014 (RM)
Belanja Mengurus		
Emolumen	49,027,440	47,830,196.15
Perkhidmatan Dan Bekalan	212,644,410	201,150,707.60
Aset	14,091,820	11,304,226.07
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,388,120	996,208.71
Perbelanjaan-perbelanjaan Yang Lain	2,658,850	2,494,296.02
Jumlah Belanja Mengurus	279,810,640	263,775,634.55
Belanja Pembangunan	70,829,780	69,460,303.26
Jumlah Perbelanjaan	208,980,860	194,315,331.29

3.3 BAHAGIAN PERBELANJAAN

Unit Bayaran

Sepanjang tahun 2014, Unit Bayaran telah memproses sebanyak 18,043 baucar bayaran yang bernilai RM284.96 juta dalam tempoh 5 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen lengkap.

Unit Gaji dan Saraan

Menyediakan segala pembayaran emolumen wargakerja Majlis yang terdiri daripada 808 orang kakitangan tetap, 686 orang kakitangan kontrak dan 66 orang kakitangan sambilan. Ini melibatkan pembayaran emolumen setahun sebanyak RM56.9 juta.

Tarikh pembayaran emolumen adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan pada awal tahun 2014 seperti mana yang ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Di samping itu, Unit ini juga menyediakan pembayaran untuk elaun Ahli Majlis dan menyediakan borang penyata pendapatan tahun (EC) untuk tujuan cukai pendapatan (LHDN).

Unit Pentadbiran

Unit Pentadbiran Jabatan telah berjaya menguruskan kursus berkaitan pengurusan kewangan di mana penceramah adalah terdiri daripada Ketua Bahagian/Unit Jabatan Kewangan sepanjang tahun 2014 seperti berikut;

Kursus / Bengkel	Tarikh
Prosedur Kewangan	5 dan 6 Feb 2014
Emolumen & Kemudahan Kakitangan	7 Mac 2014
Kursus 'Finance For Non Financial Managers'	26 dan 27 April 2014
Bengkel Penyediaan Pindah Peruntukan 2014	20 November 2014
Bengkel Penyediaan Tanggungan Perbelanjaan 2015	29 Disember 2014

Peserta kursus adalah terdiri daripada kakitangan Jabatan/ Bahagian Majlis Bandaraya Shah Alam. Objektif kursus-kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara umum mengenai pengurusan kewangan di Majlis Bandaraya Shah Alam meliputi pengurusan belanjawan, pengurusan bayaran dan bayaran emolumen. Di samping itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan keyakinan diri kepada kakitangan ke atas pengurusan kewangan serta prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh MBSA.

4.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Aktiviti / Pencapaian	Catatan
Penyertaan di dalam Pertandingan KIK	Peringkat MBSA 2014
Menerima Lawatan daripada	**Catatan**
Panel Audit Keselamatan MBSA	28 Februari 2014
Audit Persijilan Persekitaran Berkualiti (MPC)	21 April 2014
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	23 Julai 2014
Audit Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM QAS	17 September 2014
Pencapaian	**Catatan**
Anugerah Pentadbiran Dan Persekitaran Berkualiti (APPB) (Skop Ruang Pejabat dan Ruang Umum) Kategori A *- Sempena Minggu Kualiti / Inovasi Peringkat MBSA 2014*	Tempat Pertama

Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan

1.0 PROFIL

Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan diketuai oleh Pengarah Tuan Haji Rosli bin Bakar. Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan terbahagi kepada dua bahagian :

i. Bahagian Pelesenan

ii. Bahagian Penguatkuasa

1.1 OBJEKTIF

i. Menguruskan pengeluaran lesen secara efisyen bagi meningkatkan hasil Majlis.

ii. Menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaya maju.

iii. Mengawal selia dan mengatur perniagaan dan industri melalui nilai-nilai bandaraya mampan.

iv. Melahirkan golongan masyarakat yang memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan MBSA.

v. Menjalain hubungan yang erat dengan lain-lain jabatan dan agensi demi mencapai matlamat Majlis.

vi. Memastikan tindakan penguatkuasaan dilakukan secara berhemah dan efektif mengikut undang-undang dan peraturan yang digunapakai

1.2 FUNGSI JABATAN

i. Menguruskan pengeluaran lesen dan permit.

ii. Menguruskan penyewaan premis (kiosk, pasar dan gerai)

iii. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis

iv. Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis

v. Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan

1.3 PIAGAM PELANGGAN

i. Meluluskan lesen perniagaan dalam tempoh 1 jam (lesen tidak berisiko, iklan kekal, bunting dan banner)

ii. Meluluskan lesen industri dalam masa 30 hari

iii. Meluluskan pelbagai lesen dalam tempoh 14 hari bekerja (lesen hiburan, sementara, anjing, promosi jualan dan lain-lain)

iv. Mengeluarkan bil sewaan sebelum atau pada 3 haribulan setiap bulan

v. Tuntutan dan pengeluaran barang-barang sitaan boleh dibuat selepas 7 hari dari tarikh sitaan.

vi. Tuntutan kereta yang ditunda boleh dibuat serta-merta

vii. Kereta-kereta buruk boleh dituntut dalam tempoh 3 bulan.

2.0 BAHAGIAN PELESENAN

2.1 LAPORAN SEKSYEN KOMPOSIT

2.1.1 Laporan Pengeluaran Lesen

Pada tahun 2014, sebanyak 2,700 permohonan lesen telah diluluskan seperti berikut :

JENIS LESEN	BILANGAN LESEN YANG DILULUSKAN 2014
Perindustrian	303
Perniagaan	1,463
Tempat Pengendali Makanan/Restoran	311
Tadika/Taska/Taski	16
Pembuangan Sampah	-
Hiburan	3
Iklan	108
Anjing	86
Gerai/Kiosk Majlis	135
Pasar Majlis	16
Pasar Malam/Pasar Pagi/Penjaja Sementara	259
Jumlah	**2,700**

Sehingga tahun 2014, jumlah lesen terkumpul yang telah dikeluarkan/diluluskan adalah sebanyak 29,168 yang terdiri daripada 6,746 lesen perindustrian, 10,150 lesen perniagaan, 1,931 lesen Tempat Pengendali Makanan, 234 lesen Tadika/Taska/Taski, 75 lesen pembuangan sampah, 61 lesen hiburan, 1,499 lesen iklan, 758 lesen anjing, 1,678 lesen gerai/kiosk Majlis, 501 lesen Pasar Majlis dan 5,535 lesen Pasar Malam/Pasar Pagi/Penjaja Sementara. Ringkasannya seperti di bawah :

JENIS LESEN	BILANGAN LESEN TERKUMPUL 2014
Perindustrian	6,746
Perniagaan	10,150
Tempat Pengendali Makanan/Restoran	1,931
Tadika/Taska/Taski	234
Pembuangan Sampah	75
Hiburan	61
Iklan	1,499
Anjing	758
Gerai/Kiosk Majlis	1,678
Pasar Majlis	501
Pasar Malam/Pasar Pagi/Penjaja Sementara	5,535
Jumlah	**29,168**

2.1.2 Laporan Kutipan Lesen

Kutipan Hasil Sebenar Lesen dan Permit Serta Lain-Lain Hasil

Pada tahun 2014 jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak RM 16,178,781.70 juta yang terdiri dari kutipan lesen industri sebanyak RM 5,902,410.00, perniagaan RM 3,394,233.00, iklan RM 2,093,109.70, penyediaan tempat makanan RM 750,470.00, hiburan RM 288,000.00, pusat asuhan kanak-kanak RM 25,350.00, gerai/pasar majlis RM 502,832.00, pelbagai permit RM 2,981,187.00, dan pelbagai lesen RM 241,190.00. Keseluruhan kutipan lesen 2014 telah meningkat sebanyak RM2,908,956.70 atau 18.0% dari tahun 2013.

Manakala bagi hasil-hasil lain adalah sebanyak RM 1,703,681.36 juta yang terdiri daripada bayaran perkhidmatan RM 1,271,122.26, pelbagai jualan RM 379,487.00, denda/caj lewat RM 53,072.10. Hasil-hasil lain tahun 2014 telah meningkat sebanyak RM613,636.10 atau 36% dari tahun 2013. Kutipan lesen dan permit dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di bawah :

Kutipan lesen dan permit dari tahun 2010 hingga 2014

Lesen& Permit	Tahun				
Perkara	2010	2011	2012	2013	2014
Industri	2,478,291.00	2,599,070.00	3,023,215.00	4,478,085.00	5,902,410.00
Perniagaan	1,952,844.00	2,226,961.00	2,674,897.00	3,035,197.00	3,394,233.00
Iklan	1,492,183.00	1,618,102.00	1,923,626.00	1,800,533.50	2,093,109.70
Penyediaan Tempat makanan	524,100.00	553,350.00	681,310.00	652,530.00	750,470.00
Hiburan	134,898.00	155,268.00	292,734.00	311,190.00	288,000.00
Pusat Asuhan Kanak-Kanak	24,900.00	23,100.00	28,200.00	32,100.00	25,350.00
Gerai/Pasar Majlis	480,981.00	521,877.00	598,613.00	513,016.00	502,832.00
Pelbagai Permit	1,010,678.00	1,463,753.00	1,808,936.70	2,262,064.00	2,981,187.00
Pelbagai Lesen	150,962.00	152,730.00	151,110.00	185,110.00	241,190.00
Jumlah A	**8,249,837.00**	**9,314,211.00**	**11,182,641.70**	**13,269,825.50**	**16,178,781.70**

Kutipan hasil-hasil lain dari tahun 2010 hingga 2014

Hasil-Hasil Lain	Tahun				
Perkara	2010	2011	2012	2013	2014
Bayaran Perkhidmatan	853,197.00	1,774,258.00	671,930.16	677,911.76	1,271,122.26
Pelbagai Jualan	319,866.00	293,459.00	320,897.00	332,273.00	379,487.00
Denda/Caj Lewat	52,531.00	108,782.00	125,414.00	79,860.50	53,072.10
Jumlah B	**1,225,594.00**	**2,176,499.00**	**1,118,241.16**	**1,090,045.26**	**1,703,681.36**

2.1.3 Laporan Pembaharuan Lesen Perniagaan/Perindustrian Dan Iklan Tahun 2015

Sehingga 31 Disember

Penghantaran Notis Pembaharuan Lesen 2015

Semua pemegang lesen di kawasan pentadbiran MBSA dikehendaki untuk memperbaharui lesen bagi tahun 2015 sebelum atau pada 31 Disember 2014. Pihak jabatan telah menghantar sebanyak 17,253 Notis Pembaharuan Lesen 2015. Di dalam Notis tersebut dinyatakan bayaran lesen perlu dijelaskan sebelum/pada 31 Disember 2014. Jika tiada bayaran diterima sebelum/pada tarikh akhir bayaran, akaun lesen akan ditutup. Bagi mengaktifkan akaun lesen, bayaran dikenakan sebanyak RM50.00 bagi perniagaan dan RM100.00 bagi Industri. Kos pentadbiran sebanyak 10% dari kadar lesen dikenakan pada 1 Februari 2015 jika masih tiada lagi bayaran dibuat. Pembaharuan lesen boleh dibuat untuk tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) tahun bagi lesen-lesen perniagaan yang tidak berisiko. Notis Pembaharuan Lesen 2015 yang telah diposkan adalah seperti di bawah:

Notis Pembaharuan Lesen 2015

2.1.4 Taklimat Kepada Pengusaha Pusat Siber Dan Kafe Siber

Taklimat kepada semua pengusaha pusat siber dan kafe siber telah diadakan pada 21 Mac 2014. Tujuan taklimat diadakan adalah bagi memaklumkan kepada pengusaha pusat siber dan kafe siber berkaitan syarat-syarat serta peraturan-peraturan mengendalikan pusat siber/kafe siber seperti mana pekeliling dari Kerajaan Negeri Selangor.

Taklimat kepada pengusaha pusat siber/kafe siber

2.1.5 Perjumpaan Pengusaha Restoran India Muslim Bersama Datuk Bandar

Jabatan telah mengadakan sesi perjumpaan di antara Datuk Bandar dengan 112 pengusaha restoran India Muslim yang beroperasi dalam kawasan pentadbiran Majlis. Perjumpaan tersebut telah diadakan pada 3 September 2014. Perjumpaan di antara Datuk Bandar dengan pemunya/pengusaha restoran India Muslim ini diadakan adalah untuk menyampaikan hasrat Majlis Bandaraya Shah Alam supaya pemilik dan pengusaha restoran ini memahami dan boleh mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis bagi memastikan mutu dan kualiti makanan yang dibeli oleh pelanggan adalah di tahap bersih dan selamat serta membuat pengubahsuaian mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis.

Perjumpaan pengusaha restoran India Muslim bersama Datuk Bandar

2.1.6 Kaunter Pembaharuan Lesen

Bagi melancarkan proses pembaharuan lesen tahun 2015, jabatan mengambil inisiatif untuk menyediakan kaunter bayaran bergerak di pusat membeli belah di beberapa kawasan terpilih. Kaunter bayaran bergerak ini dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang. Selain dari bayaran pembaharuan lesen, bayaran cukai taksiran dan kompaun juga boleh dibuat di kaunter bayaran tersebut. Pihak jabatan telah menyediakan kaunter pembaharuan lesen di 14 kompleks membeli belah di Shah Alam. Kaunter bayaran pembaharuan lesen telah bermula pada 4 November 2014 dan berakhir pada 30 Disember 2014. Sepanjang tempoh pembukaan kaunter tersebut jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak **RM50,248.00**.

2.1.7 Lesen 1 Jam

Lesen 1 Jam telah mula dilaksanakan pada 14 September 2011. Lesen 1 jam diperkenalkan adalah bagi mempermudahkan urusan permohonan lesen perniagaan kepada orang ramai khususnya kepada pelabur dalam dan luar negara yang ingin memulakan perniagaan mereka di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam. Selain itu, ia juga menjimatkan masa memproses kelulusan lesen. Pada awalnya sebanyak 80 aktiviti lesen boleh diluluskan dalam masa 1 jam. Dari masa ke semasa pihak jabatan telah menambahbaik pengeluaran lesen dengan menambah bilangan aktiviti lesen yang boleh dikeluarkan dalam tempoh 1 jam. Pada tahun 2014, Majlis telah meluluskan penambahan bilangan aktiviti lesen yang diluluskan dalam masa 1 jam. **Sehingga kini, terdapat 90 aktiviti lesen yang boleh diluluskan dalam masa 1 jam**. Jumlah lesen 1 jam yang telah diluluskan sehingga Disember 2014 adalah sebanyak 1,575 seperti berikut:

Bulan/Tahun	Bilangan Lesen 1 Jam
(14/9-31/12/2011)	76
2012	530
2013	406
2014	563
JUMLAH	**1,575**

Laporan kelulusan lesen satu (1) jam dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan pada setiap bulan. Senarai 90 aktiviti lesen 1 jam adalah seperti Pasar Mini, Butik, Kedai Pakaian, Kedai Gambar, Kedai Dobi, Kedai Barangan Kesihatan, Menjual Ubat Tradisional, Kedai Barang Elektrik/Alat Hawa Dingin dan pelbagai lagi.

2.2 LAPORAN SEKSYEN PENJAJA

2.2 UNIT GERAI

2.2.1 Laporan Sewaan Premis Majlis

Tahun 2014, Unit Gerai telah menerima sebanyak 311 permohonan penyewaan meliputi permohonan gerai, pasar dan kiosk. Sebanyak 164 permohonan penyewaan telah diluluskan untuk premis-premis Majlis manakala selebihnya tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan beberapa faktor seperti tiada kekosongan, jenis jualan yang tidak sesuai dan borang tidak lengkap.

Berikut adalah data permohonan penyewaan gerai, pasar dan kiosk yang diterima oleh Bahagian Penjaja, Jbt. Pelesenan & Penguatkuasaan:

Perkara	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	Jumlah
Gerai Majlis	13	37	44	10	7	10	14	14	17	11	13	22	212
Pasar Majlis	-	5	2	5	1	2	2	5	2	4	1	-	29
Kiosk Majlis	12	10	4	4	8	6	2	7	7	-	3	7	70
Jumlah	25	52	50	19	16	18	18	26	26	15	17	29	311

Pihak Jabatan juga telah menyediakan kemudahan kutipan di tapak setiap premis Majlis dengan menggunakan khidmat lori Kaunter Bergerak secara berjadual. Tindakan ini telah memudahkan peniaga membuat bayaran sewaan dan utiliti kepada pihak Majlis serta banyak membantu mengurangkan tunggakan dan meningkatkan hasil Majlis. Berikut adalah jumlah kutipan yang dibuat melalui Kaunter Bergerak di tapak sepanjang tahun 2014:

PERKARA	JUMLAH KUTIPAN KAUNTER BERGERAK Januari – Disember 2014 (RM)
Gerai	330,465.10
Pasar	282,461.53
Kiosk	8,280.00
Air	26,134.23
Elektrik	15,923.80
JUMLAH	**663,264.66**

Jumlah kutipan sewa sebenar bagi tahun 2014 untuk semua premis Majlis termasuk medan selera, gerai, pasar, kiosk dan sewa tapak penjaja adalah **RM2,940,371.53. Peratus pencapaian adalah 102%.**

2.2.2 Laporan Operasi Sitaan dan Penutupan Premis

Sepanjang tahun 2014, Unit Gerai telah mengambil tindakan menutup atau menamatkan penyewaan premis/akaun ke atas 51 penyewa. Sebanyak 38 operasi pemeriksaan dan 33 operasi sitaan telah dijalankan oleh Unit Pemantauan, Bahagian Pelesenan ke atas premis-premis Majlis yang mempunyai tunggakan sewaan atau utiliti yang tinggi serta melanggar syarat/dasar penyewaan yang ditetapkan oleh Majlis.

2.3 UNIT PENJAJA

2.3.1 Pengambilalihan Pengurusan Pasar Pagi Dan Pasar Malam

Dimaklumkan bhawa pihak Majlis telah mula mengambil alih pengurusan Pasar Malam dan Pasar Pagi daripada pihak Persatuan Penduduk/ JKKK/ Persatuan Penjaja dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dalam kawasan Majlis mengikut tarikh yang telah dirancangkan. Surat Pekeliling kepada semua pengurusan Pasar Malam dan Pasar Pagi yang terlibat telah mula dikeluarkan pada 31 Disember 2013.

Berikut adalah tarikh pengambilalihan semua Pasar Malam dan Pasar Pagi yang terlibat:

PERKARA	Tarikh Pengambilalihan
Pasar Malam (16 Lokasi)	
A. Di bawah JKKK/ Persatuan Penduduk	
Pasar Malam Paya Jaras, Seksyen U19	2hb April 2014
Pasar Malam Jalan Kebun, Seksyen 30	18hb Mac 2014
Pasar Malam Kg Padang Jawa, Seksyen 17	23hb Mei 2014
Pasar Malam Kg Melayu Subang Tambahan, Seksyen U3	1hb Mei 2014
Pasar Malam Kg Bukit Naga, Seksyen 32	6hb Jun 2014
Pasar Malam Kg Sungai Kandis, Seksyen 36	4hb Jun 2014
Pasar Malam Kg Melayu Subang, Seksyen U6	5hb Mei 2014
B. Di bawah Persatuan Penjaja (7 Lokasi)	
Pasar Malam Setia Alam, Seksyen U13	1hb Feb 2014
Pasar Malam Seksyen 7	4hb Jun 2014
Pasar Malam Seksyen 20	7hb Jun 2014
Pasar Malam Seksyen 27	10hb Jul 2014
Pasar Malam Kg. Bertik Subang, Seksyen U6	5hb Mei 2014
Pasar Malam Taman Bukit Subang, Seksyen U16	8hb Jun 2014
Pasar Malam Mah Sing, Seksyen U5	7hb Mei 2014
C. Di bawah Majlis Perwakilan Penduduk (2 Lokasi)	
Pasar Malam Bandar Baru Sg Buloh, Seksyen U20	30hb Jun 2014
Pasar Malam Subang Perdana, Seksyen U3	14hb Feb 2014
Pasar Malam (16 Lokasi)	
Pasar Pagi Kg. Kubu Gajah, Seksyen U17	30hb Jun 2014
Pasar Pagi Kg Paya Jaras, Seksyen U19	2hb April 2014

2.3.2 Laporan Permit Bazar Ramadhan MBSA 2014/1435h

Permohonan permit Bazar Ramadhan MBSA 2014/1435H telah mula dibuka oleh Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan mulai 25hb Mac 2013 sehingga 27hb Mac 2014 bagi tempoh 3 hari dan sebanyak 2226 lot Bazar Ramadhan yang ditawarkan oleh Majlis. Dimaklumkan bahawa borang yang dikeluarkan adalah percuma dan boleh dibuat salinan oleh pemohon. Pemohon juga boleh mendapatkan borang Bazar Ramadhan secara muat turun daripada laman portal MBSA.

Pada tahun 2014 pihak Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 2050 permit untuk 31 lokasi tapak Bazar Ramadhan di bawah pengurusan pihak Majlis (27 tapak Majlis + 4 tapak Pasar Malam yang baru diambillih pengurusan oleh Majlis).

Pada tahun 2014 pihak Jabatan telah membuat penambahbaikkan ke atas pengurusan pengeluaran permit Bazar Ramadhan. Antara penambahbaikkan yang dilakukan ialah:

i. Mengeluarkan borang secara percuma kepada pemohon dan pemohon juga boleh muat turun (download) borang tersebut dari laman web MBSA sahaja.

ii. Penggunaan sistem SAIS ini membolehkan semua maklumat pemohon terus direkodkan dan disimpan pada hari pendaftaran. Mudah untuk mendapatkan semula maklumat pemohon setelah direkodkan dalam sistem SAIS.

iii. Pihak Jabatan dapat memantau setiap pemohon hanya dapat memohon satu tapak sahaja dengan memasukkan maklumat nom. kad pengenalan. Ini dapat memberi peluang kepada semua peniaga memohon tapak Bazar Ramadhan.

iv. Mewajibkan pemohon yang hadir semasa pendaftaran. Ini dapat mengelak berlakunya pemohon menggunakan nama orang lain untuk mendaftar bagi mendapatkan tapak Bazar Ramadhan.

v. Pengambilan gambar segera menggunakan 'web cam' pada hari pendaftaran membolehkan permit Bazar Ramadhan terus dicetak pada hari yang sama.

vi. Kebanyakkan pemohon berpuas hati dengan kaedah yang baru digunakan kerana mereka yang ingin berniaga mempunyai peluang untuk mendapat tapak Bazar Ramadhan berbanding pada tahun yang lepas. Ini kerana terdapat pemohon yang mengambil lebih daripada satu tapak dan menjual semula tapak tersebut kepada pihak ketiga dan ada juga peniaga yang membiarkan sahaja tapak yang diperolehinya kosong. Keadaan ini menyebabkan ada pihak yang ingin berniaga tiada peluang mendapat tapak.

3.0 BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

3.1 PENGENALAN

Bahagian Penguatkuasaan diketuai oleh Timbalan Pengarah Penguatkuasaan, Tuan Abdul Hakim Bin Haji Mahmud dan dibantu oleh 3 orang Pegawai Penguatkuasa, 1 orang Pegawai Task Force, 7 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa, 1 orang Penolong Pegawai Tadbir, 15 orang Pembantu Penguatkuasa Kanan, 227 orang Pembantu Penguatkuasa, 44 orang Pengawal Keselamatan dan 1 orang Pembantu Am Pejabat. Pembahagian Unit/Zon:-

- Unit Pentadbiran / Pengurusan
- Unit PANTAS
- Unit Trafik / Tunda
- Zon Alpha – Seksyen U4, U5, U7, U15 - U20
- Zon Bravo – Seksyen U1- U3, U6, U8 – U10, U13, U14
- Zon Charlie – Seksyen 1 – 14, U11, U12
- Zon Delta – Seksyen 15 - 25
- Zon Echo – Seksyen 26 - 36

3.2 FUNGSI DAN PERANAN

- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis.
- Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis.
- Menyedia dan memberi perkhidmatan dan bantuan menyelamat apabila berlaku bencana alam dan banjir.

3.3 LAPORAN AKTIVITI

3.3.1 Laporan Pengeluaran Kompaun Bahagian Penguatkuasaan

UNDANG-UNDANG	JUMLAH KOMPAUN DIKELUARKAN
Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974	2,753
Akta Jalan, Parit Dan Bangunan	94
Akta Kerajaan Tempatan 1976	0
Perintah Pengangkutan Jalan MBSA 2007	7
UUK Establisymen Makanan (MBSA) 2007	426
UUK Hotel (MBSA) 2007	61
UUK Iklan (MBSA) 2007	6,465
UUK Iklan 1991	5
UUK Kedai Gunting Rambut 1983	1
UUK PARP (MBSA) 2007	11
UUK Pengendali Makanan (MBSA) 2007	40
UUK Penjaja (MBSA) 2007	7,789
UUK Penjaja 1982	14
UUK Perlesenan, Tred 1987	1
UUK PKPK (MBSA) 2007	76
UUK PPPSS (MBSA) 2007	42
UUK PTPP (MBSA) 2007	1,841
UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBSA) 2007	87
UUK Taman (MBSA) 2005	52,705
UUK Vandalisme (MBSA) 2005	29
JUMLAH KESELURUHAN	**72,447**

3.3.2 Laporan Operasi Bahagian Penguatkuasaan

JENIS OPERASI	JUMLAH OPERASI
Operasi Iklan Tanpa Lesen	1,217
Operasi Penjaja (Sitaan/Pemeriksaan)	340
Operasi/Pemeriksaan Premis Perniagaan	12
Operasi/Pemeriksaan Pusat Siber	115
Operasi Halangan (Kerusi meja, motosikal, awam)	162
Operasi/Pemeriksaan Premis Perindustrian	-
Operasi Billboard	8
Operasi Pusat Hiburan (Karaoke, Snooker, CD,VCD, DVD)	4
Operasi Pusat Kecantikan/Kesihatan	50
Operasi Bersepadu (Jabatan Dalam)	25
Operasi Hotel Bajet	-
Operasi Bersepadu (Agensi Luar)	19
Lain-lain Operasi (Carwash/Kenderaan Buruk)	112
Operasi Meninggalkan Peralatan (Penjaja)	17
Operasi Pelupusan/Pembuangan Sampah Haram	2
Operasi Pembangunan Tanpa Kebenaran (Perobohan)	2
Operasi Kerja Tanah	1
Operasi Taman Tasik (Memancing)	2
JUMLAH KESELURUHAN OPERASI TAHUN 2014	**2,088**

3.3.3 Catatan Program Sepanjang Tahun

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
Perjumpaan Anggota Penguatkuasa Bersama Datuk Bandar	Bilik Cattleya, Tingkat 3	21 Januari 2014
Ujian Kecergasan Pembantu Penguatkuasa Gred N17 (K)	Stadium Utama Shah Alam	29 Januari 2014
Ujian Kecergasan Pembantu Penguatkuasa Gred N17 (T) bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Stadium Utama Shah Alam	4 Februari 2014
Ujian Kecergasan Penolong Pegawai Penguatkuasa N27 (K) dan Pengawal Keselamatan KP11 (K)	Stadium Utama Shah Alam	12 Februari 2014
Operasi Bersepadu Iklan Bersama iM4U	Seksyen 7, 9, 15, 25 dan Kota Kemuning	1 Mac 2014
Kursus Asas Pengawal Keselamatan Gred KP11 (K)	Tingkat 12	11 April 2014 hingga 17 April 2014
Ujian Kecergasan Pengawal Keselamatan Gred KP11 (K) bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Stadium Shah Alam	16 April 2014
Konvensyen Kreatif dan Inovatif Peringkat MBSA	Auditorium MBSA	25 April 2014
Perbarisan Kehormat Sempena APC 2013	Auditorium MBSA	29 Mei 2014
Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa Gred N17 (K)	Stadium Shah Alam	16 Jun 2014 hingga 13 Ogos 2014
Perbarisan Hari Kemerdekaan	Dataran Kemerdekaan Shah Alam	31 Ogos 2014
Majlis Minum Petang Bersama Datuk Bandar	Hotel Concorde Shah Alam	16 Oktober 2014
Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan	Hotel Avillion Port Dickson	22 Disember 2014 hingga 24 Disember 2014

Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan

JOHAN
SEMPENA PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN TAHUN 2014

NAIB JOHAN
PERSEMBAHAN 5S SEMPENA MINGGU KUALITI DAN INOVASI MBSA 2014

TEMPAT KE-4
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PIALA DATUK BANDAR

Jabatan Taman & Rekreasi

1.0 PROFIL

Jabatan Taman & Rekreasi terus komited dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan kualiti landskap yang mendokong hasrat untuk menjadikan Shah Alam selamat, mesra pengguna dan berkualiti.

Mempunyai **123 orang kakitangan**, jabatan ini terdiri daripada 8 orang Pegawai A, 26 orang Pegawai B, 22 orang kakitangan sokongan C dan 67 orang kakitangan sokongan D.

Visi

- Landskap yang kemas, bersih dan teduh.

Misi

- Menyediakan platform untuk mencapai hasrat 'Shah Alam Bandar Anggerik'.
- Perancangan kegunaan kawasan-kawasan hijau sebagai rezab tanaman pokok-pokok dan ruang rekreasi.
- Menyediakan polisi-polisi penanaman dan rekreasi yang memastikan produk landskap dan rekreasi yang berkualiti dan selamat.
- Menggalakkan penglibatan penduduk dan masyarakat dari pelbagai umur dan lapisan untuk bersama dalam program-program kemasyarakatan dalam usaha memelihara warisan jajaran hijau Shah Alam.
- Menyediakan modul pengurusan landskap dan rekreasi yang efisien dan memenuhi kehendak penduduk dan pengguna.

Jabatan Taman & Rekreasi terdiri daripada 2 Bahagian utama iaitu:

1. **Bahagian Penyelenggaraan Landskap** terdiri daripada Unit Persiaran, Unit Taman Tasik dan Taman Awam, Unit Pangkasan, Unit Taman Permainan dan Padang Bola, Unit Tapak Semaian.
2. **Bahagian Pembangunan Landskap** terdiri daripada Unit Kawalan Pembangunan Landskap dan Unit Rekabentuk dan Projek Landskap.

2.0 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

2.1 UNIT PERSIARAN

Pada tahun 2014, sejumlah **RM 5,708,889.48** telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan utama di mana terdapat **73 kawasan kontrak** meliputi **Jalan Persiaran sepanjang 110 KM**, termasuk **6 kawasan penyelenggaraan pokok** dan **3 kawasan penyiraman pokok.**

Pertambahan hampir 25% daripada tahun sebelumnya disebabkan oleh faktor pertambahan kawasan baru serta kekerapan dalam spesifikasi kerja yang bertambah.

Kerja-kerja penyelenggaraan; Sapuan jalan dan gemburan pokok oleh kontraktor

Walau bagaimanapun, pada akhir bulan 10 tahun 2014, **semua kawasan telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Bandar** di mana Unit Persiaran Jabatan Taman dan Rekreasi hanya menyelenggara pokok-pokok di jalan-jalan utama.

Di samping itu, penyiraman dan penyelenggaraan di kawasan pusat bandar dan 3 kawasan penyelenggaraan pokok secara fokus dilaksanakan khusus untuk menjaga kawasan yang tidak termasuk dalam kontrak persiaran seperti di kawasan perumahan, kawasan industri dan lain-lain.

2.2 UNIT TAMAN AWAM DAN TAMAN TASIK

Di sekitar Shah Alam terdapat 14 buah taman awam yang dipantau dan diselenggara kebersihannya dengan melibatkan kos sebanyak RM1,553,953.92 setahun.

Jadual 1: Senarai 14 buah taman awam di Shah Alam:-

PERKARA	SENARAI	JUMLAH KELUASAN	KOS (RM) SETAHUN (2014)
Jumlah taman awam yang diselenggara – 14 taman Jumlah kontraktor – 16 kontraktor	Taman Tasik Shah Alam, Seksyen 14	127.8 ekar	527,837.76
	Hutan Lipur Bukit SUK, Seksyen 5	29 ekar	160,759.20
	Taman Awam Seksyen 10, Seksyen 10	3.52 hektar	144,000.00
	Sepanjang tepian Sungai Renggam - dari jambatan SIRIM hingga kunci air Seksyen 17	3.5 km	106,066.56
	Taman Awam Seksyen 28, Jalan 28/25	1.6 hektar	114,000.00
	Taman Wetland, Kota Kemuning	10 ekar	69,199.92
	Taman Tasik Seksyen 7/1F	1.8 hektar	74,027.52
	Taman Rekreasi Seksyen 7	18.5 ekar	
	Taman Rekreasi Seksyen 31	22 ekar	94,333.32
	Taman Wetland Fasa D20, Sek. U8, Bukit Jelutong	3.145 ekar	69,233.28
	Taman Rekreasi Utara, Sek. U8	10.36 ekar	
	Taman Rekreasi Selatan, Sek. U8	10.46 ekar	
	Taman Rekreasi Western Park, Setia Alam	22 ekar	82,329.36
	Taman Rekreasi Southern Pond, Setia Alam	22.5 ekar	112,167.00
	JUMLAH KESELURUHAN KOS		**1,553,953.92**

Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh pemborong yang telah dilantik dengan melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput (3 pusingan sebulan), pembersihan kawasan di laluan pejalan kaki, tempat letak kenderaan, tong sampah serta penyelenggaraan kemudahan awam lain seperti wakaf, bangku taman, alatan permainan kanak-kanak dan sebagainya. Ini termasuk juga kerja-kerja penyelenggaraan pokok seperti pembajaan, penggemburan dan pengawalan serangga perosak yang dijalankan bagi memastikan pokok buah-buahan, herba, teduhan dan juga pokok renek sentiasa subur. Kerja-kerja pembersihan dari segala sampah di permukaan air dan juga rumpai air turut dijalankan di kawasan tasik/ kolam/air pancuran dan "retention pond".

Jabatan Taman & Rekreasi

Kerja-kerja pembersihan rumpai air dan sampah selepas hujan di Taman Seksyen 7, Jalan 7/1F

Unit Renjer Taman terdiri daripada tujuh (7) orang Pembantu Penguatkuasa yang ditugaskan untuk menjaga taman-taman awam di Shah Alam. Selain menjalankan pemantauan keselamatan dan kebersihan di taman-taman awam, Renjer Taman ini juga menjalankan rondaan secara berbasikal. Pada tahun 2014, sebanyak 557 kompaun telah dikeluarkan, daripada jumlah itu 251 telah dibayar.

Untuk projek pembangunan, RM3 juta ringgit telah diperuntukkan untuk kerja-kerja kemasan dan pembangunan sebahagian daripada taman-taman di Shah Alam. Ini termasuklah pembinaan pagar dan pintu masuk di sebahagian perimeter Taman Tasik Shah Alam di Persiaran Tasik.

Kerja-kerja penambahbaikan Taman Tasik Kota Kemuning Seksyen 31 ialah kerja- kerja menambah railing di tepi pejalan kaki yang telah dibuat pada tahun 2014 dengan jumlah harga RM44, 000.00. Di Tasik Seksyen 7/1F, kerja- kerja pembersihan rumpai air dan membersihkan 'underbrushing' telah dijalankan dua kali iaitu pada bulan Mei dan Oktober pada tahun 2014 dengan perbelanjaan sebanyak RM40, 000.00.

Kerja-kerja pemasangan pagar railing di tepi Tasik Kota Kemunig

Kerja-kerja penambahbaikan di Taman Western Park, Setia Alam iaitu kerja membaiki dan mengecat jambatan kayu yang telah rosak telah dibuat dengan kos RM 12,890.00.

Kawasan Tasik Seksyen 7 menunjukkan kawasan yang paling aktif digunakan oleh penduduk Shah Alam. Ini kerana lokasinya yang strategik iaitu berdekatan dengan kawasan perumahan dan Institusi Pengajian Tinggi seperti UiTM dan UNISEL dengan perlaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti khusus.

Unit Taman telah mengutip sejumlah RM10,000.00 hasil sewaan bagi penggunaan ruang-ruang di taman-taman khususnya Taman Tasik Shah Alam, Taman Lembah Bukit SUK, Taman Tasik Seksyen 7 dan Taman Tasik Kota Kemuning.

Satu Bengkel Penambahbaikan Dan Pembangunan Semula Infrastruktur Kemudahan Taman Serta Kualiti Air Tasik, Taman Tasik Shah Alam telah diadakan pada 13 dan 14 Jun 2014 dengan penyertaan seramai 94 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Bengkel ini diadakan adalah bagi penyediaan Perancangan 5 tahun (2015-2020) bagi pembangunan Taman Tasik Shah Alam. Hasil daripada perbincangan tersebut, beberapa pendekatan akan diambil dan dikenalpasti iaitu pembersihan dan peningkatan kualiti air tasik, menaiktaraf fasiliti dan ameniti serta "Rebranding' Taman Tasik Shah Alam untuk menjadikan taman tersebut sebagai salah satu destinasi pelancongan dari dalam dan luar Negara.

2.3 UNIT PANGKASAN

Unit pangkasan pada tahun 2014 telah menunjukkan prestasi yang meningkat dengan adanya pertambahan tenaga kerja sejumlah 10 orang. Ini membolehkan unit pangkasan dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk pangkasan oleh jabatan sendiri manakala kerja-kerja pangkasan lain adalah melalui kontrak.

Sebanyak 15 tender bagi penyelenggaraan pokok-pokok utama telah dikeluarkan dengan kos sebanyak **RM 1,653,935.88**.

Walau bagaimanapun, bajet tahunan pangkasan pada tahun 2014 telah meningkat daripada 2 juta kepada 3 juta disebabkan **kejadian ribut yang melanda kawasan di Seksyen U1, U2 dan U8** di mana sebanyak **20 kontraktor terlibat** melaksanakan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang pada bulan September tahun 2014 dengan kos sebanyak RM653,000.00.

Kejadian ribut yang melanda kawasan di Seksyen U1, U2 dan U8

Bilangan pokok yang diselenggara pada tahun 2014 sebanyak 32,181 di mana sejumlah 28,394 pokok dipangkas dan selebihnya 3,787 pokok ditebang.

Bilangan pokok yang dipangkas dikurangkan bagi melaksanakan kerja-kerja penebangan pokok mati dan berbahaya serta pembersihan pokok tumbang yang banyak pada tahun 2014.

Jadual perbandingan jumlah bilangan pokok yang diselenggara, dipangkas dan ditebang tahun 2012-2014

PERKARA	TAHUN		
	2012	2013	2014
Bilangan Pokok Diselenggara	32,110	32,848	32,181
Bilangan Pokok Dipangkas	30,108	29,904	28,394
Bilangan Pokok Ditebang	2,002	2,944	3,787

2.4 UNIT TAMAN PERMAINAN DAN PADANG BOLA

Unit taman permainan dan padang bola menyelia **578 unit taman permainan, 68 unit padang bola dan 35 unit padang futsa**l bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti pemotongan rumput, penyelenggaraan pokok, pembersihan longkang, pembersihan kawasan, penyelenggaraan alatan permainan, pembuangan sampah, padang bola, padang permainan dan fasiliti.

Penyeliaan terhadap **38 pemborong** ini melibatkan kos penyelenggaraan tahunan berjumlah **RM 4,057,466.40**.

Sejumlah RM 200,000.00 digunakan untuk membaiki alatan dan padang bola serta kerja-kerja menambak pasir, tanah, rumput, tiang gol dan garisan padang bola. Lain-lain penyelenggaraan adalah pemasangan net bola keranjang dan membuang alatan rosak serta pembaikan bangku kayu oleh unit tukang jabatan.

Pembaikan taman permainan dan padang bola oleh kontraktor

2.5 UNIT TAPAK SEMAIAN

Unit tapak semaian pada tahun 2014 menyelia sebanyak dua (2) buah tapak semaian Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Seksyen 17 dan Seksyen U15 serta satu (1) transit nurseri Shah Alam di Seksyen 7.

Sepanjang tahun 2014, tapak semaian telah menyemai sebanyak **40,604 pokok** dan melaksanakan **277 kerja hiasan**.

Pengeluaran pokok bunga di Tapak Semaian Seksyen 17 pada tahun 2014 adalah sebanyak 23,360 pokok. Manakala di Seksyen U15 sebanyak 51,065 pokok dan transit nurseri seksyen 7 ada 7,244 pokok.

Pembangunan transit nurseri di seksyen 7 telah menunjukkan hasil di mana lebih 4,000 pokok telah ditanam iaitu pokok-pokok bucida, mangga, pulasan, rambutan, kundang, cengkih dan banyak lagi dari jenis buah-buahan dan teduhan

Transit Nurseri Seksyen 7 Shah Alam

3.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

3.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

Nilai kutipan dari Unit Kawalan Pembangunan ialah sebanyak RM663, 785.57 dengan 116 permohonan yang diterima dan diluluskan sepanjang tahun 2014.

Jabatan Taman & Rekreasi

Senarai Penerimaan Memproses Pelan Landskap, Lawatan Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa Dan Bayaran Tahun 2014

PERKARA	JUMLAH
Memproses Pelan Landskap	116 permohonan
Membuat Lawatan Tapak Pra-Penanaman	12 lawatan
Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	21 lawatan
Membuat Lawatan Tapak Sokongan CF	10 lawatan
Mesyuarat Pre-J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	12 kali
Bayaran Memproses Pelan Landskap	RM 46,900.00
Bayaran Sumbangan Anggerik	RM 335,000.00
Bayaran Ketidak Patuhan Perimeter Planting	RM 246,795.57
Bayaran Caj Penanaman Pokok Oleh Pemaju	RM 35,090.00

3.2 UNIT REKABENTUK DAN PROJEK LANDSKAP

Unit Rekabentuk dan Projek Landskap, Jabatan Taman dan Rekreasi bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengurusan dan pembangunan projek landskap melalui penyediaan perincian dan pelan induk, pembentangan grafik serta penyeliaan projek. Sebanyak 4 projek utama berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 ini iaitu projek **papantanda pintu masuk Seksyen**, projek **pembangunan Padang Cergas Shah Alam**, projek pembinaan **laluan trek dan pedestrian di Seksyen 25** serta projek **pembinaan padang bola di Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30**.

3.2.1 Papantanda Seksyen Pintu Masuk di Shah Alam (Fasa 2)

Projek Papantanda Pintu Masuk Seksyen Fasa 1 yang melibatkan kawasan tengah iaitu Seksyen 1 hingga Seksyen 24 telah siap sepenuhnya pada tahun 2013. Projek yang menjadi mercu tanda dan identiti bandar Shah Alam ini memberikan impak positif di kalangan warga Shah Alam khususnya dan masyarakat luar amnya kerana memberi informasi tentang lokasi dan sempadan seksyen-seksyen di seluruh Shah Alam.

Projek Fasa 2 diteruskan lagi pada tahun ini melibatkan 27 buah seksyen iaitu kawasan Selatan (Seksyen 25-36), Utara (Seksyen U1- U20) dengan keseluruhan jumlah 119 unit papantanda, bermula pada 15 Ogos 2014 dan siap sepenuhnya pada 15 Februari 2015 dengan kos sebanyak **RM 1, 158,190.00.**

Papantanda pintu masuk Seksyen 33 dan 36 Shah Alam yang menjadi mercu tanda dan identiti bandar Shah Alam.

3.2.2 Padang Cergas Shah Alam

Satu program Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan kecergasan warga Shah Alam di samping memenuhi saranan Exco Kerajaan Tempatan untuk membangunkan padang cergas oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pembangunan Padang Cergas Fasa 1 di 11 lokasi yang dipilih dari 6 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Kota Anggerik, Batu Tiga, Sri Muda, Paya Jaras, Kota Damansara dan Sri Andalas.

Projek yang bermula pada 15 Ogos 2014 dan siap sepenuhnya pada 29 Januari 2015 ini melibatkan kos sebanyak **RM 668,780.00**. Di antara komponen Padang Cergas yang disediakan adalah 1 unit wakaf, 5 unit kerusi taman, 1 set alatan permainan bersepadu, 5 unit outdoor gym dan 1 unit lampu solar serta papantanda Padang Cergas.

Padang Cergas Shah Alam memberikan kemudahan untuk masyarakat bandar beriadah dalam meningkatkan kualiti hidup dan kecergasan.

3.2.3 Laluan trek dan pedestrian di kawasan padang bola Jalan 25/47, Seksyen 25, Shah Alam.

Projek laluan trek dan pedestrian ini merupakan satu kesinambungan daripada usaha Majlis dalam memberi galakan kepada masyarakat di bandar untuk beriadah khususnya berjogging dan berbasikal di pusat bandar dan juga di taman-taman.

Projek yang bermula pada 2 Disember 2014 dan telah siap sepenuhnya pada 26 Januari 2015 (8 minggu) menyediakan kemudahan laluan trek dan pedestrian sepanjang kira-kira 600m dan berelebaran 3.5m (12 kaki) dengan kemasan concrete broom finish. Projek yang melibatkan kos sebanyak **RM 339,686.00** ini turut dilengkapi dengan pagar keselamatan (railing) dan juga kemudahan sistem perparitan (drainage system).

Laluan trek dan pedestrian yang berkelebaran 3.5 meter memberi kemudahan kepada pengguna taman untuk beriadah khususnya berjogging dan berbasikal.

3.2.4 Padang Bola di Lot 3253, Lorong Universiti, Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam

Pembinaan padang bola di Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30 adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di pinggir bandar dengan penyediaan kemudahan untuk mereka beriadah dan berekreasi.

Padang bola yang berukuran 45m x 90m ini melibatkan kos sebanyak **RM535,163.00**, dilengkapi dengan pemasangan pagar dawai (chain link) setinggi 8 kaki di sekeliling kawasan padang bola dan juga pagar penghadang untuk tujuan keselamatan kerana lokasinya yang berhampiran dengan kawasan perumahan.

Projek yang bermula pada 15 Ogos 2014 ini dijangkakan siap pada 28 Februari 2015. Walau bagaimanapun terdapat halangan yang menyebabkan projek ini masih lagi di dalam fasa pembinaan dan dijangkakan siap pada April 2015. Kelewatan ini menyebabkan pihak kontraktor/pembekal yang dilantik telah dikenakan denda 'Liquidated and Ascertained Damages' (LAD) kerana gagal memenuhi sesuatu obligasi kontrak yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

Projek pembinaan padang bola yang bertujuan untuk memenuhi keperluan riadah dan rekreasi penduduk di kawasan pinggir bandar.

4.0 PROGRAM INISIATIF HIJAU SHAH ALAM

Pihak Jabatan Taman dan Rekreasi berjaya melaksanakan 3 program di bawah Inisiatif Hijau Shah Alam sepanjang tahun 2014:

4.1 SHAH ALAM TREES FOR LIFE 2014

Program penanaman pokok yang bertujuan untuk mewujudkan jajaran hijau di Shah Alam serta menanam semangat kecintaan kepada alam sekitar melibatkan para sukarelawan melalui **6 program** yang telah diadakan pada tahun 2014 dimana 8,151 pokok telah ditanam oleh **2,826 sukarelawan**, dan memperolehi tajaan sebanyak RM. 83,000.00

Program pertama telah diadakan pada 19 April 2014 di Taman Permainan Jalan Gunung Nuang, Seksyen U11, Shah Alam. Program disertai oleh Persatuan Penduduk Gunung Nuang, selain pelajar dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan Universiti of Nottingham itu menyaksikan sebanyak 1,444 batang pokok berjaya ditanam oleh 164 orang. Program turut disertai oleh 2 buah agensi swasta iaitu UMW Toyota dan Lebar Daun.

Program kedua diadakan pada 24 Mei 2014 di Persiaran Sukan dan Stadium Shah Alam. Disertai oleh pelbagai institusi pendidikan seperti Universiti Malaya, UiTM, Politeknik Sulan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Sekolah kebangsaan Subang, Sekolah Kebangsaan TUDM Subang, INTEC Education College Shah Alam, dan Sunway Universiti. Agensi swasta yang terlibat adalah Starbucks dan CNI. Selebihnya penyertaan turut dihadiri oleh Eco-Warriors, Malaysian Nature Society (MNS) dan individu. Seramai 199 orang berjaya menanam sebanyak 1,898 batang pokok. Program telah mendapat tajaan dari Amanlagi Properti Sdn. Bhd sebanyak RM 1,000.00.

Program ketiga bagi tahun 2014 diadakan pada 21 Jun 2014 di Taman Tasik Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam. Program tajaan UMW Toyota ini berjaya menanam sebanyak 1,469 batang pokok. Penyertaan dari institusi pendidikan seperti UPM, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, UiTM Shah Alam, Stamford College dan Sunway College. Program diserikan lagi dengan aktiviti dari Kelab Berbasikal MBSA dan Cycling Club UMWToyota. Program mendapat penajaan sebanyak RM 12,000.00.

Program keempat telah diadakan di padang bola, Persiaran Hemisfera, Jalan U5/18A, Shah Alam pada 23 Ogos 2014. Seramai 279 orang telah berjaya menanam sebanyak 1,440 batang pokok. Antara yang terlibat adalah MPP Zon 18, Eco Warriors, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Sekolah Kebangsaan TUDM Subang, KPJ Tawakkal Specialist Hospital dan Starbucks.

Program kelima telah diadakan pada 11 Oktober di sekitar Alam Impian – Sri Muda 'Interchange'. Seramai 839 orang telah berjaya menanam sebanyak 1,500 batang pokok. Program yang mendapat penajaan terbesar ini ditaja oleh UMW Corporation Sdn Bhd. iaitu sebanyak RM 60,000.00. Selain aktiviti penanaman, program ini juga melibatkan aktiviti larian – 'fun run', 'insta-photo' (Instagram), persembahan dan cabutan bertuah.

Program penutup tahun 2014 telah diadakan pada 13 Disember 2014 bertempat di Sisiran Sungai Damansara, Seksyen 13, Shah Alam. MBI International Sdn Bhd yang menaja sebanyak RM 10,000.00 telah berjaya mengumpulkan seramai 163 orang peserta dan berjaya menanam sebanyak 400 batang pokok. Penyertaan telah melibatkan pelbagai pihak NGO's seperti Eco-Warriors, Line Dancing Queen, dan LDQ. Turut terlibat institusi pengajian seperti Universiti Malaya, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan SK. TUDM Subang.

4.2 DUSUN KOMUNITI@MY SEKOLAH SHAH ALAM 2014

Program Dusun Komuniti@My Sekolah Shah Alam mula dilaksanakan pada tahun 2013 melibatkan 3 buah sekolah di Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, seksyen 2, Sekolah Rendah Agama Seksyen 3 dan Sekolah Kebangsaan Raja Muda, Seksyen 4.

Program yang bertujuan untuk mendidik generasi muda mengenali dan mencintai alam sekitar dan kehijauan ini diteruskan lagi pada tahun 2014 dengan penglibatan sebanyak **10 buah sekolah**. Antara sekolah terlibat adalah Sekolah Rendah dan Menengah Seksyen 9, Sekolah Rendah dan Menengah di Seksyen 16.

Selain itu, sekolah yang terlibat seperti Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Subang, Seksyen U6, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jelutong, Seksyen U8, Sekolah Kebangsaan Seksyen 27(1) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Hicom, Seksyen 27 terlibat bagi tahun 2014.

Sebanyak **671 pokok** berjaya ditanam di dalam perimeter planting dalam kawasan sekolah melibatkan **879 orang pelajar**.

Demonstrasi penanaman pokok oleh penolong pegawai pertanian MBSA dan penanaman pokok oleh pelajar-pelajar.

Jabatan Taman & Rekreasi

4.3 PERINTIS HIJAU SHAH ALAM 2014

Perintis Hijau Shah Alam merupakan program pendedahan anak-anak sekolah rendah tentang tanggungjawab kepada alam sekitar dan pokok-pokok dalam usaha ke arah membentuk generasi yang prihatin terhadap alam sekitar, kepentingan pokok-pokok dan taman awam, kemahiran penjagaan dan pembiakan pokok serta kesenian landskap, termasuklah pengenalan kepada spesis-spesis orkid.

Program yang dilaksanakan mulai tahun 2009 ini melibatkan 47 buah sekolah rendah, sekolah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) di seluruh Shah Alam. Setiap sekolah akan diwakili oleh 4 orang murid (peserta) serta seorang guru pengiring. Pada tahun 2014, sebanyak 3 siri program telah dilaksanakan iaitu pada 25 April, **25 Jun dan 10 September** dengan penyertaan dari sekolah rendah dan sekolah jenis kebangsaan seramai **152 orang pelajar** dan penglibatan **38 buah sekolah**.

Program dilaksanakan di 3 buah lokasi iaitu Sesi Pertama bermula di Tapak Semaian MBSA Seksyen 17, Taman Tasik Shah Alam serta di Taman Tasik Seksyen 7. Di Tapak Semaian, peserta didedahkan tentang 'Apakah Itu Tapak Semaian' serta 'Fungsi Tapak Semaian' termasuk sesi amali tentang kaedah pembiakan pokok bunga ornamental dan hiasan, penyemaian pokok renek, pengenalpastian pokok merbahaya serta pembuatan baja kompos. Pada Sesi Kedua, peserta akan dibawa menaiki bas ke Taman Tasik Shah Alam di mana peserta akan didedahkan tentang 'Sejarah Taman Tasik Shah Alam' serta 'Kepentingan Taman-taman Awam'.

Seterusnya lokasi terakhir program adalah di Taman Tasik Seksyen 7, di mana peserta akan diberi pendedahan tentang alam semulajadi serta spesis-spesis hutan di Malaysia yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Seterusnya perlaksanan aktiviti penanaman pokok oleh peserta dan guru pengiring di sekitar tasik. Bagi memastikan tahap keberkesanan program, peserta akan diuji dengan soalan kuiz sebagai daya saing di antara satu sama lain.

Program yang dilaksanakan pada hari Rabu sempena Hari Ko-kurikulum ini mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan daripada guru-guru dan murid-murid yang terlibat. Program ini turut menarik minat badan-badan korporat untuk menjadi rakan kongsi utama seperti Syarikat CCM Fertilizers (M) Sdn. Bhd. yang menaja sebanyak 300 unit/pek baja setiap tahun serta Toyota Assembly Services Sdn. Bhd. (ASSB) yang menaja program siri ketiga dengan kos program sebanyak RM8,400.00. Kos keseluruhan bagi program ini adalah berjumlah **RM19,800.00**.

Penanaman pokok buah- buahan oleh peserta dan sukarelawan Toyota Assembly Services Sdn. Bhd. selaku penaja program.

Peserta ceria bergambar kenangan bersama guru sebaik selesai aktiviti penanaman pokok.

Peserta diberi pendedahan tentang pembiakan pokok-pokok pada Sesi Amali di Tapak Semaian

Sesi bergambar bersama peserta dan urusetia serta penaja di dalam Program Perintis Hijau Shah Alam 2014

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta 32

Jabatan Bangunan 36

Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti 41

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

1.0 PROFIL

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta merupakan jabatan yang menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas hartanah yang terdapat di dalam kawasan Pentadbiran. Jabatan ini merupakan penyumbang hasil utama sesebuah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu melalui penentuan kadar Cukai Taksiran dan Penilaian caj pemajuan yang mula dilaksanakan oleh Majlis mulai tahun 2011.

Di samping itu, jabatan ini juga bertanggungjawab menguruskan harta-harta Majlis dalam bentuk aset tetap. Jabatan ini berperanan menasihatkan Majlis terhadap aktiviti pelaburan sebagai sumber kewangan Majlis.

Jabatan ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu:-

i) Bahagian Penilaian

ii) Bahagian Pengurusan Harta

iii) Bahagian Pentadbiran

Jabatan ini diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh 78 orang kakitangan yang terdiri daripada 42 orang kakitangan berjawatan tetap dan 36 orang kakitangan berjawatan kontrak .

Bilangan kakitangan mengikut bahagian :-

i. Bahagian Penilaian - 54 orang

ii. Bahagian Pengurusan Harta – 14 orang

iii. Bahagian Pentadbiran – 9 orang (tidak termasuk pengarah)

1.1 FUNGSI JABATAN

i. Penilaian – Menafsirkan Nilai Tahunan bagi maksud cukai taksiran, caj pemajuan dan caruman membantu kadar seluruh hartanah berkadar dalam kawasan Majlis.

ii. Menentukan nilai modal dan kadar sewa harta Majlis.

iii. Pengurusan hartanah milik Majlis.

iv. Pentadbiran Am dan kewangan Jabatan.

1.2 PIAGAM PELANGGAN

1 Memastikan Pindaan kepada Senarai Nilaian dijalankan 2 kali setahun sepertimana dikehendaki di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976,

2 Mengemaskini permohonan pertukaran alamat surat menyurat pemilik pegangan yang diterima di kaunter Jabatan dengan serta merta,

3 Mengeluarkan keputusan Mendengar Bantahan (kes-kes pindaan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh Mesyuarat Mendengar Bantahan diadakan),

4 Mengeluarkan surat pengesahan Harta Belum Nilai dalam tempoh 1 hari dari tarikh penerimaan di kaunter Jabatan tertakluk kepada permohonan yang lengkap,

5 Memproses permohonan carian maklumat yang diterima di kaunter Jabatan dengan serta merta,

6 Mengemaskini pertukaran hak milik melalui borang I/J yang diterima di kaunter Jabatan dalam masa 1 hari tertakluk kepada makumat yang lengkap.

7 Bertanggungjawab menyediakan laporan tunggakan sewaan bulanan setiap bulan bagi semua harta Majlis yang disewakan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan,

2.0 LAPORAN AKTIVITI

2.1 BAHAGIAN PENILAIAN

Fungsi Bahagian

i. Bertanggungjawab memastikan pegangan berkadar dinilai dan dimasukkan dalam Senarai Nilaian, mengikut tempoh yang dikehendaki di bawah Akta Kerajaan 1976.

ii. Memastikan Penilaian Semula dijalankan setiap 5 tahun (tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri)

iii. Memastikan Pindaan kepada Senarai Nilaian dijalankan 2 kali setahun (4 kali Notis Pindaan)

iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan Nilai Tahunan sebanyak 4 kali setahun.

v. Menentukan nilai tanah bagi maksud Caj Pemajuan.

vi. Menyediakan Senarai Nilaian Sumbangan Membantu Kadar.

vii. Memproses permohonan Elaun Kekosongan / Remisi.

Akta Yang diguna Pakai;-

a. **(Seksyen 144 Akta 171)**

Pindaan dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut:-

i. Pengeluaran sijil CCC /CF bangunan-bangunan baru

ii. Pindaan Ubahsuaian bangunan sediada.

iii. Pindaan Perubahan tanah kosong kepada bangunan

iv. Pertukaran Syarat

v. Kawasan Kampung

b. **Nota* Sek 144(2) Akta 171**

Notis mengenai pindaan hendaklah disampaikan kepada pemilik tidak kurang daripada **30 hari** dari tarikh semakan.

c. **Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dibawah Kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010)**

d. **Penilaian untuk Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Mengikut fasal 156 Perlembagaan Persekutuan** seperti berikut:-

i. Bangunan Kerajaan Persekutuan

ii. Bangunan Kerajaan Negeri

iii. Bangunan Badan Berkanun.

e. **Nota: Seksyen 1 Akta Kerajaan Tempatan 1976:-**

i. Notis yang layakdipertimbangkan untuk sesuatu penggal adalah 1 bulan sebelum berakhir penggal berkenaan.

ii. Tuntutan bertulis hednaklah dikemukakan selepas berakhirnya penggal berkenaan

f. **Pelaksanaan Kerja-Kerja Penilaian Semula;-**

Berdasarkan kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil.9 tahun 2009 bertarikh 30 September 2009 mengenai Penilaian Semula Cukai Taksiran, Kerajaan Negeri mengarahkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)Negeri Selangor dikehendaki melaksanakan Penilaian Semula yang perlu dilakukan setiap 5 tahun sekali.

Tugas bahagian Penilaian adalah menentukan Nilai Tahunan bagi Maksud Cukai Taksiran dan Caruman Membantu Kadar bagi setiap pegangan di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Di bawah Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyediakan suatu Senarai Nilaian bagi semua pegangan yang tidak dikecualikan dari membayar Cukai Taksiran.

Senarai tersebut termasuklah pindaan (di bawah Seksyen 144) dan hendaklah terus digunakan sehingga Senarai Nilaian Baru dikuatkuasakan.

Penentuan Nilai Tahunan ini adalah berdasarkan tatacara yang ditentukan di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976, manakala bagi Caruman Membantu Kadar ianya berdasarkan Fasa 156 Perlembagaan Persekutuan.

Penyediaan Senarai Nilaian ini dikehendaki di bawah Akta Kerajaan Tempatan di mana semakan semula nilaian dibuat 5

tahun sekali, manakala bagi pindaan kepada Senarai Nilaian boleh dibuat beberapa kali apabila berlakunya perubahan kepada kegunaan bangunan atau tambahan bangunan dan sebaliknya.

Bagi sepanjang tahun 2014 jabatan telah membuat pindaan ke atas Senarai Nilaian berjumlah 3,055 untuk pegangan baru yang tidak pernah dinilai dan 1,868 untuk pegangan yang sedia ada. Pegangan-pegangan baru dan pegangan sedia ada bagi setiap penggal adalah seperti berikut:-

Penggal Kedua (1.7.2014)

Pegangan Baru (mulai 1 Julai 2014)

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)
Kediaman	2,245	23,891,900	1,672,520.40
Perdagangan	589	39,638,590.00	2,687,264.25
Perindustrian	98	7,374,500.00	540,802.00
Pertanian	93	1,201,930.00	14,586.30
Tanah Pembangunan	30	44,515,670.00	1,558,048.45
JUMLAH	**32,110**	**116,622,590.00**	**6,473,221.40**

Pegangan Lama (dengan pindaan – mulai 1 Julai 2014)

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)		JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)	
JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	BARU	LAMA	BARU	LAMA
Kediaman	4,783	45,597,860.00	40,005,605.00	1,934,452.90	1,530,943.43
Perdagangan	136	48,396,000.00	58,495,570.00	3,199,284.50	3,813,570.35
Perindustrian	131	17,442,380.00	7,949,220.00	1,301,800.70	569,114.15
Pertanian	8	66,650.00	14,970.00	769.70	243.30
Tanah Pembangunan	10	125,893,560.00	91,418,200.00	2,782,752.00	3,166,967.00
Jumlah	**5,068**	**41,886,140.00**	**25,109,715.00**	**9,219,060.00**	**9,080,838.23**
BEZA/PENAMBAHAN		**16,776,425.00**		**138,221.77**	

Penggal Kedua (1.1.2015)

Pegangan Baru (mulai 1 Januari 2015) Sebelum Bantahan

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)
Kediaman	3,192	33,246,830.00	1,284,332.65
Perdagangan	787	40,359,470.00	2,797,023.15
Perindustrian	188	26,465,860.00	2,040,204.90
Pertanian	61	1,981,110.00	27,321.10
Tanah Pembangunan	1	12,750.00	446.25
JUMLAH	**4,229**	**102,066,020.00**	**6,149,328.05**

Pegangan Lama (dengan pindaan – mulai 1 Januari 2015) Sebelum Bantahan

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)		JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)	
JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	BARU	LAMA	BARU	LAMA
Kediaman	3,129	43,312,170.00	29,874,805.00	1,709,382.95	1,121,063.18
Perdagangan	132	38,722,590.00	22,431,920.00	2,582,344.85	1,468,939.40
Perindustrian	114	40,903,530.00	27,039,160.00	3,027,662.25	1,938,439.50
Pertanian	14	188,960.00	69,390.00	2,605.40	1,143.90
Tanah Pembangunan	1	65,340.00	98,000.00	2,286.90	3,430.00
Jumlah	**3,390**	**123,192,590.00**	**79,513,275.00**	**7,324,282.35**	**4,533,015.98**
BEZA/PENAMBAHAN		**43,679,315.00**		**2,791,266.37**	

Jumlah Pegangan, Nilai Tahunan dan Cukai Taksiran Sehingga 1 Januari 20115

JENIS PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN	JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN SETAHUN (RM)
Kediaman	165,295	1,546,301,970.00	58,535,255.81
Perdagangan	22,395	1,267,535,395.00	85,763,266.08
Perindustrian	1,421	29,998,060.00	2,097,200.70
Pertanian	7,274	1,053,298,505.00	78,315,310.70
Tanah Pembangunan	19,469	145,642,050.00	2,477,095.32
Jumlah	**217,053**	**4,348,606,055.00**	**241,573,094.29**

Ekoran daripada itu, Jabatan telah pun menghantar Notis Pindaan Senarai Nilaian kepada pemilik-pemilik pada bulan Mac, April, Mei, Jun, September, Oktober dan Disember 2014 yang berjumlah 15,742.

Kadar peratus cukai taksiran untuk tahun 2012 adalah seperti berikut:-

KATEGORI	BANGUNAN	TANAH KOSONG
Kediaman	4 %	3.5%
Apartment	3.5%	3.5%
Industri	7.5%	7%
Perdagangan	7%	6.5%
Pertanian	2%	1%
Pangsapuri Servis	5%	5%
Tanah Pembangunan	-	3.5%

Kenaikan Jumlah Pegangan Dan Cukai Taksiran Mengikut Penggal Mulai 1 Januari 2010 hingga 1 Julai 2012

PENGGAL	BILANGAN PEGANGAN	TAMBAHAN CUKAI TAKSIRAN (RM)
1.1.2010	3,551	1,452,610.43
1.7.2010	4,199	2,483,247.45
1.1.2011	2,722	1,570,610.75
1.7.2011	4,824	4,782,264.82
1.1.2012	5,026	5,293,098.15
1.7.2012	8,631	5,317,114.21
1.1.2013	5,545	20,338,293.43
1.7.2013	7,024	12,379,249.80
1.1.2014	12,758	8,269,161.66
1.7.2014	8,123	6,611,443.17

2.1.1 UNIT REMISI

Unit ini telah menerima sebanyak 566 notis/permohonan remisi bagi bulan Januari hingga Disember 2014. Manakala sebanyak 456 tuntutan telah di proses dengan jumlah RM 519,468.00 telah di pulangkan kepada pemilik harta

2.1.2 UNIT SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Unit ini menjalankan kerja-kerja penilaian dan menguruskan akaun sebanyak 853 pegangan yang terdiri dari harta-harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun. Jumlah Sumbangan Membantu Kadar adalah sebanyak RM2,599,539.70. Berikut adalah pecahan pegangan mengikut agensi :

AGENSI	JUMLAH PEGANGAN
Kerajaan Persekutuan	226
Kerajaan Negeri	567
Badan Berkanun	60
JUMLAH	**853**

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.1.3 SENARAI NILAIAN DAN PELAN

Bahagian ini ditugaskan untuk mengemaskinikan data-data pemilik harta keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga memasukkan data-data harta yang baru dinilai. Selain daripada itu, bahagian ini juga menerima permohonan pindahmilik harta melalui borang I dan borang J, permohonan pertukaran alamat surat-menyurat, pembetulan ejaan nama, pembetulan nombor hakmilik, carian rasmi persendirian, menerima pelan-pelan [perancangan, pelan tambahan pindaan bangunan, pelan bangunan dan juga salinan CF (Sijil Layak Menduduki Bangunan) yang diperolehi dari Jabatan Bangunan. Berikut adalah jumlah bagi setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini sepanjang tahun 2012.

AKTIVITI	JUMLAH
Permohonan Pindahmilik (Borang I dan Borang J)	9,074
Permohonan Pertukaran Alamat, Ejaan Nama dan Pembetulan Hakmilik	2,978
Carian Rasmi Persendirian	2,693
Penerimaan Pelan-Pelan Perancangan	278
Penerimaan Pelan-Pelan Bangunan(Pelan Cadangan dan Tambahan Pindaan)	1,999
Penerimaan Salinan CF	343 CF (6,985 pegangan)

2.1.4 CAJ PEMAJUAN

Pada tahun 2014, jabatan telah menerima sebanyak 46 kes dan dinilai dari jumlah tersebut 43 kes telah dinilai. Mananakala 1 kes dibatalkan oleh pihak pemaju manakala 2 kes lagi memerlukan analisa pasaran yang lebih terperinci. Jumlah nilaian yang berjaya dihasilkan adalah sebanyak RM225,697,812.00.

2.2 BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan penyewaan/ tempahan dan penggunaan harta-harta milik Majlis Bandaraya Shah Alam seperti berikut:

- Harta komersial : kompleks/ kedai pejabat, rumah kedai, kilang
- Kemudahan Awam : tadika dan tapak letak kereta
- Kemudahan kakitangan : Kuarters dan rumah rehat

Tugasan utama bahagian ini melibatkan kerja-kerja mengkaji, merancang, menguruskan dan mengadakan kerja-kerja pemantauan dan pembaikan kecil bagi harta-harta komersial yang diselia oleh jabatan untuk mandapatkan hasil maksima di samping seimbangkannya dengan tanggungjawab sosial Majlis kepada masyarakat umum.

Bahagian ini juga memastikan bayaran bagi bil elektrik dan air bagi seluruh bangunan Wisma MBSA, dewan orang ramai, rumah rehat serta gerai-gerai milik Majlis. Bagi tahun 2014, sejumlah RM4 juta telah dibelanjakan untuk bayaran bil elektrik, RM2.73 juta untuk bekalan air dan Indah Water. Manakala bayaran berjumlah RM579,987 telah dibuat untuk cukai tanah dan taksiran untuk hartanah milik Majlis.

Bagi melaksanakan tugasan ini dengan lebih efektif, Bahagian ini dibahagikan kepada 3 unit utama dengan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:-

- **Unit pengurusan penyewaan harta**
  - Tugasan utama di unit ini adalah mengkaji sewa pasaran bagi harta-harta milik Majlis yang boleh disewakan dan menyediakan kertas cadangan semakan sewaan.
  - Menyenaraikan dan mencadangkan tawaran secara sebutharga di buat oleh Bahagian Tender untuk mendapatkan penyewa bagi harta Majlis.
  - Menyediakan notis-notis peringatan/penamatan sewa bagi penyewaan tertunggak.
  - Membuat kutipan sewa di tapak/ premis sewaan.
  - Menjemput penyewa bermasalah ke Mesyuarat Jawatankuasa tunggakan hasil bulanan.
  - Memantau bayaran tunggakan sewa dan menyelaraskan tindakan susulan ke atas penyewa seperti operasi sita/ tindakan undang-undang.
  - Menyemak tunggakan bulanan untuk penyediaan laporan tunggakan untuk Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan.
  - Menyediakan laporan pencapaian kutipan sewa tahunan, bagi tahun 2014 hasil sewaan yang diperoleh berjumlah RM9,112,150.
  - Pendapatan hasil sewaan yang berjaya dikutip oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk tiga tahun berturut-turut adalah seperti berikut:

TAHUN	2012	2013	2014
Sasaran	8,499,660	7,920,205	9,233,760
Pencapaian sebenar	8,454,13	8,457,490	9,112,149
Peratus Pencapaian	99.46%	106.8%	98.68%

- **Unit Pengurusan Kuarters dan Rumah Rehat**

  Tugasan utama di unit ini adalah :
  - Menyediakan kuarters untuk ditawarkan oleh Bahagian Sumber Manusia kepada kakitangan Majlis yang layak.
  - Menguruskan aduan dan kerja-kerja pembaikan bersama Unit Penyelenggaraan Jabatan.
  - Mengadakan lawatperiksa secara berkala ke unit-unit kuarters dan rumah rehat untuk semakan bil-bil utiliti, kebersihan dan cadangan kerja-kerja pembaikan yang diperlukan.
  - Menyelaraskan bayaran bil-bil cukai taksiran dan bil cukai tanah tahunan.
  - Menyerahkan dan menerima serahan kunci unit yang disewakan serta menyelaraskan tuntutan wang cagaran.
  - Menerima tempahan daripada kakitangan dan menyelaraskannya, mengeluarkan surat maklumbalas tentang kelulusan/kegagalan permohonan rumah rehat. Bagi tahun 2012 sebanyak 430 permohonan daripada kakitangan telah diuruskan.
  - Memastikan rumah rehat dilengkapi dengan kemudahan /peralatan asas untuk keselesaan penginapan kakitangan dan Ahli Majlis.
  - Keluarkan bil dan surat kepada semua pemohon sama ada berjaya/ gagal dan selaraskan tempahan dengan pengurusan rumah rehat di setiap lokasi.

- **Unit Penyelenggaraan Kecil.**

  Menjalankan pemantauan, pengurusan, lawat periksa dan laporan kerosakan harta komersial milik Majlis termasuk Rumah Rehat, Bangunan Tadika, bangunan pejabat/ kilang/restoran/kiosk, Kuarters kakitangan dan premis kediaman yang disewakan.
  - Membantu Unit sewaan menjalankan pemeriksaan lokasi terhadap permohonan pemaju untuk serahan bangunan.

- Dalam tahun 2014, Majlis telah menerima serahan lima buah tadika, dua buah Bangunan Rukun Tetangga dan sebuah dewan Serbaguna daripada pematuhan pemaju ke atas syarat Kebenaran Merancang iaitu:

  Senarai premis yang diterima serahannya sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:-

  i) Tadika No 5, Jln Setia Damai U13/14, Seksyen U13 , Setia Alam

  ii) Tadika No 4 , Jln Setia Damai U13/15C, Seksyen U13, Setia Alam

  iii) Tadika No 1, Jalan Setia Indah U13/13K, Seksyen U13, Setia Alam

  iv) Tadika No 82, Jalan Setia Indah U13/13, Seksyen U13, Setia Alam

  v) Tadika No 5, Jalan Setia Impian U13/7, Seksyen U13, Setia Alam

  Dua Buah Bangunan Rukun Tetangga beralamat seperti berikut:

  i) No 1, Jalan Setia Impian U13/7G, Seksyen U13, Setia Alam

  ii) No 6, Jalan Setia Indah U13/11M , Seksyen U13 Setia Alam

  Sebuah dewan beralamat:

  i) No 3, Jalan Setia Impian U13/7, Seksyen U13/ Setia Alam.

  - Unit ini juga ditugaskan untuk menyelia aduan yang diterima dari sistem aduan yang disediakan, menghadiri mesyuarat aduan dan menyediakan laporan berkaitan.

- **PENJUALAN HARTA**

  Disamping tugas-tugas utama seperti yang disenaraikan di atas, Bahagian Pengurusan Harta juga telah diminta untuk menguruskan penjualan harta iaiatu baki dua unit pangsapuri kos sederahana di Seksyen 16, 64 unit pangsapuri sederhana di Seksyen 25 Majlis dengan sasaran hasil jualan RM5,842,000. Sehingga 31 Disember 2014 hasil penjualan yang berjaya dikutip berjumlah RM799,400.

2.2.3 UNIT PENSWASTAAN

Objektif Bahagian ini adalah meningkatkan pendapatan Majlis melalui pembangunan hartanah milik Majlis disamping menjimatkan kos pengurusan yang perlu ditanggung bagi membangunkan tanah-tanah kosong milik Majlis melalui projek-projek penswastaan. Bentuk pelaksanaan yang dijalankan oleh Majlis adalah :

i. Penjualan/Pelupusan aset (B.O.O)

ii. Bina-Kendali-Serah(B.O.T)

iii. Pajakan Tanah

Sepanjang tahun 2014, tugas bahagian ini telah diserahkan untuk tindakan Jabatan Pengurusan Hasil dan Pelaburan. Hanya 2 projek penswastaan yang diuruskan oleh Jabatan sehingga 31 Disember 2014.

Kuarters MBSA, Pangsapuri Caladenia di Seksyen 20

TASKA MBSA di Tingkat G, Wisma MBSA

Jabatan Bangunan

1.0 PROFIL

1.1 VISI JABATAN

Jabatan Bangunan PBT yang cemerlang dan profesional di Malaysia.

1.2 MISI JABATAN

Memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada semua pemaju, perunding, pemilik dan lain-lain pelanggan dengan berlandaskan kepada etika-etika profesionalisma.

1.3 OBJEKTIF JABATAN

Memastikan bangunan yang dibina mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang supaya keselamatan dan keselesaan penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam terjamin.

1.4 FUNGSI JABATAN

- Memproses dan meluluskan pelan-pelan yang diterima untuk Cadangan Bangunan Baru, Tambahan Dan Pindaan Kepada Bangunan Sedia Ada, Pelan Pindaan Kepada Pelan Lulus Dan Pelan Setara bagi Rumah Teres Kediaman 1 tingkat dan 2 tingkat.
- Memproses dan meluluskan permohonan permit pelan setara untuk Permit Binaan Sementara seperti dinding sesekat (partition) dan bumbung sengkuap (awning) bagi rumah kedai/kedai pejabat, permohonan Permit Bangunan Sementara seperti kongsi, kabin, kantin, 'shed' serta permohonan Permit Menara Telekomunikasi Dan 'Billboard'.
- Merekabentuk dan menyelia pembinaan projek-projek khas Majlis seperti gerai, dewan, 'food court' dan lain-lain serta pelan-pelan cadangan untuk program berkaitan Local Agenda 21 seperti Bandar Selamat.
- Menerima Perakuan Kelayakan Menduduki (CCC) yang merangkumi borang-borang dari G1 hingga G21 serta Borang F yang dikemukakan oleh Perunding ke Jabatan Pusat Setempat (OSC) untuk tindakan rekod Jabatan dan pemeriksaan tapak untuk tindakan pemulangan wang cagaran.
- Melakukan pemeriksaan tapak serta mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) selepas permohonan Borang E diterima.
- Memantau dan memeriksa serta menguatkuasakan Undang-Undang terhadap pembinaan yang dibina tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis.
- Memantau pembinaan di tapak agar mematuhi syarat-syarat dan peraturan Majlis.
- Memantau projek-projek terbengkalai bagi memastikan pemaju meneruskan tanggungjawab mereka sehingga projek siap dibina dan CF/CCC dikeluarkan.
- Bertindak ke atas aduan yang berkaitan dengan masalah bangunan dan pembinaan.

1.5 AKTA-AKTA YANG DIGUNAPAKAI DI MBSA

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

2.0 TUGAS UTAMA JABATAN

Jabatan Bangunan terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu :

2.1 SEKSYEN PELAN

i. Unit Pelan Pembangunan

ii. Unit Projek & Penswastaan

Sepanjang tahun 2014 Unit Pelan Pembangunan telah memproses sebanyak 1626 permohonan untuk diluluskan.

Manakala Unit Projek & Penswastaan pula telah menyediakan 4 rekabentuk bagi projek Majlis, menyelia dan mengurus projek bagi 5 projek Majlis yang sedang dalam pembinaan serta 2 projek usahasama antara Majlis dan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 6 projek lagi dijangka bermula pada tahun 2015.

2.2 SEKSYEN KAWALAN BANGUNAN & PENGUATKUASAAN

i. Unit Penguatkuasaan & Kawalan Bangunan

ii. Unit Kualiti & Pentadbiran

Unit Penguatkuasaan & Kawalan Bangunan telah memproses dan meluluskan sebanyak 1668 permohonan pelan bagi Cadangan Baru Banglo dan Cadangan Tambahan/Pindaan bagi kediaman sedia ada. Dalam tahun 2014 sebanyak 18 operasi penguatkuasaan (operasi meroboh) telah dilaksanakan. Operasi melibatkan struktur haram yang dibina di lorong belakang kedai yang menimbulkan kacau ganggu dan halangan kepada laluan orang awam.

Unit Kualiti & Pentadbiran pada tahun 2014 telah berhasil mengetengahkan 2 Kumpulan Inovasi yang terdiri dari kakitangan Jabatan Bangunan sendiri dan dibantu oleh kakitangan dari Jabatan Teknologi Maklumat, MBSA dan Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan, MBSA.

2.3 SEKSYEN PROJEK KHAS

i. Unit Permit

Unit Permit telah memproses sebanyak 2980 permohonan permit untuk diluluskan. Di samping itu juga Unit Permit bertanggungjawab dalam memberi sokongan kepada Permohonan Lesen Komposit yang diterima daripada Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan. Sebanyak 2380 telah diterima dalam tahun 2014. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan pemilik atau pengusaha perniagaan mendapatkan kelulusan Permit Binaan Sementara (sekiranya bercadang atau telah pun membina binaan sementara) terlebih dahulu sebelum Lesen Perniagaan dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan.

3.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN BANGUNAN

3.1 KATEGORI PERKHIDMATAN



3.2 KATEGORI PENGUATKUASAAN



3.2.1 TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAPAK

Jabatan Bangunan telah berjaya melaksanakan sebanyak 18 operasi roboh pada tahun 2014. Operasi meroboh dilaksanakan terhadap binaan yang dibina tanpa mendapat kelulusan Majlis seperti struktur yang telah melencong dari pelan lulus pada bangunan kediaman atau 'shed', bangsal, bumbung sengkuap, grill, kebuk sampah pada premis-premis perniagaan dan lain-lain lagi.

i PEMBINAAN BAHAGIAN TEPI YANG MELENCONG DARI PELAN YANG DILULUSKAN

No. 28, Jalan Sajak U2/29, Taman TTDI Jaya, Seksyen U2, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

ii PEMBINAAN STRUKTUR PAGAR TANPA KEBENARAN BERTULIS PIHAK MAJLIS

No 94, Jalan Arca U8/78 Seksyen U8, Shah Alam Selangor Darul Ehsan

iii ANJUNG 7. TAMBAHAN/PINDAAN 'SHED' , SETOR DAN PONDOK PENGAWAL

Di Atas Lot 2, Jalan Zirkon B7/B, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Jabatan Bangunan

3.3 KATEGORI PROJEK MAJLIS

3.3.1 PAGAR

a) Cadangan Tawaran Semula Kerja-Kerja Membina Pagar Di Pejabat Cawangan Setia Alam (Support Centre) Seksyen U13, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

b) Cadangan Tawaran Semula Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Pagar Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning, Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

c) Cadangan Membina Pagar Di Kawasan Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

3.3.2 HENTIAN AKHIR BAS (HAB)

a) Cadangan Membina Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB) Bas Dan Teksi Di Tapak Hentian Bas Sedia Ada Di Atas Lot No. 3 & 5, Jalan Jenulung 17/21, Seksyen 17, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam

b) Cadangan Merekabentuk Dan Menyiapkan Hentian Akhir Bandar (HAB), Hentian Teksi Dan Laluan Pejalan Kaki Di Atas Lot No. 1, Serta Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Sebahagian Lot No.2, Jalan Parang 19/18A, Seksyen 19, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

3.3.3 MEDAN SELERA

a) CadanganPKPLNo.MBSA/BGN/BB/600-1/SEK:19/0188-2010 Bertarikh 8.11.2010 Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Medan Selera 1 Tingkat Yang Mengandungi : 12 Unit Gerai, 2 Unit Kedai Serbaneka, Ruang Makan Terbuka, 1 Unit Pusat Pengumpulan Pinggan /Mangkuk, 1 Unit Pejabat Penyelengaraan Serta Membina Sebuah Restoran 1 Tingkat, 2 Unit Tandas Lelaki & Wanita, 1 Unit Tandas OKU, 1 Unit Rumah Sampah Dan Dataran Terbuka Serta 1 Unit Wakaf Di Atas Lot No.2, Jalan Gembala 19/9, Seksyen 19, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.4 GERAI DAN KEDAI 2 TINGKAT

a) Cadangan Meroboh Gerai Sementara Sedia ada, Merekabentuk Dan Menyiapkan Gerai Serta Kedai 2 Tingkat Di Atas Lot No.1, Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot No. 3, Jalan Pulau Angsa A U10/A, Seksyen U10, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

b) Cadangan Meroboh Gerai Sedia Ada Dan Membina Semula Gerai Dan Kedai 2 Tingkat Di Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, 40100 Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

3.3.5 BANGUNAN PASAR 6 TINGKAT

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Sebuah Bangunan Pasar 6 Tingkat Yang Mengandungi :

i) 1 Tingkat Separa Basemen

ii) 3 Tingkat Pasar (60 Unit Gerai Basah, 56 Unit Gerai Kering, 19 Unit Kiosk Dan 79 Unit Gerai Makan)

iii) 3 Tingkat Tempat Letak Kereta

Di Atas Lot No.2, Jalan Mewah 25/63, Seksyen 25, 40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.6 PENTAS DAN RUANG BERBUMBUNG

a) Cadangan Membina Pentas Dan Ruang Berbumbung Di Atas Tapak Pentas Sedia ada Di Kawasan Rekreasi Seksyen 10, 40000 Shah Alam, Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam



3.3.7 DEWAN PERBANDARAN (COUNCIL CHAMBER)

a) Cadangan Merekabentuk Serta Menaiktaraf Dewan Perbandaran (Council Chamber) Dan Ruang-Ruang Sokongan Di Tingkat 1 (Lif B), Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.8 BANGUNAN KOMERSIL

a) Cadangan Pembangunan Komersil Di No.1 Jalan Besar, Pekan Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

b) Cadangan Pembangunan Komersil Di Precint 3.10, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam

3.3.9 KAFE TINGKAT 3 WISMA MBSA

a) Cadangan Merekabentuk Dan Membina Kafe Di Tingkat 3, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.10 PUSAT SETEMPAT PERKHIDMATAN MBSA (ONE STOP SERVICE CENTRE – OSSC)

a) Cadangan Merekabentuk Dan Membina Pusat Setempat Perkhidmatan MBSA (One Stop Service Centre –OSSC) Di Tingkat LG (Lift B) Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.11 DEWAN BANKUET

a) Cadangan Merekabentuk Dan Membina Sebuah Dewan Bankuet, Di Atas Lot No. 1051, Jalan Aerobik 13/14, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.3.12 CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK

a) Cadangan Pembangunan Di Tapak No. 1, Jalan Lompat Tinggi 13/33, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

3.4 KATEGORI PENTADBIRAN



3.5 KATEGORI PENTADBIRAN

PROGRAM / AKTIVITI	PERANCANGAN (RM)	PENCAPAIAN (RM)
Bayaran Yuran Permit Bangunan & Binaan Sementara (kongsi, kabin, hoarding, dan lain-lain binaan di tapak pembinaan, 'Shed', 'partition', 'awning' 'grill', menara telekomunikasi dan 'billboard') Kod Hasil : 71810	2,806,460.00	2,461,499.00
Bayaran Yuran Permit Letak Bahan Binaan Kod Hasil : 71811	587,736.00	570,915.00
Bayaran Yuran Lulus Pelan Cadangan Baru & Banglo (Individu) Kod Hasil : 72102 / 72103	164,260.00	275,115.00
Bayaran Yuran Proses Pelan Tambahan / Pindaan & Pelan Setara (Kilang, Kediaman, Kedai dan lain-lain) Kod Hasil : 72104	343,620.00	620,041.00
Penjualan Buku Pelan Setara Kod Hasil : 73102	450,000.00	131,100.00
Penjualan Salinan Sijil CF Kod Hasil : 73104	10,800.00	11,050.00
Penjualan Salinan Pelan Kod Hasil : 73105	4,000.00	6,400.00
Penjualan Risalah / Buku Garis Panduan Kod Hasil :73106	5,000.00	6,460.00
Denda Bangunan Kod Hasil : 76802 / 76501	2,198.280.00	3,994,350.40
Kutipan Kompaun Kod Hasil : 76102	2,640,000.00	662,130.00
Rampasan Wang Cagaran	68,414.00	13,900.00
Jumlah Kutipan Sebenar	**7,080,290.00**	**8,752,960.40**

Jabatan Bangunan



3.6 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2014

3.6.1 ANUGERAH INOVASI MBSA pada 10hb Jun 2014

Mendapat tempat KEENAM

Kategori : JABATAN

Pencetus idea : KUMPULAN NEU-VOLUTION

Hasil Inovasi : INFO-TECH STICKER

3.6.2 KONVENSYEN KIK PIALA DATUK BANDAR 2014

Mendapat tempat KEENAM

Nama Kumpulan : KUMPULAN I-FUTURE

Tajuk Projek : LAMBAKAN ULASAN TEKNIKAL YANG DIKELUARKAN SEMASA MEMPROSES PERMOHONAN PERMIT BINAAN SEMENTARA PARTITION & AWNING UNTUK KEDAI PEJABAT

3.6.2 PROGRAM HARI KUALITI MBSA TAHUN 2014 – 27hb JUN 2014

Merangkul tempat **PERTAMA** dalam persembahan Jabatan dengan tajuk persembahan SUDUT INTERAKTIF QE/5S'

3.7 INOVASI JABATAN

3.7.1 INFO-TECH STICKER

Inovasi ini merupakan Pelekat Kelulusan yang berteknologi tinggi dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Inovasi yang amat efektif, efisyen dan informatif bukan sahaja akan memudahkan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan tetapi juga dapat meningkatkan prestasi petugas Jabatan Bangunan dan kakitangan dari lain-lain Jabatan yang menguatkuasakan undang-undang di lapangan.

Ciri-ciri Info-Tech Sticker adalah :-

i) Kalis cuaca, tahan panas dan hujan serta tidak mudah koyak

ii) Maklumat dicetak terus dari mesin pencetak

iii) Mempunyai 'QR Code' untuk menyemak maklumat pemilik yang disambungkan terus kepada server melalui talian internet (internet online).

iv) Mempunyai No. Siri, rekabentuk paten yang tidak mudah ditiru dan disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

v) Lebih banyak maklumat boleh dimasukkan pada pelekat dan maklumat lain yang boleh diakses melalui server.

vi) Pemilik dibekalkan 2 pelekat kelulusan :-

Pelekat 1 – Digunakan semasa kerja-kerja ubahsuai dijalankan.

Pelekat 2 – Bertindak sebagai 'identification' kepada rumah berkenaan selepas ubahsuai siap.

3.7.2 MEMUDAHKAN PROSES PERMOHONAN DAN MEMBERI KEMUDAHCAPAIAN MAKLUMAT PERMIT BINAAN SEMENTARA BAGI KEDAI/PEJABAT

Jabatan telah merekabentuk 'interface' dan memuatnaik borang permohonan dan pelan lakaran di dalam laman web MBSA. Inovasi ini memudahkan pemohon mendapatkan maklumat dan mempermudahkan pemohon membuat Permohonan Permit Binaan Sementara Bagi Kedai/Pejabat. Ia juga memberi pemahaman tentang Garis Panduan Permit Binaan Sementara.

3.8 INOVASI JABATAN

Sepanjang tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2014, Jabatan Bangunan hanya berjaya mengutip hasil sebanyak **RM10,787796.30** iaitu **hanya 70% dari jumlah kutipan yang disasarkan** untuk tahun 2014 iaitu **RM15,447,143.00**.

Jabatan Bangunan akan berusaha dengan lebih baik lagi bagi menambah kutipan hasil Majlis dengan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang di lapangan. Dengan usaha ini diharapkan dapat mempertingkatkan kesedaran orang awam tentang betapa pentingnya mengemukakan permohonan ke Majlis.

Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Fungsi

- Perhubungan awam dan media,
- Memberi maklumat dan pertanyaan awam,
- Pembangunan program belia dan sukan,
- Program kesenian dan pelancongan,
- Program kemasyarakatan,
- Menerbitkan bahan rasmi Majlis,
- Urusetia kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

1.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1.1 Acara-acara rasmi anjuran Majlis dan kerjasama bersama Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi/Persekutuan.

Penganjuran beberapa acara rasmi Majlis sama ada dengan kerjasama Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi Negeri berjalan dengan baik dan lancar.

[**Pencapaian = 178 kali**]

1.2 Penyediaan ucapan-ucapan untuk acara-acara rasmi Majlis mahupun program yang melibatkan Jabatan/Agensi/Persekutuan.

Semua ucapan rasmi dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan, berkualiti dan mempunyai isi-isi yang bernas dan mantap.

[**Pencapaian = 53 kali**]

1.3 Menjawab dan memberi maklumbalas terhadap isu-isu yang berbangkit di media massa.

Menjawab isu dan aduan berkaitan MBSA kepada media massa yang disiarkan dalam keratan akhbar.

[**Pencapaian = 69 kali**]

1.4 Program Sosial bersama pihak media

- Majlis Berbuka Puasa Bersama Media Massa & Anak-Anak Yatim pada 3 Julai 2014 bertempat di Dewan Bankuet, MBSA
- Lawatan Mesra Bersama Media Massa ke Johor Bahru & Singapura pada 13 & 14 Disember 2014

[**Pencapaian = 2 kali**]

1.5 Penggunaan iklan atau mesej yang berinformatif dan memberi impak positif kepada masyarakat.

A) Billboard

Terdapat 13 unit billboard di bawah pemantauan Jabatan Korporat, MBSA. Berikut adalah visual/kempen yang dipaparkan pada billboard bagi tahun 2014 :-

- Kempen Pencegahan Denggi,
- Kempen Galakkan Menjelaskan Cukai Taksiran
- Perpustakaan Anggerik Vanilla, MBSA
- Tempat Letak Kereta di Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam

B) E - Board

Pemasangan video pendek untuk mesej kesedaran dalam bentuk 'public announcement' seperti berikut:-

- Video Korporat MBSA 2014
- Program 60 Earth Hour 2014
- Gigitan Kecil Ancaman Besar - Gerak Advokasi Denggi Shah Alam
- Laman Seni 7 Shah Alam
- Kempen Alam Sekitar – Minyak Masak Terpakai
- Promosi Dewan Bankuet MBSA
- Back Lane Transformation For MIP Award 2014
- Video Penjurian Zon Bersih Mini (MiniZeebee) 2014
- Sistem Pengurusan Lokasi Kenderaan @ Fleet Management Automatic Vehicle Locating System (AVLS)
- Trek Basikal Dan Laluan Pejalan Kaki Shah Alam

1.6 Penyediaan cenderamata

Penyediaan cenderahati yang akan dikhususkan untuk acara tertentu seperti ceramah, seminar, lawatan, perlawanan persahabatan dan pelajar praktikal. Cenderamata yang telah disediakan adalah seperti berikut:

i) Laser Pointer
ii) Carboot Organizer
iii) Bekas makanan ('lunch box")
iv) Beg Seminar (folder)
v) Kotak pensel
vi) Tuala (box)
vii) Botol Air (Sport bottle)
viii) Tali Leher
ix) Selendang
x) Buku Nota (bahan kitar semula)
xi) Plag (velvet)
xii) Pen (Alain Delon)
xiii) Plag (motif masjid & orkid)

Tambahan cenderahati bagi mempromosikan Laman Seni 7 adalah:-

i) Buku Nota LS
ii) Poskad LS7
iii) Penanda Buku LS7
iv) "Thumb Drive" LS7

1.7 Mempromosikan organisasi dan perkhidmatan MBSA

a) Pameran Perkhidmatan

[**Pencapaian = 26 kali**]

b) Penyediaan Pasukan **"Shah Alam On Wheel"** untuk menambahbaik sistem penyampaian dan memperkenalkan organisasi MBSA.

[**Pencapaian = 33 kali**]

1.8 Galeri MBSA

a) Pameran kerjasama antarabangsa telah dilaksanakan pada bulan Mac 2014 iaitu :-

i) Bandar Raya Hanam, Korea Selatan

ii) Bandar Raya Surabaya, Indonesia

b) Dalam proses pembelian rak-rak bagi penyusunan semula cenderahati PBT/Korporat/NGO & Piala Penghargaan / Pengiktirafan.

1.9 Penerimaan pelawat dalam dan luar negara

Mengurus dan menyelaras permohonan pelawat dalam dan luar negara. Memastikan para pelawat menerima layanan yang baik dan mesra serta dapat memberikan fakta yang tepat berkenaan MBSA.

- Luar negara : 4

a) Kunjungan Hormat Persatuan Peniaga-Peniaga, Bandar Raya Hanam, Korea Selatan (19/2/2014)

b) Kunjungan Hormat Daripada Kedutaan Libya (2/5/2014)

c) Lawatan Pembelajaran Peserta Kursus Antarabangsa "Public Administration And Development Management"- Peserta Negara Filipina (6/6/2014)

d) Lawatan Pelajar Dari Tokoname, Jepun – Sempena Pertukaran Pelajar Malaysia Jepun 2014 (11/8/2014)

- Dalam negeri : 34

  Sebanyak 34 kumpulan daripada Jabatan/Agensi/IPTA yang telah berkunjung dari bulan Januari - Disember

[**Pencapaian = 38 kali**]

1.10 Kempen

Konsep kempen yang dilaksanakan bertema Kebersihan, Pendidikan, Alam Sekitar, dan Gejala Sosial seperti :

i) Pertandingan Laman Seni (LS7)

ii) Kempen 60 Earth Hour

iii) Program Serentak dan Sepadu Gerak Advokasi Denggi

iv) Kempen Bazar Ramadan Mampan MBSA.

v) Kempen Sayangi Shah Alam

vi) Gerak Gempur Denggi 2.0

[**Pencapaian = 10 kali**]

1.11 Program Corporate Sosial Responsibility (CSR)

- Program Earth Hour 2014

  i) Hotel Concorde Shah Alam – baucer makanan

  ii) Hotel Bluewave Shah Alam – Botol minuman (sport bottle)

- Van OKU daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Club Shah Alam

- Program kerjasama dengan Club Shah Alam bagi Pertandingan Badminton Piala Foo Kok Keong.

[**Pencapaian = 3 kali**]

1.12 Penerbitan

a) Buku/Brosur :

i) Zon Bersih 2013

ii) Mini Zeebee 2013

iii) Laman Seni 7

iv) Shah Alam Photo Book – "Where Good Life Beckons"

v) Jendela Dinamik 3

b) Video :

i) Video Korporat MBSA 2014 (2 versi)

ii) Program 60 Earth Hour 2014

iii) Taklimat Gerak Advokasi Denggi Shah Alam 2014

iv) Gigitan Kecil Ancaman Besar (denggi)

v) Laman Seni 7 Shah Alam

vi) Place Making Back Lane Transformation – MIP Award

vii) Kempen Alam Sekitar seperti Minyak Masak Terpakai, Sisa Kebun, Sisa Elektronik dan Sisa Dapur

viii) Video Peruntukan MARRIS

ix) MBSA 4Tahun Yang Gemilang

x) Promosi Dewan Bankuet MBSA

xi) Video Pertandingan Zon Bersih Mini 2014

c) Penerbitan Buletin Shah Alam, Bersih Indah Hijau

i) Isu 20- Bulan Januari hingga April 2014

ii) Isu 21- Bulan April hingga Ogos 2014

iii) Isu 22- Bulan September hingga Disember 2014

d) Buletin Mini ZeeBee : Isu - 01 Disember 2014

e) "Photo Book" berkaitan MBSA dan Bandar Raya Shah Alam;

i) Zon Bersih 2013

ii) Mini Zeebee 2013

iii) Laman Seni 7

iv) Shah Alam Photo Book – "Where Good Life Beckons"

v) Jendela Dinamik 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

2.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

2.1 Komuniti / Mesra Rakyat

A. Gaya Hidup Sihat

Mengeratkan hubungan silaturrahim dan perpaduan kaum disamping menjadikan warga Shah Alam cergas dan sihat.

- Senamrobik :

  - Laman Budaya

[**Pencapaian = 48 kali**]

B. Pengiktirafan Kepada Komuniti

Pelbagai program kemasyarakatan telah dilaksanakan kepada penduduk di kawasan tersebut.

- Naziran Zon Bersih 2014 - 22 April 2014
- Majlis Penghargaan & Penganugerahan Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Selangor 2013 - 24 Januari 2014
- Majlis Penghargaan sempena Kejayaan Program Zon Bersih 2013 - 20 Februari 2014
- Lawatan Sempena Program Toyota Eco Youth 2014 - 11 Februari 2014
- Tazkirah Santai di Dataran Musafir, Bazarena Seksyen 13, Shah Alam serta Dataran Kemerdekaan Shah Alam Sepanjang Ramadhan 1435/2014 - 30 Jun – 25 Julai 2014
- Program Bicara Ilmu di Ambang Ramadhan - 26 Jun 2014
- Program Iftar Jamaie dan Sumbangan Sempena Bulan Ramadhan Kepada Kakitangan MBSA - 3 Julai 2014
- Program Penyerahan Topi Keledar Percuma Sempena Kempen Selamat Balik Kampung - 22 Julai 2014
- Program Sumbangan Sempena Ramadhan kepada Golongan Kurang Berkemampuan - 27 Jun 2014
- Program Kem Kepimpinan untuk Anak-anak Yatim Shah Alam –3 Jun 2014 dan 15 Jun 2014
- Program Kem Peningkatan dan Motivasi - 25 – 27 November 2014

C. Masyarakat Prihatin

- Kuliah Maghrib di Kediaman Rasmi Datuk Bandar = 6 Kali
  23 Januari 2014
  20 Feb 2014
  20 Mac 2014
  24 April 2014
  22 Mei 2014
  19 Jun 2014

2.2 Program Kesihatan

- Pemeriksaan Kesihatan dan Kempen Kesedaran Penjagaan Kesihatan - 04 Mei 2014
- Program Advokasi Denggi MBSA 2014 - 20 April 2014
- Posting Population Health dengan kerjasama Fakulti Perubatan UiTM pada : -
  22 Februari 2014
  26 April 2014
  25 Mei 2014

[**Pencapaian = 4 kali**]

2.3 Program Keprihatinan Orang Kelainan Upaya (Oku) & Warga Emas

a. Permohonan Pelekat kenderan OKU

Menerima permohonan daripada golongan OKU yang memerlukan pelekat kereta bagi memudahkan mereka meletak kereta diruang yang telah disediakan.

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	15
Februari	15
Mac	9
April	8
Mei	2
Jun	0
Julai	6
Ogos	9
September	13
Oktober	11
November	6
Disember	0

b. Penyediaan Kenderaan OKU

Menerima permohonan serta penggunaan Kenderaan Komuniti bagi golongan Warga Emas serta OKU. Senarai hospital yang dibenarkan oleh pihak Majlis :

1. Klinik Kesihatan Seksyen 7
2. Klinik Kesihatan Seksyen 19
3. Klinik Kesihatan Bukit Kuda
4. Hospital Tengku Ampuan Rahimah
5. Hospital Besar Sungai Buloh
6. Pusat Perubatan Universiti Malaya
7. Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	0
Februari	2
Mac	3
April	6
Mei	4
Jun	3
Julai	7
Ogos	5
September	7
Oktober	7
November	6
Disember	7

[**Pencapaian = 57 permohonan**]

c. Penyediaan Bas Komuniti

Perkhidmatan Bas Komuniti MBSA mula beroprasi pada 4 Mac 2014 (Selasa). Memberi perkhidmatan percuma kepada orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas. Waktu operasi adalah pada jam 7.30 pagi, 11.30 pagi dan 4.30 petang.

Senarai laluan Bas Komuniti Majlis Bandaraya Shah Alam :

1. Hentian Pusat Bandar
2. Hentian Laman Budaya
3. Hentian Seksyen 2
4. Hentian UiTM
5. Hentian UNISEL
6. Hentian Seksyen 7
7. Hentian Institut
8. Hentian UiTM 2
9. Hentian PUSPAKOM
10. Hentian Rimba Jaya
11. Hentian Masjid Sek 16
12. Hentian Berhadapan Kilang GTI
13. Hentian LPPKN
14. Hentian Pasar
15. Hentian S.M Sek 16
16. Hentian Kilang Panasonic
17. HentianTerminal
18. Hentian Sek 17
19. Hentian Sek 18 Ole-ole
20. Hentian Sek 18 (H.teksi)
21. Hentian LKSA
22. Hentian MAIS
23. Hentian Damai
24. Hentian Sek11
25. Hentian Pusat Bandar

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	0
Februari	0
Mac	0
April	268
Mei	206
Jun	892
Julai	710
Ogos	789
September	1615
Oktober	1087
November	1085
Disember	516

[**Pencapaian = 7168 penumpang**]

d. Penyediaan Perkhidmatan Coaster MBSA ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Perkhidmatan Coaster MBSA ke PPAS mula beroprasi pada 19 April 2014 (Sabtu). Memberi perkhidmatan kepada orang awam yang ingin mengunjungi PPAS pada hujung minggu. Waktu operasi adalah pada jam 10.00 pagi dan 2.00 petang.

Senarai laluan Coaster MBSA ke PPAS :

1. Perkarangan Tempat Letak Kereta Pasaraya Ole-Ole Seksyen 18
2. Stesen Komuter Seksyen 19
3. Kompleks PKNS Seksyen 14
4. Pangsapuri Perdana Seksyen 13
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Seksyen 13

BULAN	BIL. PERMOHONAN
Januari	32
Februari	21
Mac	16
April	7
Mei	9
Jun	30
Julai	14
Ogos	5
September	-
Oktober	1087
November	1085
Disember	516

[**Pencapaian = 134 penumpang**]

2.4 Kemiskinan Bandar

Menyelaras program bantuan kepada mangsa-mangsa bencana serta Rumah Kebajikan dan Perlindungan seperti:-

- 15 Feb 2013
  (Bantuan Mangsa Kebakaran di Kg Bukit Naga)
  6 Buah Rumah dan melibatkan 28 orang mangsa pemindahan.
- 15 Mac 2014
  (Bantuan Mangsa Kebakaran di Pekan Subang U6)
  Melibatkan 53 orang Mangsa kebakaran
- 28 ogos 2014
  (Bantuan Kebakaran di Seksyen 19)
  Melibatkan 10 orang mangsa

2.5 Majlis Perwakilan Penduduk

Pengurusan Peruntukan serta Perbelanjaan MPP disediakan kepada semua 24 MPP zon di kawasan Pentadbiran Majlis bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

Penyelarasan Aduan-aduan awam yang diterima di Pusat Khidmat Ahli Majlis.

- Program Mesra Rakyat
- Turun Padang
- Gotong –royong
- Urusetia Aduan MPP
  Jan – 0 program
  Feb – 0 program
  Mac – 53 program
  Apr – 89 program
  Mei – 73 program
  Jun – 84 program
  Jul – 125 program
  Ogos – 97 program
  Sept – 85 program
  Okt – 131 program
  Nov – 149 program
  Dis – 114 program

[**Pencapaian = 1000 program**]

2.6 Unit Perpustakaan

Menjadikan perpustakaan sebuah tempat yang terbuka dan santai untuk dikunjungi oleh orang ramai di samping menggalakan masyarakat berilmu.

Telah mula beroperasi pada 01 April 2014 dan sehingga kini PAV MBSA telah mempunyai keahlian seramai 560 orang dan sebanyak 2100 buah buku telah dikatalog.

- Perasmian Perpustakaan Anggerik Vanilla
  28 Oktober 2014
- Program Riang Ria Cuti Sekolah
  25 -27 Mac 2014
  03 – 05 Jun 2014
  16 -19 Dis 2014
- Lab Interaktif @ Perpustakaan
  22 Feb 2014
  29 Mac 2014
  22 April 2014
  17 – 18 Sept 2014
  19 Okt 2014
  28 Oktober 2014
  20 Dis 2014
  23 – 24 Dis 2014

[**Pencapaian = 12 kali**]

BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN

3.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

3.1 PROGRAM SEKSYEN KEBUDAYAAN

a. Program Pusat Seni Setempat

i) Program bersama JKKN

ii) Bakat Sekolah

iii) Borak-Borak

iv) Layar Tanchap, showcase kombo, penghayatan sastera dan budaya, persembahan kebudayaan

[**Pencapaian = 24 kali**]

3.2 Program tambahan

- Harmonic Choir – Kumpulan Koir MBSA
- Festival Seni Budaya UiTM Malaysia - 23 – 28 Januari 2014
- Hi-Tea Zon Bersih - 20 Februari 2014
- Majlis Perasmian Acara Malaysia Women Marathon 2014 - 14 Mac 2014
- Lat Ta Li Lat – Permainan Rakyat - 15 Mac 2014
- Majlis Makan Malam Sempena Iran Week - 21 Mac 2014
- Earth Hour - 29 Mac 2014
- Majlis Makan Malam Sempena Pembukaan Penggal Kedua DUN Ke-13 2014 - 7 April 2014
- Malam Puisi Riong Shah Alam - 19 April 2014
- Pertandingan Koir Shah Alam Shines Edisi Kebangsaan- 24 & 25 Mei 2014
- Program Inspirasi Seni – Buku Jalanan 3 tahun - 11 Oktober 2014
- Karnival Komuniti Telematch Antara MPP Zon Shah Alam 2014 - Oktober 2014
- Majlis Penganugerahan Zon Bersih Mini (Mini Zee Bee) Antara MPP Shah Alam 2014 - Disember 2014

3.3 Program Pelancongan

- Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Perhubungan Pelancongan PBT, Agensi Kerajaan & Swasta Negeri Selangor ;-
  23 April 2014
  12 Jun 2014
  3 September 2014
  27 November 2014
- Selangor Matta Islamic Travel Fair & Iran Week -21- 23 Mac 2014
- Lawatan mengenalpasti produk pelancongan baru di Shah Alam - 26 Ogos 2014
- Pemeriksaan Pengelasan Baru & Pengelasan Semula Premis Pelancongan - 9 April & 18 Jun 2014
- Mengikut Promosi Pelancongan Bersama Tourism Selangor
  i) Familiarisation Trip Media Selangor Golf Masters - 22 – 25 September 2014
  ii) Pameran Malaysia Truly Asia Travel Fair 2014 - 31 Okt – 3 November 2014
- Malaysia Islamic Art & Tourism Souq 2014 - 18 – 21 September 2014
- Bon Odori - 20 September 2014
- Perbincangan Acara-Acara Pelancongan 2015 di Shah Alam Sempena Tahun Melawat Selangor 2015 - 18 Disember 2014

BAHAGIAN BELIA DAN SUKAN

4.0 PROGRAM BELIA & SUKAN

4.1 Kejohanan

a. Kejohanan Lumba Basikal & Kriterium Shah Alam

Tarikh : 22 Februari 2014 (Sabtu)

Tempat : Persiaran Tasik Shah Alam/ Laman Budaya Shah Alam

Jumlah Penyertaan: 520 orang peserta

Kategori:

i. Basikal Bukit (On Road)

ii. Basikal lumba

iii. Kanak-kanak bawah 5 tahun

b. Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar 2014

Tarikh : 28 Feb – 2 Mac 2014 (Jumaat – Ahad)

Tempat : Dewan Bola Tampar Sek. 19 Shah Alam

Kategori :

i. Piala Datuk Bandar

ii. Piala Timb. Datuk Bandar

Jumlah Penyertaan: 45 Pasukan

c. Kejohanan Futsal Piala Datuk Bandar Shah Alam

Tarikh: 12 – 13 April 2014 (Sabtu – Ahad)

Tempat : Frenzy Sport Arena, Seksyen 16, Shah Alam

Jumlah penyertaan :

i. Lelaki Terbuka - 32 pasukan

ii. Wanita Terbuka - 24 pasukan

iii. Bawah 12 tahun - 24 pasukan

iv. Bawah 18 tahun - 32 pasukan

d. Shah Alam Enduride

Tarikh : 18 Mei 2014 (Ahad)

Tempat : Shah Alam Extreme Park, Seksyen 13

Jumlah Peserta : 650 orang

Jarak Kayuhan : 150 km

Laluan Acara : Lebuhraya Gutrie Shah Alam – Sungai Buloh – Batu Arang – Bistari Jaya –Kuala Selangor.

e. Sukan Angkat MBSA Sempena Sukan Malaysia Perlis, 2014 Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Perlis, 2014 telah dilangsungkan pada 25 Mei – 4 Jun 2014, di Perlis. Majlis Bandaraya Shah Alam telah di pertanggungjawabkan untuk menjadi bapa angkat kepada acara sukan seperti berikut:

- Boling (Lelaki / Wanita)
- Gimrama
- Renang (Lelaki / Wanita)
- Terjun (Lelaki / Wanita)

Sumbangan Majlis kepada setiap atlit, pengurus dan jurulatih:

i. Elaun Kejohanan (RM 100.00 seorang)

ii. T-Shirt Kolar

iii. T-Shirt round neck

iv. Bag Pack

f. Foo Kok Keong International Cup

Tarikh: 6 – 8 Jun 2014

Tempoh Perlaksanaan: 3 hari

Sasaran Penyertaan: 8 pasukan

Tempat : KSAS Badminton Hall

g. Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar Jr. 2014 Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar Jr. telah berjaya dilangsungkan pada 18 – 19 Sept. 2014 di Setia Badminton Hall, Setia Alam dan pada 20 – 21 Sept. 2014 di Kelab Shah Alam. Sebanyak 3 kategori yang telah dipertandingkan iaitu :

- Bawah 10 tahun (lelaki / wanita)
- Bawah 12 tahun (lelaki / wanita)
- Bawah 15 tahun (lelaki / wanita)

h. Karnival Soccer Kids Shah Alam 2014

Tarikh: 11 – 12 Oktober 2014 (Sabtu – Ahad)

Masa : 8.30 pagi – 6.00 petang

Tempat : Padang B, Dataran Kemerdekaan Shah Alam

Kategori :

i. Terbuka Bawah 12 tahun

ii. Terbuka Bawah 9 tahun

iii. Shah Alam bawah 12 tahun

iv. Shah Alam bawah 9 tahun

Jumlah Penyertaan: 110 pasukan

i. Karnival Komuniti Telematch MPP Zon Shah Alam 2014

Tarikh: 19 Oktober 2014 (Ahad)

Tempat: Padang B, Dataran Kemerdekaan, Shah Alam

Keputusan Keseluruhan:

- Johan : MPP ZON 1
- N. Johan : MPP ZON 23
- Ke-3 : MPP ZON 6
- Ke-4 : MPP ZON 13

j. Shah Alam Exciting Hunt 2014

Tarikh : 13 Disember 2014 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat Pelepasan: Laman Seni Seksyen 7, Shah Alam

Tempat Tamat : SACC Mall

Laluan : Sekitar Lembah Klang

Kategori Pertandingan : Kategori Terbuka

Penyertaan : 40 pasukan

k. Program Kayuhan Santai Shah Alam

ACARA	TARIKH
Kayuhan Santai Shah Alam Edisi Pertama 2014	26.01.2014
Kayuhan Santai Shah Alam Edisi Kedua – Kota Kemuning	23.03.2014
Kayuhan Sempena 60 Earth Hour 2014	29.03.2014
Kayuhan Pra-Enduride – Kuala Selangor	27.04.2014
Kayuhan Titipan Kasih Si Jantung Hatiku	24.05.2014
Kayuhan Belia I'M 4 U	31 Mei2014
Kayuhan " Shah Alam Trees for life"	23 Ogos 2014
Kayuhan Kemerdekaan	27 Ogos 2014
Majlis Pelepasan Shah Alam City Ride	20 Sept. 2014
Shah Alam Night Cycle	18 Oktober 2014-12-09
Kayuhan Save Gaza	25 Oktober 2014

Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti

4.2 Program Pembangunan Sukan

a. Klinik Pembangunan Sukan, Kelab 1221 MBSA

- Futsal
- Bola Tampar
- Pencak silat
- Ragbi

Klinik Pembangunan Sukan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada remaja melibatkan diri dalam bidang sukan yang diminati. Mereka juga telah didedahkan dengan pertandingan-pertandingan bagi menilai prestasi dari masa ke semasa. Sepanjang tempoh latihan, para peserta telah menunjukkan minat serta disiplin yg tinggi dalam mengikuti arahan daripada jurulatih yang telah dilantik. Pelaksanaan pada bulan Januari hingga Disember 2014.

b. Akademi Soccer Kids MBSA

Akademi Soccer Kids MBSA adalah program yang dirangka khas untuk Pembangunan Sukan Bola Sepak di kawasan Shah Alam bagi kanak-kanak yang berusia 5 – 15 tahun. Tujuan akademi ini ditubuhkan adalah untuk memberi pendedahan serta menarik minat kanak-kanak dalam menceburi sukan Bola Sepak di peringkat awal. Pelaksanaan pada bulan Januari hingga Disember 2014.

c. Kejohanan Bola Sepak Liga Jr. 1MCC – Yamaha 2014

Kategori bawah 12 tahun

Tarikh Mula : 16 Februari 2013 – 27 April 2013

Tempat : Padang Bola Sepak UPM, Serdang (Peringkat Liga)

Tempat : Stadium Mini UPM, Serdang (Perlawanan Akhir)

Kategori : Bawah 12 Tahun (Divisyen 1)

Jumlah Penyertaan : 16 Pasukan

Keputusan Perlawanan Bawah 12 Tahun (Divisyen 1):

- Johan : Soccer Kids MBSA
- N. Johan : KB Tunas Lagenda

Kategori bawah 14 tahun

Tarikh : 3 Mei 2014

Tempat : Padang A & B, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Kategori bawah 16 tahun

Tarikh : 30 Ogos 2014

Tempat : Padang A & B, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

d. Akademi Taekwondo MBSA

Klinik Pembangunan Sukan Taekwondo MBSA adalah program sepanjang tahun di bawah Program Pembangunan Sukan MBSA. Melalui program ini, setiap peserta akan dilatih dengan teknik-teknik asas dalam seni mempertahankan diri.

Tempat : Dewan MBSA Sek. 4, Shah Alam

Hari : Setiap Hari Sabtu

Masa : 8.30 pagi – 10.30 pagi

Sasaran penyertaan : 4 tahun ke atas

Latihan yang diberikan :

- Latihan Asas
- Teknik tumbukan,
- Teknik tendangan
- Teknik tangkisan
- Latihan Kecergasan
- Latihan asas 'Sparring'

e. Kejohanan Taekwondo Interclub, K. Kinabalu, Sabah

Penyertaan kejohanan ini adalah sebagai perlawanan pendedahan kepada setiap peserta. Seramai 8 orang yang terpilih untuk mewakili pasukan ke kejohanan tersebut.

Tarikh: 27 Nov. - 1 Disember 2014

Keputusan Perlawanan:

2Perak, 3 Gangsa

f. Kejohanan Taekwondo MILO, Putrajaya

Penyertaan kejohanan ini adalah sebagai perlawanan pendedahan kepada setiap peserta. Seramai 14 orang yang terpilih untuk mewakili pasukan ke kejohanan tersebut.

Tarikh: 17 Disember 2014

Keputusan Perlawanan:

1 Emas, 1 Perak, 3 Gangsa

Program Kayuhan Shah Alam Siri 1

Karnival Soccer Kids Shah Alam 2014

Program Earth Hour 2014 anjuran MBSA

Majlis Penganugerahan Mini Zeebee 2014

JANUARI

Majlis Anugerah Zon Bersih 2014

FEBRUARI

Kriterium Shah Alam 2014

SOROTAN PROGRAM-PROGRAM RASMI MBSA SEPANJANG TAHUN 2014

MAC

Program 60 Earth Hour Bandar Raya Shah Alam

APRIL

Malam Puisi Riong 2014

MEI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014

JUN

Majlis Perasmian Program Laman Seni 7

SOROTAN PROGRAM-PROGRAM SEPANJANG TAHUN

SEPTEMBER

MBSA Julang Anugerah 'Planning Excellence Awards 2014' Daripada Pertubuhan Perancang Malaysia

OKTOBER

Majlis Perasmian Perpustakaan Anggerik Vanilla MBSA

JULAI

Program Helmet Percuma Sempena Balik Kampung Jalan Sungai Buloh

OGOS

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke 57 Peringkat Negeri Selangor

RASMI MBSA 2014

NOVEMBER

MBSA Terima Pengiktirafan Antarabangsa 'Green Apple Award' Menerusi Projek Pengindahan Lorong Belakang

DISEMBER

Majlis Penganugerahan Zon Bersih Mini (MiniZeeBee) 2014

Jabatan Undang - Undang 51

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi 53

Jabatan Kejuruteraan 57

Jabatan Undang - Undang

1.0 PROFIL

Berpegang kepada misi **"Mewujudkan Masyarakat Berdisiplin dan Mematuhi Undang-Undang"** dan visi **"Melaksanakan Undang-Undang Dengan Adil dan Saksama"** Jabatan Undang-Undang bergerak sebagai satu pasukan seramai 31 orang kakitangan dengan slogan **" Hidup Biarlah Berperaturan"**.

Di antara peranan Jabatan Undang-Undang :-

i. Memberi khidmat nasihat perundangan;
ii. Menguruskan kes-kes tuntutan sivil;
iii. Menyemak dan menyediakan perjanjian Majlis;
iv. Menjalankan pendakwaan bagi pihak Majlis;
v. Menggubal dan membuat pindaan Undang-Undang Kecil;
vi. Mengemaskini perisian SAISS dan format pertuduhan kes-kes yang dikuatkuasakan oleh Majlis.

2.0 LAPORAN MENGIKUT BAHAGIAN DI JABATAN UNDANG-UNDANG

2.1 BAHAGIAN PENDAKWAAN

Antara fungsi-fungsinya adalah:-

a) Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Majlis kepada orang awam;
b) Menangani permasalahan semasa bagi kompaun-kompaun yang dikeluarkan oleh anggota penguatkuasa Majlis dan mana-mana pegawai atau kakitangan yang menguatkuasakan undang-undang;
c) Menyemak Kertas Siasatan (IP) bagi kes-kes yang hendak didakwa di Mahkamah;
d) Menyediakan saman pertuduhan untuk didaftarkan ke Mahkamah;
e) Menghadirkan diri ke Mahkamah semasa tarikh sebutan kes atau semasa tarikh perbicaraan sesuatu kes.

Sepanjang tahun 2013, pihak Suasa Effektif bersama Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan telah menyerahkan sebanyak 121 kertas siasatan (IP). Kesemua IP tersebut telah dihantar ke Pejabat Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk semakan dan permohonan izin pendakwaan sebelum kes dapat difailkan di Mahkamah.

Pihak Jabatan Undang-Undang telah mengadakan beberapa siri bengkel/taklimat bagi meningkatkan pemahaman berhubung penyediaan IP di kalangan pegawai penyiasat/ anggota penguatkuasa di samping memantapkan lagi penguatkuasaan Undang-Undang.

Sebanyak 3 siri bengkel/taklimat telah dijalankan iaitu :-

1. Kursus Kertas Siasatan Dan Pendakwaan pada 28-30 April 2014.
2. Taklimat Penguatkuasaan Undang-Undang kepada Pembantu Tadbir (SUASA EFEKTIF) bagi pengambilan anggota baru pada 12 Ogos 2014.
3. Kursus Latihan Perbicaraan (Mock Trial) di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 9-10 Disember 2014.

2.1.1 Pengemaskinian sistem SAISS dan Penyediaan Format Pertuduhan

Jabatan Undang-Undang telah melaksanakan hampir keseluruhan pengemaskinian dan penyediaan format pertuduhan terhadap Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis kecuali:-

AKTA
Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)

UNDANG-UNDANG KECIL
UUK Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (MBSA) Jalan, Parit dan Bangunan
UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MBSA) Kerajaan Tempatan 2005
Perintah Tetap (Mesyuarat) (MBSA) 2007
Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) MPSA 1995

2.2 BAHAGIAN GUBALAN

2.2.1 Senarai Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil yang digunapakai adalah seperti berikut :-

AKTA
Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 (AKTA 133)
Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (AKTA 171)
Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (AKTA 172)

ENAKMEN
Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995
Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1996

UNDANG-UNDANG KECIL
UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MBSA) Jalan, Parit dan Bangunan 2005
UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBSA) 2005
UUK Tanah Perkuburan Islam (MBSA) 2005
UUK Tandas Awam (MBSA) 2005
UUK Vandalisme (MBSA) 2005
UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MBSA) Kerajaan Tempatan 2005
UUK Taman (MBSA) 2005
Perintah Tetap (Mesyuarat) (MBSA) 2007
UUK Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSA) 2007
UUK Krematorium (MBSA) 2007
UUK Kolam Renang (MBSA) 2013
UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBSA) 2013
UUK Pasar (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MBSA) 2007
UUK Hotel (MBSA) 2013
UUK Iklan (MBSA) 2007
UUK Iklan Pilihan Raya (MBSA) 2007
UUK Penjaja (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MBSA) 2007
UUK Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap(MBSA) 2007
UUK Kerja Tanah (MBSA) 2007
UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBSA) 2007
UUK Pengendali Makanan (MBSA) 2007
UUK Pusat Sukan Persendirian (MBSA) 2013
UUK Penternakan Burung Walid dan Perusahaan Sarang Burung Walid (MBSA) 2013
Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBSA 2007
Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) MPSA 1995

2.2.2 Pada tahun 2014 unit ini masih meneruskan dengan kerja-kerja penggubalan dan pindaan UUK Majlis bagi tujuan penyeragaman UUK Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Tiga UUK telah siap dideraf dan telah pun dihantar kepada pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan masih dalam semakan. UUK tersebut ialah:-

1. UUK Kremetorium
2. UUK Tempat Letak Kereta Persendirian
3. UUK Pusat Siber dan Kafe Siber

Selain itu, empat UUK sedang dalam proses terakhir perbincangan dan penderafan. Mesyuarat terakhir bagi tahun ini telah diadakan pada 27-28 November 2014 dan akan disambung semula pada bulan Januari 2015. UUK tersebut ialah :-

1. UUK Penjaja,
2. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian,

Jabatan Undang - Undang

3. UUK Establishmen Makanan
4. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatertib).

2.3 BAHAGIAN SIVIL DAN PERJANJIAN

Bahagian ini terbahagi kepada 3 Unit Utama iaitu Unit Perjanjian, Unit Tuntutan Sivil dan Unit Cukai Taksiran.

2.3.1 Unit Perjanjian

Unit Perjanjian bertanggungjawab mengendalikan serta menguruskan penyemakan dan penyediaan dan penyempurnaan perjanjian Majlis.



2.3.2 Unit Tuntutan Sivil

Unit ini mengendalikan segala urusan berkaitan kes-kes tuntutan sivil terhadap Majlis sama ada dari dalam atau luar. Sepanjang tahun 2014, unit ini telah mengendalikan sebanyak 28 kes tuntutan melalui panel-panel peguam yang telah dilantik. Daripada 28 kes tersebut, 14 kes adalah Majlis bertindak sebagai pihak penuntut (Plaintif) manakala 14 kes lagi Majlis menjadi pihak yang kena tuntut (defendan). Jadual di bawah menunjukkan pecahan yang dimaksudkan.

Laporan Bilangan Kes Sivil Majlis Sebagai Plaintif @ Defendan Tahun 2014

PERKARA	JUMLAH KES
Majlis Sebagai Plaintif	14
Majlis Sebagai Defendan	14
JUMLAH	**28**

Tuntutan-tuntutan yang dikendalikan oleh unit ini juga boleh dikategorikan kepada pelbagai jenis tuntutan seperti carta di bawah :

Majlis Sebagai Plaintif



Majlis Sebagai Defendan



Jika dilihat tuntutan tunggakan sewaan harta-harta Majlis, unit ini telah mengendalikan 9 kes tuntutan di mana melibatkan tuntutan tunggakan berjumlah **RM459,446.00**. Jadual di bawah menunjukkan pecahan 9 kes mengikut jenis premis yang telah diuruskan.

JENIS PREMIS	BIL	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
Rumah Kedai	1	93,000
Kedai Pejabat	2	52,760.00
Ruang Pejabat	2	166,210.00
Tadika	2	46,400.00
Kiosk/Booth	3	101,076.00
JUMLAH		**RM459,446.00**

2.3.2 Unit Cukai Taksiran

Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan dan memantau prosedur tindakan perundangan bagi kes Tunggakan Cukai Taksiran terhadap pemilik harta yang gagal menjelaskan Cukai Taksiran kepada Majlis.

Bilangan fail bagi kes-kes tunggakan bayaran cukai taksiran yang telah dibuka oleh unit ini sehingga 31/12/2014 adalah sebanyak **45 fail**. Daripada jumlah tersebut, 1 fail telah berjaya diselesaikan dan ditutup kerana telah menjelaskan bayaran. Baki 6 fail masih lagi dalam tindakan dan jumlah tunggakan keseluruhan setakat 31/12/2014 berjumlah **RM292,365.26**. Seterusnya sejumlah 38 fail untuk tunggakan cukai berjumlah **RM1,362,947.44** untuk hartanah dimiliki oleh Newacres, telah difailkan untuk "Bukti Keterhutangan" (Proof of Debt) memandangkan syarikat tersebut telah digulungkan. Tindakan undang-undang yang dibuat terhadap kes-kes tersebut adalah untuk mendapatkan perintah lelongan awam terhadap pegangan yang terlibat serta tindakan penggulungan syarikat bagi pegangan-pegangan yang dipunyai oleh syarikat-syarikat sedang aktif.

3.0 LAPORAN AKTIVITI

i) Jabatan Undang-Undang telah menghantar kumpulan Ipso Facto bagi menyertai konvensyen KIK Piala Datuk Bandar yang diketuai oleh En. Mohd Fatkye bin Salamat beserta 10 orang ahli dengan membawa tajuk "Lambakan Perjanjian Yang Tidak Diambil Oleh Penyewa". Dalam pertandingan tersebut Jabatan telah mendapat saguhati dan membawa pulang wang tunai RM 500.00 beserta sijil penghargaan.

ii) Pada 14/5/2014 dan 16/7/2014 Jabatan menerima dua orang Penolong Pegawai Undang-Undang (L29) bertaraf kontrak iaitu En. Mohd Yusri bin Abd Malek dan En. Mohamed Fauzi bin Manan.

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

1.0 PROFIL

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi diakui sebagai pemangkin ke arah penambahbaikan proses kerja sedia ada bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan Majlis. Teknologi ICT dilihat dapat memberi nilai tambah tahap kepuasan pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan seterusnya memberi impak positif kepada Majlis.

Bagi merealisasikan dasar MBSA dalam memberikan Khidmat Terbaik, Jabatan ICT telah merangka hala tuju berikut bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan ICT di MBSA pada tahun 2014.

- PENGUKUHAN SAIIS
- PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN
- PELENGKAPAN DATA GEOSPATIAL DAN INTEGRASI DATA GIS
- PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR

OBJEKTIF

Menyediakan infrastruktur dan infostruktur teknologi maklumat kepada warga MBSA bagi meningkatkan produktiviti selaras dengan objektif MBSA untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.

- Merancang dan membangunkan pelaksanaan Teknologi Maklumat (IT) secara menyeluruh merangkumi semua bidang kerja Majlis.
- Memberi kemudahan kepada warga kerja MBSA di dalam penggunaan Teknologi Maklumat (IT).
- Memastikan warga kerja MBSA dibekalkan dengan kelengkapan Teknologi Maklumat (IT) yang mencukupi dan terkini.

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi terbahagi kepada 3 bahagian utama dengan kekuatan kakitangan seramai 34 orang.

- Bahagian Operasi, Teknikal dan Pentadbiran AM
- Bahagian Penyelenggaraan Sistem
- Bahagian Kajian, Pembangunan Sistem dan Multimedia

VISI
ICT Pemacu Transformasi Perkhidmatan MBSA Yang Cemerlang

MISI
Memperkasakan Aplikasi Dan Infrastruktur ICT Bagi Meningkatkan Kecekapan Dan Integriti Sistem Penyampaian Kepada Pelanggan
Mempertingkatkan Pengetahuan, Keupayaan Dan Kemahiran ICT Bagi Melahirkan Warga Kerja Yang Kompeten Dan Berdaya Saing

FUNGSI

- Merancang dan menguruskan perolehan perkakasan, perisian, sistem rangkaian dan sistem aplikasi komputer Majlis.
- Merancang dan menjalankan program pengkomputeran aplikasi pentadbiran Majlis.
- Menguruskan perolehan prasarana teknologi maklumat untuk kegunaan Majlis.
- Mengendali dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi Majlis.
- Merekabentuk sistem aplikasi untuk menyokong operasi Majlis.
- Merancang dan mengurus program latihan ICT.
- Melaksanakan khidmat rundingan dan latihan.

PIAGAM PELANGGAN

- Memberi maklumbalas aduan ICT dalam tempoh 24 jam hari bekerja.
- Menyelenggara kerosakan perkakasan dan rangkaian dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Menyelenggara sistem aplikasi secara dalaman dalam tempoh 10 hari bekerja.
- Memproses bil-bil bayaran dalam tempoh 3 hari bekerja untuk serahan kepada Jabatan Kewangan tertakluk kepada dokumentasi yang lengkap.
- Memberi maklum balas aduan iResponz dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN

2.1 PERAKUAN DAN PENTAULIAHAN MALAYSIA TRUSTMARK SEKTOR AWAM (MTSA)

Malaysia Trustmark Sektor Awam (MTSA) merupakan satu mekanisme untuk mentauliah perkhidmatan e-Pembayaran agensi sektor awam sebagai selamat dan boleh dipercayai.

Objektif MTSA adalah untuk meningkatkan tahap kepercayaan dan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh agensi sektor awam dari segi kerahsiaan, ketersediaan dan kesahihan maklumat di laman web / portal agensi sektor awam.

Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya memperolehi pentauliahan dan pensijilan "Malaysia Trusmark Sektor Awam" (MTSA) bagi pembayaran secara dalam talian menerusi portal MBSA pada 11 Jun 2014. Perkhidmatan yang dinilai adalah bayaran Cukai Taksiran dan Kompaun dengan menggunakan kaedah FPX. Logo MTSA ini perlu diletakkan di sebelah atas kanan portal MBSA dan sah selama 3 tahun sehingga pembaharuan dilaksanakan dan audit pemantauan (pentest) akan diadakan pada setiap tahun.

Sesi Pengauditan MTSA oleh CyberSecurity Malaysia pada 10 Mac 2014

Sesi Pembukan Audit Oleh Tuan Mohtar Bin Hani, Timbalan Datuk Bandar

Panel Auditor dari CyberSecurity Malaysia

Sesi pengauditan dijalankan oleh CyberSecurity Malaysia

2.2 PERKHIDMATAN DALAM TALIAN (EPS)

Penyampaian perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan telus adalah salah satu objektif MBSA kepada pelanggan. Untuk tujuan itu saluran perkhidmatan telah dipelbagaikan dengan menambah perkhidmatan secara dalam talian (online services).

Dikenali sebagai 'SHAH ALAM KU', setiap pelanggan yang berurusan dengan MBSA akan didaftarkan dengan menggunakan MyKad dan MYCOid. Dengan menggunakan MyKad dan MyCOid, pelanggan Shah Alam Ku dapat membuat permohonan, semakan dan bayaran secara dalam talian melalui portal rasmi Majlis Bandaraya Shah Alam, http://www.mbsa.gov.my.

Di antara perkhidmatan ePS MBSA yang disediakan adalah:

- Bayaran Melalui FPX
- iLesen
- iCukai
- iSewaan
- iKompaun

Laporan Bilangan Kes Sivil Majlis Sebagai Plaintif @ Defendan Tahun 2014

TAHUN	PELANGGAN		JUMLAH KESELURUHAN
	INDIVIDU (ORANG)	ORGANISASI (SYARIKAT)	
2011	10,256	424	**10,680**
2012	12,068	705	**12,773**
2013	12,501	820	**13,321**
2014	21,783	868	**22,651**
JUMLAH	**56,608**	**2,817**	**59, 425**

2.3 PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ASET DAN STOR (IASET)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset Dan Stor (iAset) di

MBSA pada April 2014 adalah bagi menambah baik sistem aplikasi sedia ada serta memantapkan pengurusan aset dan stor Majlis dengan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bil. 5 Tahun 2007.

Pelaksanaan sistem telah dapat memastikan penambahbaikan berikut dilaksanakan di MBSA:

i. Penstrukturan semula Unit Pengurusan Aset (UPA).

ii. Perincian peranan dan tanggungjawab pegawai berkaitan yang terlibat secara terus dengan pengurusan aset.

iii. Pendaftaran dan pengemaskinian aset dan inventori yang lebih menyeluruh serta pelaporan yang lebih komprehensif dalam pengurusan Aset di Majlis.

iv. Penyelarasan Kursus Tatacara Pengurusan Aset mengikut pekeliling yang terkini kepada semua peringkat pegawai dan pelaksana pengurusan aset dan stor Majlis.

2.4 PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Pembangunan GIS MBSA pada tahun 2014 melibatkan kerja-kerja melengkapkan data spatial dan attribute tiang lampu dan pemasangan CCTV. Kerja-kerja di lapangan yang telah dilaksanakan adalah:

KERJA-KERJA DI LAPANGAN	PENCAPAIAN
Melengkapkan data spatial dan attribute tiang lampu bagi kawasan Seksyen 1 sehingga Seksyen 28	Inventori data yang telah dilaksanakan adalah:- i. Tiang lampu: 21,291 unit ii. Peti pengagihan lampu jalan: 1332 unit iii. Lampu Isyarat: 311 unit
Melengkapkan data spatial pemasangan CCTV di Kawasan Pentadbiran MBSA	Sebanyak 50 unit data spatial CCTV telah dicerap bagi Seksyen 1 hingga Seksyen U20

2.3 PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ASET DAN STOR (IASET)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset Dan Stor (iAset) di MBSA pada April 2014 adalah bagi menambah baik sistem aplikasi sedia ada serta memantapkan pengurusan aset dan stor Majlis dengan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bil. 5 Tahun 2007.

Pelaksanaan sistem telah dapat memastikan penambahbaikan berikut dilaksanakan di MBSA:

i. Penstrukturan semula Unit Pengurusan Aset (UPA).

ii. Perincian peranan dan tanggungjawab pegawai berkaitan yang terlibat secara terus dengan pengurusan aset.

iii. Pendaftaran dan pengemaskinian aset dan inventori yang lebih menyeluruh serta pelaporan yang lebih komprehensif dalam pengurusan Aset di Majlis.

iv. Penyelarasan Kursus Tatacara Pengurusan Aset mengikut pekeliling yang terkini kepada semua peringkat pegawai dan pelaksana pengurusan aset dan stor Majlis.

2.4 PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Pembangunan GIS MBSA pada tahun 2014 melibatkan kerja-kerja melengkapkan data spatial dan attribute tiang lampu dan pemasangan CCTV. Kerja-kerja di lapangan yang telah dilaksanakan adalah:

2.5 PEMASANGAN BARU KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI BANGUNAN-BANGUNAN MBSA

Peningkatan kawalan keselamatan di bangunan-bangunan MBSA merupakan fokus yang diutamakan oleh pihak pengurusan pada tahun 2014. Bagi memastikan pelaksanaan sistem pengawasan keselamatan berkamera (CCTV) di MBSA dinaiktaraf sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, penambahbaikan menyeluruh yang melibatkan kos pembangunan berjumlah RM1.2 juta telah dilaksanakan yang melibatkan:

i. Penyediaan Bilik Kawalan Utama bagi memantau keseluruhan sistem pengawasan CCTV di bangunan MBSA

ii. Pemasangan sistem pengawasan CCTV baru yang berkeupayaan untuk merakam aktiviti dan kenderaan yang keluar masuk di kawasan bangunan MBSA

iii. Konfigurasi dan integrasi kamera sedia ada dengan pemasangan baru

iv. Perkakasan baru yang berspesifikasi tinggi dan versi terkini

v. Latihan operasi dan penyenggaraan sistem pengawasan CCTV kepada penyelia dan pengguna jabatan yang berkaitan

Senarai pemasangan CCTV di Bangunan-bangunan MBSA

LOKASI	JUMLAH PEMASANGAN
Bangunan Wisma MBSA	54
Pejabat Cawangan Kota Kemuning	13
Pejabat Cawangan Sungai Buloh	10
Pejabat Cawangan Setia Alam	3
Bengkel MBSA, Sek 17	10
Stor MBSA, Sek 17 (Sedia ada: 13 unit)	3
Tapak Semaian	2
JUMLAH	**95**



Paparan di Bilik Kawalan Utama

Pemantauan di Kaunter-kaunter Bayaran MBSA

Pemantauan Keluar Masuk Kenderaan di Bangunan-bangunan MBSA

Pengawasan CCTV di Ruang Letak Kereta Bangunan MBSA

2.6 PEMASANGAN WIFI DI BANGUNAN WISMA MBSA

Pengukuhan infrastruktur merupakan antara fokus utama Jabatan ICT dalam merangka perancangan kerja pada tahun 2014. Projek pemasangan Wifi telah dilaksanakan di 45 lokasi dalam Bangunan Wisma MBSA bagi memantapkan lagi perkhidmatan rangkaian yang disediakan kepada kakitangan. Pemasangan peralatan 'access point' (AP) di semua jabatan membolehkan kakitangan Majlis membuat capaian sistem aplikasi dan internet melalui Wifi MBSA. Capaian Wifi ini mengguna pakai rangkaian sedia ada.

Perkhidmatan internet secara percuma melalui wifi juga disediakan di Kaunter Utama MBSA bagi memudahkan pelanggan membuat capaian internet, semakan bayaran dan pertanyaan secara dalam talian.

2.7 BENGKEL PENGUKUHAN DAN PEMURNIAN MAKLUMAT LAMAN WEB/PORTAL RASMI MBSA

Penganjuran Bengkel Pengukuhan dan Pemurnian Maklumat Laman Web/Portal Rasmi MBSA pada 03 - 05 Februari 2014 di Everly Hotel, Putrajaya telah disertai seramai 61 orang peserta dari pelbagai peringkat dan jabatan/bahagian/pejabat cawangan MBSA.

Objektif bengkel adalah untuk:-

i. Menekankan integriti maklumat di dalam laman web/portal MBSA yang ingin disampaikan kepada pelanggan MBSA.

ii. Menjadikan laman web/portal MBSA sebagai gerbang maya bagi memusatkan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan dan boleh dicapai oleh pelanggan.

iii. Menyemak semula serta mengukuhkan dan memurnikan maklumat sedia ada dan menambah maklumat baru.

iv. Menekankan maklumat fungsi-fungsi dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan-jabatan MBSA.

2.8 PEMBANGUNAN INOVASI ICT

Melihat kepada hala tuju MBSA yang sentiasa melaksanakan pembaharuan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan, Jabatan ICT telah membangunkan inovasi secara dalaman bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT serta lebih berdaya saing di kalangan warga kerja.

Sehingga tahun 2014, sebanyak 9 aplikasi intranet telah dibangunkan secara dalaman bagi meningkatkan perkhidmatan pengurusan MBSA secara dalam talian.

3.0 PENCAPAIAN JABATAN TAHUN 2014

Tempat Kedua Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti (APPB) Peringkat MBSA Tahun 2014

Anugerah Khas Pertandingan Mencipta Logo Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) 2014

Jabatan Kejuruteraan

1.0 PROFIL

Jabatan Kejuruteraan adalah Jabatan yang bertanggungjawab atas kerja-kerja berkaitan dengan perancangan infrastruktur, penyelenggaraan jalan, saliran, cerun, lampu jalan, lampu isyarat, kawalan infrastruktur, kerja tanah dan penyelenggaraan kenderaan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

1.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

- Menguruskan bahagian perkeranian dan mengawal rekod cuti kakitangan Jabatan
- Menguruskan semua mesyuarat-mesyuarat Jabatan dan luar Majlis
- Menguruskan bayaran bagi kerja-kerja inden, tender, sebutharga dan pembelian
- Menguruskan bayaran tuntutan pengembalian wang cagaran dan bil-bil elektrik di seluruh Shah Alam
- Menguruskan fail-fail infrastruktur, tender, elektrik, jalan, saliran dan lain-lain
- Menguruskan dan merekod semua surat-surat yang diterima dari dalam dan luar jabatan di dalam Buku Rekod Penerimaan
- Menguruskan semua pemprosesan surat dan dokumen
- Menyelaras dan membuat kawalan terhadap stok/inventori serta penerimaan dan pembelian peralatan pejabat
- Memastikan surat, memo, inden, tender, permit dan perkara berkaitan ditaip dengan segera
- Memastikan tiada kesilapan dalam surat, memo dan lain-lain
- Menyelaras aduan-aduan dan maklumbalas yang diterima daripada Unit di Jabatan Kejuruteraan sebelum diserahkan kepada Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.

1.2 BAHAGIAN KAWALAN INFRASTRUKTUR

- Bertanggungjawab menyemak pelan-pelan cadangan kebenaran merancang dan pelan pendirian bangunan
- Bertanggungjawab menyemak dan meluluskan pelan-pelan kerja tanah dan infrastruktur (jalan, parit dan lampu jalan) bagi pembangunan kawasan baru
- Memproses dan mengeluarkan permit-permit kerja tanah (permit membina laluan masuk/keluar sementara dan permit mengangkut tanah atas jalan awam)
- Memproses dan mengeluarkan Sijil Kelulusan Kerja Infrastruktur untuk sokongan pengeluaran CF
- Menyelaras aduan-aduan yang diterima daripada orang awam berkaitan masalah yang berlaku disebabkan oleh sesuatu projek yang sedang dijalankan serta diselaraskan oleh Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan untuk Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.

1.3 BAHAGIAN JALAN

- Menyelaras aduan-aduan yang diterima dan diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan untuk diserahkan kepada Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.
- Merancang, mengurus dan meyelaras kerja-kerja penyelenggaraan dan cadangan menaiktaraf kemudahan infrastruktur (jalan awam, papantanda lalulintas dan papantanda nama jalan) di dalam kawasan pentadbiran MBSA

1.4 BAHAGIAN SALIRAN

- Menyelaras aduan-aduan yang diterima dan diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan untuk diserahkan kepada Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.
- Merancang, mengurus dan meyelaras kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit besar di dalam kawasan pentadbiran MBSA
- Menyelaras segala aduan berkenaan banjir

1.5 BAHAGIAN CERUN

- Menyelaras segala aduan berkaitan cerun dan tanah runtuh
- Memantau, mengawasi dan menyelenggara cerun dari kejadian tanah runtuh

1.6 BAHAGIAN PROJEK KHAS

- Membuat perancangan projek pembangunan dan membaikpulih infrastruktur melalui penyediaan rekabentuk dan dokumen Tender & Sebutharga
- Menyelaras kerja-kerja pembinaan projek
- Menyelaras projek-projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan

1.7 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Wisma MBSA, premis-premis MBSA (dewan, pasar & gerai)
- Menyelaras aduan-aduan yang diterima dan diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan untuk diserahkan kepada Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam atau jabatan yang berkaitan.

1.8 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

- Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan lampu-lampu jalan awam, sistem lampu isyarat, lampu-lampu awam di taman rekreasi dan permainan di dalam kawasan pentadbiran MBSA
- Merancang dan mereka bentuk lampu-lampu jalan baru
- Merancang dan menaiktaraf lampu-lampu jalan awam yang sudah lama
- Merancang dan merekabentuk pemasangan lampu-lampu hiasan untuk musim-musim perayaan
- Menyelaras aduan-aduan yang diterima dan diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan untuk diserahkan kepada Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam.

1.9 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

- Menyelenggara kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal Majlis
- Menguruskan perkhidmatan kenderaan dan pemandu untuk kegunaan jabatan-jabatan dan tugas rasmi Majlis
- Menguruskan pembelian kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal yang baru

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Tahun 2014

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BILANGAN PROJEK
Peruntukan Pembangunan	35,561,000.00	46,375,340.07	119
Peruntukan Penyelenggaraan	30,485,860.00	31,535,862.50	97
MARRIS	78,683,517.30	79,633,139.18	139
JUMLAH	**144,730,377.30**	**157,544,341.75**	**355**

Jabatan Kejuruteraan

1.10 BAHAGIAN KAWALAN INFRASTRUKTUR

PROGRAM / AKTIVITI	BIL.	TEMPOH	PENCAPAIAN (%)	ULASAN/ IMPLIKASI KEWANGAN
Memproses permohonan ulasan kebenaran merancang pelan susunatur/ pendirian bangunan	134 permohonan	Januari – Disember	100%	Pencapaian berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima yang telah diselesaikan
Permohonan kelulusan pelan kerja tanah	69 permohonan	Januari – Disember	100%	
Permohonan kelulusan pelan jalan dan perparitan	133 permohonan	Januari – Disember	100%	
Permohonan kelulusan pelan lampu jalan/ laman/taman	148 permohonan	Januari – Disember	100%	
Pemprosesan permit jalan keluar/masuk sementara	40 permohonan	Januari – Disember	80% (Proses) 157% (Nilai kutipan)	Nilai kutipan **RM110,400.00**
Pengeluaran notis dan kompaun	60 kompaun	Januari – Disember	120% (Bil. Kompaun) 81% (Nilai kompaun)	Nilai kompaun dikeluarkan **RM404,910.00**. Majlis menawarkan pengurangan bayaran kompaun selaras dengan kadar yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada Mei 2014.
Caruman Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	134 permohonan	Januari – Disember	111% (Berdasarkan jumlah kutipan)	Bayaran ISF yang dijelaskan oleh pemaju berjumlah **RM11,089,556.06** Jumlah keseluruhan kutipan ISF **RM58,713,533.19**

1.11 BAHAGIAN JALAN

Projek Marris Tahun 2014

Antara kerja-kerja yang dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS adalah :

i. kerja-kerja membaharumuka jalan
ii. menaiktaraf jalan
iii. menurap semula jalan
iv. Membaikpulih longkang
v. Menaiktaraf longkang tepi jalan

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek MARRIS Fasa 1	23
Projek MARRIS Fasa 2	26
Projek MARRIS Fasa 3	26
Projek MARRIS Fasa 4	21
Projek MARRIS Fasa 5	25
Projek MARRIS Fasa 6	14
Jumlah	**135**

Projek Pembangunan Tahun 2014

Kerja-kerja Utama Yang Dilaksanakan adalah:

i. Membaharumuka Jalan
ii. menaiktaraf jalan
iii. menurap semula jalan
iv. penampalan jalan berlubang
v. Mengecat dan membaiki batu susur
vi. Pembaikan laluan pejalan kaki
vii. Penggantian papan tanda yang rosak / hilang
viii. Pembinaan bonggol jalan

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan Fasa 1	7
Projek Pembangunan Fasa 2	20
Jumlah	**72**

1.12 BAHAGIAN SALIRAN

Projek Pembangunan Tahun 2014

i. Pembaikan parit erong
ii. Pembaikan longkang & tembok penahan
iii. Mengorek mendapan di kolam takungan
iv. Menaiktaraf saliran & tebatan banjir

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan	39
Projek MIDA	2

Sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 52 unit kolam takungan telah diserahkan kepada Majlis dan kos penyelenggaraan kolam tersebut adalah sebanyak RM456,666.68, pihak Majlis telah melantik kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan tersebut melalui sebutharga terbuka.

1.13 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN CERUN

Kerja-kerja Utama Yang Dilaksanakan adalah :

i. Kerja-Kerja Forensik, Rekabentuk Terperinci dan Pengawasan Cerun
ii. Kerja-kerja Membaiki Cerun Dan Membina 'Reinforced Concrete Walls' (RC Walls)

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Sebutharga	4

1.14 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2012

Kerja-kerja Utama Yang Dilaksanakan adalah :

i. Penyelenggaraan M & E
ii. Pembaikan kerja-kerja awam
iii. Pembersihan rutin
iv. Menyelenggara premis Majlis

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan	31

1.15 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

Kerja-kerja Utama Yang Dilaksanakan adalah :

i. Menentukan kenderaan untuk kerja baik pulih enjin dan kotak gear
ii. Mengurus pembelian kenderaan baru untuk kegunaan Jabatan
iii. Mengurus pelupusan kenderaan
iv. Kursus peningkatan kecekapan pekerja dan pemandu
v. Pembaikan lampu jalan & lampu taman
vi. Menyelenggara lampu isyarat
vii. Pemasangan lampu hiasan

Pelaksanaan projek :

PROJEK	BIL. PROJEK
Projek Pembangunan	15

1.16 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN

Kerja-kerja Utama Yang Dilaksanakan adalah :

i. Menguruskan pembelian kenderaan, jentera, mesin dan peralatan mekanikal yang baru

Pencapaian Bahagian Penyelenggaraan Mekanikal

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN
Kenderaan / Jentera -Pembelian	34 unit	Januari – Disember	35 unit
Penyelenggaraan servis	1500 kerja	Januari – Disember	1,549 kerja
Penyelenggaraan kerosakan	1500 kerja	Januari – Disember	1,175 kerja
Pelupusan kenderaan	10 unit	Januari – Disember	23 unit

2.0 PENCAPAIAN

PENYELENGGARAAN JALAN

Dalaman (Road Gang - Kuari)

Projek Jalan Pusara *Projek Jalan Mat Raji*

Peruntukan MARRIS *Korekan Jalan*

PENYELENGGARAAN SALIRAN

Saliran utama / tepi jalan *Kolam Takungan*

PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Penyelenggaraan Pejabat *Bangunan Perniagaan & Dewan*

Sebutharga/ Tender Penyelenggaraan Dewan dan Pasar/ Gerai *Sebutharga/ Tender Pembangunan bangunan Pejabat*

PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

Penyelenggaraan Elektrik *Pembangunan lampu*

PENYELENGGARAAN CERUN

Kerja-kerja Membaiki Cerun Dan Membina 'Reinforced Concrete Walls' (RC Walls) Di Persiaran Dato' Menteri' , Seksyen 6, Shah Alam. *Penyelenggaraan Kawasan Cerun Di Seksyen 2 Sehingga Seksyen 36*

Menaiktaraf bangunan penyelenggaraan kenderaan (bengkel) Seksyen 17, Shah Alam *Menaiktaraf Jalan Jingga, Seksyen U9, Shah Alam*

KENDERAAN / JENTERA

Sebahagian daripada kenderaan/jentera Majlis Bandaraya Shah Alam

Jabatan Perancangan 61

Jabatan Kesihatan Persekitaran 84

Jabatan Pusat Setempat 89

Jabatan Perancangan

1.0 PROFIL

1.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Jabatan Perancangan ditubuhkan pada November 1980. Jabatan Perancangan adalah jabatan yang paling awal dibentuk kerana jabatan ini bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan pembangunan sesebuah kawasan. Ini adalah sejajar dengan status Shah Alam sebagai sebuah Bandaraya Terancang.

1980	KAKITANGAN DILANTIK (PENOLONG PEGAWAI PERANCANG)
1984	PERTAMBAHAN SEORANG KAKITANGAN (PEGAWAI PERANCANG BANDAR
1988	KAKITANGAN BERTAMBAH MENJADI 5 ORANG (1 PENOLONG PEGAWAI PERANCANG DAN 2 JURUTEKNIK)
1988	PERTAMBAHAN KEPADA 24 ORANG KAKITANGAN
1999	PERTAMBAHAN KEPADA 55 ORANG
2005	PERTAMBAHAN KEPADA 57 ORANG
2007	PERTAMBAHAN KEPADA 69 ORANG
KINI	**65 ORANG**

1.2 VISI

Bersama-sama Harmoni, Ceria, Dan Bestari Ke Arah Cemerlang, Gemilang Membentuk Persekitaran Lestari.

1.3 MISI

Merealisasaikan Perkhidmatan Yang Efisyen Dan Kualiti

1.4 SLOGAN

"Efisyen Dan Berkualiti"

1.5 OBJEKTIF JABATAN

i. Membentuk strategi perancangan dan pembangunan.
ii. Menyediakan rancangan pembangunan yang merangkumi rancangan struktur, rancangan tempatan dan pelan-pelan bangunan.
iii. Merancang, menyusun dan mengawal pembangunan tanah dan bangunan.
iv. Mengkaji, merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek khas majlis.
v. Membuat penyelidikan mengenai perancangan dan pembangunan Bandar.
vi. Memantau, melaksana dan mempromosi agenda 21 tempatan (LA21) Shah Alam.
vii. Memastikan pelaksanaan program Bandar selamat di Shah Alam.
viii. Menyelaras, melaksana, memajukan, membangunkan dan memastikan kejayaan pelaksanaan projek sistem maklumat geografi (GIS).

1.6 FUNGSI JABATAN

i. Memproses permohonan kebenaran merancang pelan susunatur/ pendirian bangunan dan tukar guna bangunan.
ii. Penyelarasan penamaan kawasan, jalan dan bangunan.
iii. Menyelaras setinggan/ gerai tanpa kebenaran dan kilang tanpa kebenaran.
iv. Menyelaras pembangunan mampan Shah Alam.
v. Menyelaras pengangkutan awam.
vi. Penyediaan rancangan pemajuan.
- Rancangan Struktur Negeri Selangor.
- Rancangan Tempatan Daerah Petaling dan Sebahagian Daerah Klang.
- Rancangan Kawasan Khas.
- Tanah Rezab Melayu.
- Kg.Tradisional

vii. Penguatkuasaan perancangan (salahguna tanah/ salahguna bangunan)
viii. Menyokong permohonan lesen, pelan bangunan, sijil layak menduduki bangunan (CF), lesen kenderaan perdagangan.
ix. Memantau pembangunan rumah kos rendah.
x. Memberi ulasan penswastaan (tanah & bangunan).
xi. Menyediakan 'Geography Information System' (GIS).
xii. Menyelaras garis panduan piawaian perancangan.

1.7 PELAN PEMBANGUNAN KAWASAN/ TUGAS



2.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN JABATAN

2.1 PEYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGUBAHAN 3)

2.2 PENYEDIAAN MODEL PUSAT BANDAR SHAH ALAM, SEKSYEN 14

- Model telah siap sepenuhnya pada 13 November 2014. Kos bagi penyediaan model tersebut sebanyak RM200, 000.00

Jabatan Perancangan

2.3 PENGUATKUASAAN PERANCANGAN

i. Pengeluaran Notis Di Bawah Akta 172 :

PERKARA	KUANTITI
Notis Di Bawah Seksyen 27	317
Notis Di Bawah Seksyen 28	129
JUMLAH	**449**

2.4 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PELAN SUSUNATUR

KEBENARAN MERANCANG	KUANTITI
Baru	62
Pindaan	44
Lanjut Tempoh	17
JUMLAH	**123**

2.5 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN

KEBENARAN MERANCANG	KUANTITI
Baru	108
Pindaan	73
Lanjut Tempoh	12
Billboard	19
Telco	16
JUMLAH	**228**

2.6 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN

PERMOHONAN KM TUKAR GUNA BANGUNAN	KUANTITI
Kedai Pejabat Kepada Asrama	4
Kediaman Kepada Perniagaan (Tadika & Taska) - Baru - Pembaharuan KM	 34 84
Kilang/ Gudang Kepada Perniagaan	4
Kedai Pejabat Kepada Hotel	19
Kedai Pejabat Kepada Institusi (sekolah/ tadika/ taska/ pusat jagaan)	9
JUMLAH	**154**

2.7 PENYELARASAN BILLBOARD DI KAWASAN SHAH ALAM

i. Laporan Inventori Papan Iklan

PERKARA	KUANTITI
Lulus TOL	99
Dalam proses (TOL)	69
Rezab Persekutuan	100
Tanah Persendirian	15
Parapet	16
Papantanda Jalan	20
JUMLAH	**319**

Sewa Tapak: RM 1045, 680.00

Lesen Iklan: RM 484, 870.00

Bayaran Tol: RM 606, 000.00

Permit Sementara: RM 783, 745.00

Jumlah Keseluruhan = RM 2, 920, 295.00

ii. Permohonan TOL

Sebanyak 47 permohonan TOL telah dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah Petaling/Klang untuk kelulusan. Pihak syarikat billboard telah diminta menyediakan pelan ukur bagi setiap permohonan Lesen Menduduki Sementara (TOL).

iii. Tindakan Penguatkuasaan

TINDAKAN	JUMLAH
Penurunan Visual Iklan	28
Perobohon Struktur Billboard	18
JUMLAH	**46**

2.8 OPERASI BERSEPADU

i. Hotel

- Inventori Hotel Bajet Shah Alam telah disediakan dan dibentang di dalam di Mesyuarat JK Pusat Setempat pada 29.10.2013.
- Penyediaan Inventori dikemaskini dari masa ke semasa dan pemantauan kewujudan hotel bajet baharu.
- Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada hotel bajet yang tiada kelulusan pada 28hb. Januari 2014.
- Operasi bersepadu telah diadakan 1 kali iaitu pada 19.11.2014.

STATUS	JUMLAH PREMIS
Ada KM (masih sah)	11
Ada KM (tamat tempoh)	16
Dalam Proses KM	17
Tiada Kelulusan	5
JUMLAH	**49**

ii. Asrama Pekerja

Dalam tindakan mengemaskini inventori

iii. Tadika / Taska / Pusat Jagaan

- Mengeluarkan surat peringatan kepada pengusaha tadika/taska untuk memperbaharui KM yang tamat tempoh (31 Disember 2012) kediaman kepada tadika/ taska jika masih belum berbuat sedemikian pada tahun 2014
- Mesyuarat Penyelarasan operasi telah diadakan pada 21.7.2014
- Operasi bersepadu bersama JKM, Jab. Bomba, Polis, Jab Imigresen dan Jab Teknikal Dalaman MBSA telah diadakan pada 17.9.14.
- Notis dikeluarkan kepada tadika/taska/pusat jagaan (101 Notis)

2.9 PENYEDIAAN PANDUAN PERLAKSANAAN DAN DASAR PEMBANGUNAN

i. Panduan Menjalankan Aktiviti Bengkel/Pusat Servis/Cuci kereta

- Penyediaan Draf Garispanduan
- Pembentangan Draf Garispanduan Ke Mesyuarat Pengurusan
- Pembentangan Garispanduan ke Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Pelesenan
- Pembentangan Garispanduan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan MBSA.
- Penyediaan Garispanduan
- Cetakan Garispanduan
- Draf Garispanduan disediakan berdasarkan ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal Dalaman MBSA yang terlibat.
- Telah disediakan dan akan dibawa dalam Mesyuarat JK Pusat Setempat pada Januari 2015.

ii. Garis panduan "Gated & Guarded"

- Pembentangan di dalam Mesyuarat Pengurusan berhubung harga jualan bagi seunit buku garis panduan.
- Edaran buku garispanduan kepada kakitangan/jabatan/ ahli majlis dan agensi yang terlibat.
- Buku Garis Panduan Permohonan Skim Komuniti Berpengawal telah diluluskan pemakaiannya di dalam Mesyuarat Majlis kali ke 7/2013 pada 30.7.2013 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis kali ke 8/2013 pada 28.8.2013 dan telah siap dicetak sebanyak 250 naskhah.
- Proses permohonan ini telah dijadikan satu projek KIK jabatan.

2.10 TINDAKAN DAN PENYELESAIAN KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN

i. Mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Bersama Pengusaha Kilang Dan Pemilik Tanah Bagi Keseluruhan Lot Kilang Tanpa Kebenaran

- Sesi hari bertemu pelanggan bersama pengusaha kilang/pemilik tanah akan diadakan di Wisma MBSA. Sebanyak 809 kilang yang masih belum mengemukakan permohonan kebenaran merancang akan dipanggil pada sesi tersebut.

BULAN	JUMLAH KILANG
Januari	200
Feb	200
Mac	200
April	209

- Telah diadakan pada bulan Jun 2014 bagi kawasan Selatan yang diselaraskan oleh PTG & PTD Klang dan di kawasan Utara pada 22 Julai 2014 yang diselaraskan oleh PTG & PTD Petaling

ii. Surat Kepada Pejabat Tanah/ Daerah Bagi Mendapatkan Senarai Pemilik Dan Mengeluarkan Notis Mengikut Peruntukkan Akta 172 Kepada Kilang Yang Belum Mengemukakan Kebenaran Merancang

- 30.6.2014 (penerimaan senarai pemilikan tanah)
- Senarai pemilikan tanah telah diperolehi sebanyak 687 kilang dan sebanyak 280 kilang masih belum diperolehi.

iii. Menyediakan Data Laporan Inventori Lengkap Kilang Tanpa Kebenaran.

STATUS PERMOHONAN	JUMLAH
Belum Kemukakan KM	808
Dalam Proses KM	97
Lulus KM	62
Jumlah	967

STATUS DATA	JUMLAH
Telah Lengkap	750
Belum Lengkap	217
Jumlah	967

- Inventori telah dikemukakan kepada perunding iaitu Tetuan UIA sebagaimanana yang dilantik oleh SUK.

2.11 KOMUNITI BERPENGAWAL

a) Sesi teach in kepada kakitangan jabatan
   - Sesi Teach-In telah diadakan kepada kakitangan jabatan Perancangan dan jabatan teknikal dalaman MBSA pada 26.11.2014

b) Taklimat kepada Jabatan teknikal dalaman MBSA
   - Taklimat telah diadakan kepada kakitangan jabatan Perancangan dan jabatan teknikal dalaman MBSA pada 26.11.2014

c) Taklimat komuniti berpengawal kepada pemaju dan persatuan penduduk
   - Taklimat yang dijadualkan pada 23.12.2014 tidak dapat dilaksanakan memandangkan pihak LPHS mohon taklimat tersebut ditangguhkan sehingga pihak LPHS membentangkan kertas jawatankuasa ke peringkat Kerajaan Negeri terhadap isu tindakan dan penguatkuasaan oleh PBT yang telah diputuskan dalam MMKN Ke 28/2013 pada 18.9.2013.

d) Penyelesaian kepada isu sedia ada

STATUS PERMOHONAN	JUMLAH
Ada Kelulusan	71
Tiada Kelulusan	171
JUMLAH	**242**

2.12 SISTEM GIS JABATAN PERANCANGAN

i. Sistem Interaktif Rancangan Tempatan dalam Web MBSA
   - Dalam tindakan untuk melengkapkan 'database' Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 2) 2020 yang baru diwartakan pada 31 Julai 2014.

ii. Kemaskini Maklumat Pelan Pembangunan (Kemasukan Data)
   - Pengemaskinian maklumat plan pembangunan melibatkan lot-lot kecil seperti berikut:

BPK	JUMLAH LOT YANG DI ISI	JUMLAH LOT
BPK 1	12,926	27,175
BPK 2	12,421	41,507
BPK 3	4,066	18,144
BPK 4	3,662	30,808
BPK 5	17,896	26,430

iii. Kemaskini Data Nama Jalan
   - Sebanyak 5152 batang jalan telah dikemaskini

iv. Kemaskini dan Kemasukan Data Bagi Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 1 dan Pengubahan 2) 2020
   - Pengubahan 1 : 123 lot (3187.93 ekar)
   - Pengubahan 2 : 59 lot (958.32 ekar)

v. Kemaskini Data Kemudahan Awam
   - Dewan : 123 tapak
   - Tadika Tapak Khas : 39 tapak

vi. Kemaskini Data Kilang Haram – kemasukan data Cukai Taksiran
   - Sebanyak 740 lot telah dikemaskini bagi Data Kilang Haram

vii. Kemaskini Data Kawasan Lapang

- 236 tapak (Warta)

viii. Teach In GIS dan Autocad

3 Sesi Teach in Gis dan Autocad telah dijalankan melibatkan kakitangan Jabatan Perancangan adalah pada tarikh berikut:

- Sesi 1 : 20hb Ogos, 2014
- Sesi 2 : 29hb September, 2014

- Sesi 3 : 11hb November, 2014

2.13 Pelaksanaan Program LA21 Shah Alam mengikut program :

i. Pelan Tindakan 1 : Alam Sekitar
ii. Pelan Tindakan 2 : Kejiranan.
iii. Pelan Tindakan 3 : Sistem Pengurusan Sisa Pepejal.
iv. Pelan Tindakan 4 : Ekonomi
v. Pelan Tindakan 5 : Bandaraya Selamat dan Bebas Halangan.

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM LA21 SHAH ALAM

SHAH ALAM TREES FOR LIFE

Tarikh Perlaksanaan	i. 14hb. Disember 2013
Kumpulan Sasaran	i. Badan-Badan Bukan Kerajaan ii. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta iii. Pelajar Sekolah
Kumpulan Pelaksana	i. Jabatan Taman & Rekreasi MBSA, ECO Warriors dan Malaysian Nature Society
Pengukuran Kejayaan Program	i. Usaha menghijaukan dan memupuk semangat cintakan alam sekitar di kalangan para pelajar sekolah dan penduduk setempat. ii. Meningkatkan Pendidikan Mengenai Alam Sekitar Di Kalangan Penduduk Shah Alam. iii. Memperkukuhkan Semangat Kejiranan Penduduk Shah Alam.

Lawatan Kerja Ke Kilang Pakaian Terpakai Di Pelabuhan Klang (Gudang Brackwell)

Tarikh Perlaksanaan	05hb. Mac 2014
Kumpulan Sasaran	• Jabatan Kewangan • Jabatan Korporat • Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan • Jabatan Perkhidmatan Bandar • Jabatan Perancangan • Jabatan Kejuruteraan • Bahagian Audit Dalaman & Pengaduan Awam
Kumpulan Pelaksana	Jabatan Perkhidmatan Bandar

Program lawatan ini adalah bagi memberi pendedahan kepada kakitangan majlis mengenai perkongsian dan pengalaman menjalankan proses mengitar semula pakaian terpakai yang dijalankan oleh pihak Gudang Brackwell. Syarikat ini telah meletakkan beberapa Tong Kitar Semula pakaian terpakai di beberapa lokasi di sekitar kawasan Shah Alam bagi memudahkan penduduk Shah Alam untuk menyumbangkan pakaian-pakaian terpakai mereka.

Lawatan Kerja Ke R&R Seremban : Projek Pengkomposan Sisa Makanan Oleh Syarikat Maeko

Tarikh Perlaksanaan	06hb. Mac 2014
Kumpulan Sasaran	• Jabatan Kewangan • Jabatan Korporat • Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan • Jabatan Perkhidmatan Bandar • Jabatan Perancangan • Jabatan Kejuruteraan • Bahagian Audit Dalaman & Pengaduan Awam
Kumpulan Pelaksana	Jabatan Perkhidmatan Bandar

Jabatan Perancangan

Lawatan ini adalah bagi memberi pendedahan kepada kakitangan majlis mengenai perkongsian dan pengalaman menjalankan proses pengkomposan sisa makanan yang dijalankan di kawasan gerai makanan (RNR Seremban).

Perintis Hijau Siri 01/2014

Tarikh Perlaksanaan	16 APRIL 2014
Kumpulan Sasaran	Melibatkan 47 buah sekolah rendah (188 murid darjah 4 @ 5)
Kumpulan Pelaksana	i. Jabatan Taman & Rekreasi MBSA ii. Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.

Program Perintis Hijau adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid sekolah rendah tentang tanggungjawab kepada alam sekitar, pokok-pokok dan kepentingan Taman Awam dalam usaha ke arah membentuk generasi yang prihatin terhadap alam sekitar. Penerapan nilai-nilai murni dalam menghargai alam sekitar dan kemahiran dalam penjagaan dan pembiakan pokok. Kesenian landskap, pembiakan pokok, pengenalpastian pokok-pokok merbahaya dan pengenalan kepada orkid serta kaedah yang betul dalam penjagaan pokok-pokok hiasan landskap.

MAJLIS PERASMIAN KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH TAHUN 2014

Tarikh Perlaksanaan	2 April 2014
Kumpulan Sasaran	Pelajar Sekolah sekitar Shah Alam
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	F&N Baverages & Marketing & Tetra Pak

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd menganjurkan Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Tahun 2014

buat kali kelapan berturut-turut. Inisiatif berterusan pihak Majlis ini untuk mendidik masyarakat khususnya golongan pelajar mengenai pentingnya amalan kitar semula dan menjaga persekitaran demi manafaat generasi akan datang.

Program Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah ini telah diberi sokongan dan galakkan sepenuhnya daripada agensi-agensi kerajaan dan badan korporat yang mendukung amalan kitar semula ini seperti Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Pejabat Daerah Petaling Perdana, Pejabat Daerah Petaling Utama, Pejabat Daerah Klang,Pejabat Daerah Gombak, Syarikat Karangkraf Network Sdn. Bhd., Syarikat Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd., dan Syarikat Network Foods Malaysia Sdn. Bhd.

Pertandingan kitar semula ini menawarkan jumlah keseluruhan wang tunai sebanyak RM17,250. Hadiah bagi kategori sekolah rendah dan menengah tempat pertama akan menerima RM1,500 serta sijil penyertaan, tempat ke dua RM 1,300 serta sijil penyertaan, tempat ke tiga RM 1, 200 serta sijil penyertaan, ke empat RM 1,100 serta sijil penyertaan, ke lima RM 1,000 serta sijil penyertaan dan hadiah saguhati bagi tempat ke enam hingga sepuluh akan menerima RM200 berserta sijil penyertaan. Manakala bagi kategori tadika pula akan memenangi RM300 bagi tempat pertama, RM 200 tempat kedua, RM100 tempat ketiga dan tempat keempat hingga sepuluh pula akan memenangi hadiah wang tunai RM50 beserta hamper.

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHAS SERENTAK & SEPADU ADVOKASI DENGGI SHAH ALAM 2014

Tarikh Perlaksanaan	13 April 2014
Kumpulan Sasaran	Penduduk Shah Alam
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	Kakitangan MBSA Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Berikutan peningkatan kes demam denggi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), pihak MBSA akan mengadakan Program Gerakan Advokasi Denggi pada 20 April 2014.

Program ini merupakan gerakan kesedaran awam atau advokasi/nasihat secara besar-besaran (massive) untuk mendidik masyarakat tentang bahaya demam denggi dan langkah-langkah pencegahan untuk menangai masalah ini melalui Program Serentak dan Sepadu – Gerak Advokasi Denggi Shah Alam.

Sehubungan dengan itu, pihak MBSA telah mengadakan taklimat dan penerangan persediaan diberikan kepada pemimpin masyarakat, Ahli Majlis, wakil penduduk, sukarelawan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) seperti pelajar dari Universiti Teknologi MARA, Universiti Industri Selangor (UNISEL), Kolej Komuniti Shah Alam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Sahabat Alam Sekitar (SAS), agensi kerajaan seperti Jabatan Kesihatan Negeri serta warga kerja MBSA.

Taklimat ini berkaitan pelaksanaan program Gerak Advokasi Denggi yang akan dilaksanakan bertujuan memantapkan pemahaman dan mengetahui dengan lebih jelas berkenaan modus operandi program ini. Pembahagian kumpulan kecil mengikut Zon-Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam akan bergerak dari rumah ke rumah dengan pengenalan diri iaitu T-Shirt berwarna hitam dan 'button badge' yang tertera perkataan "Gerak Advokasi Denggi Shah Alam".

SHAH ALAM TREES FOR LIFE

Tarikh Perlaksanaan	19 April 2014 23 Ogos 2014 11 Oktober 2014 13 Disember 2014
Kumpulan Sasaran	Pelajar Sekolah Pelajar IPTA/IPTS Penduduk Shah Alam
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	Jabatan Taman & Rekreasi Malaysia Nature Society Eco Warriors Sathiya Sai Baba

Program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life 2014' yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merupakan program penghijauan bandar yang dijalankan bersama para sukarelawan dan pencinta alam sekitar.

Program yang mendapat sambutan di kalangan badan korporat, badan bukan kerajaan, sekolah, Institut Pengajian Tinggi dan agensi kerajaan yang lain ini disertai peserta sukarelawan daripada ECO Warriors, University of Nottingham, Politeknik Shah Alam, Lebar Daun Development Sdn. Bhd., dan UMW Toyota Motor Sdn. Bhd.

Tujuan program penanaman pokok ini dilaksanakan adalah bagi memberikan wajah baru dengan konsep teduhan hijau pada kawasan persekitaran tersebut.

Jabatan Perancangan

KATEGORI POKOK	JENIS POKOK	BILANGAN
Pokok teduhan besar	Tecoma (Yellow bells)	237
	Mahogany	180
	Lagerstroemia floribunda (Bungor)	12
Pokok teduhan kecil	Maniltoa lenticellata	100
Pokok buah	Mangga indica (Mangga Harumanis)	300
	Mangifera odorata (Kuini)	100
	Phyllanthus acidus (Cermai)	100
	Averrhoa bilimbi (Belimbing buloh)	100
	Euphoria malaiense (Mata kucing)	100
	Phyllanthus emblica (Melaka)	100
	Lauraceae (Avocado)	100
	Diospyros blancoi (Mentega)	100
	Psidium guajava (Jambu batu)	100
	Nephelium lappaceum l (Rambutan gula batu)	50
JUMLAH		**1679**

BENGKEL PEMANTAPAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

Tarikh Perlaksanaan	22 - 23 April 2014
Kumpulan Sasaran	Pegawai MBSA
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	Jabatan Perancangan MBSA DBKL

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada hari ini, mengadakan Bengkel Pemantapan Bandar Selamat untuk mendapatkan maklum balas dari pelbagai pihak bagi Penyediaan Garis Panduan yang lengkap berkaitan Garis Panduan Khas Pembangunan akan datang yang lebih komprehensif.

Penyediaan kemudahan awam yang mesra golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan antara komponen untuk menjadi sebuah bandar raya maju dan mampan. Oleh itu, kemudahan infrastruktur awam untuk golongan OKU ini perlu di pertingkatkan pada setiap masa bagi memastikan kebajikan golongan OKU ini mendapat pembelaan.

Justeru, Bengkel yang diadakan selama 2 hari ini pada 22 dan 23 April 2014 bertujuan untuk memperkasakan kemudahan dan infrastruktur awam agar elemen-elemen keselamatan dan juga kemudahan untuk golongan OKU ini dapat dipertingkatkan. Perincian bengkel ini akan membincangkan 3 dasar utama Program Bandar Selamat melalui sesi 'Hands-On' Audit iaitu pelaksanaan 'Crime Prevention Through Environmental Design' (CPTED), Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Keselamatan Tempat Letak Kereta (TLK).

Sesi percambahan minda atau 'brainstorming' yang diadakan sepanjang bengkel 2 hari ini diharapkan dapat mencedok idea-idea baru dan perkongsian pengetahuan bersama ahli-ahli panel yang berpengalaman, wakil-wakil agensi dan para peserta untuk menambahbaik keperluan untuk golongan OKU dan isu-isu yang berkaitan. Antara ahli-ahli panel yang akan memberikan taklimat adalah:-

AHLI PANEL	TAJUK PEMBENTANGAN
Puan Siow Suan Neo, Ketua Unit Khas Nkra Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	'Crime Prevention Through Environmental Design' (CPTED)
Encik Suhaimi Bin Salleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dasar Dan Kemajuan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,	'Car Park Safety & Security Audit'
Puan Hajjah Dalilah Bee Bt. Abdullah dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Perkongsian Dalam Penyediaan Kemudahan Oku di Kawasan PBT

Melalui bengkel ini, diharapkan dapat membantu MBSA untuk menghasilkan garis panduan yang boleh dijadikan panduan untuk penyediaan kemudahan golongan OKU serta menambahbaik pengisian program bandar selamat di kawasan pentadbiran MBSA.

Majlis Perasmian Bengkel ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Jaafar b. Mohd Atan, Datuk Bandar Shah Alam. Bengkel ini diadakan di Dewan Bankuet MBSA dan disertai seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Imigresen Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri serta warga kerja MBSA.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM LAMAN SENI SEKSYEN 7 SHAH ALAM

Tarikh Perlaksanaan	22 Jun 2014
Kumpulan Sasaran	Penduduk Shah Alam
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti KZNH Studio

Program Pengindahan Lorong Belakang merupakan inisiatif pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk mengubah suasana lorong belakang khususnya di kawasan komersial menjadi kawasan yang selamat, bersih, indah dan boleh dilawati oleh pengunjung dan serta dijadikan lokasi penganjuran sebarang aktiviti yang bermanfaat.

Sehubungan itu, MBSA telah memilih lorong belakang kawasan komersial Jalan Plumbum Q7/Q, Seksyen 7, Shah Alam untuk dijadikan Laman Seni 7 Shah Alam melalui aktiviti lukisan mural serta aktiviti seni yang lain seperti persembahan muzik jalanan (basking), jualan kraftangan dan sebagainya.

Lukisan mural ini dipilih melalui Pertandingan Laman Seni 7 Shah Alam yang mempertandingkan 4 jenis kategori iaitu '3D Painting', '3D Installation', 'Street Furniture' dan 'Painting On Site'. 10 penyertaan terbaik dari setiap kategori dipilih ke peringkat akhir untuk dinilai dan diberi kebenaran untuk melaksanakan projek lukisan mural di Laman Seni 7 Shah Alam. Konsep lukisan mural ini bertemakan komuniti Shah Alam atau 'Shah Alam community', tarikan pelancongan atau 'tourist attraction' dan berkonsepkan kehijauan atau 'green concept'.

Kewujudan Laman Seni 7 Shah Alam ini diharapkan dapat mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap kawasan lorong belakang yang tidak terurus kepada persepsi positif bahawa lorong belakang ini boleh berubah menjadi pusat tumpuan pelancongan, menggalakkan aktiviti seni dan budaya serta menyerlahkan bakat dan kreativiti orang ramai khususnya generasi muda melalui lukisan mural. Laman Seni 7 ini juga dijangka dapat menarik tumpuan pengunjung dalam dan luar negara serta menjadi produk pelancongan baru di bandar raya Shah Alam.

KEMPEN BALIK KAMPUNG – PEMBERIAN TOPI KELEDAR PERCUMA

Tarikh Perlaksanaan	22 Julai 2014
Kumpulan Sasaran	Penduduk Shah Alam
Kumpulan Pelaksana / Anjuran Bersama	i. Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti ii. Sirim iii. PDRM

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meneruskan Kempen Selamat Balik Kampung untuk kali ke 4 dengan memberi topi keledar (helmet) secara percuma kepada penunggang motorsikal khususnya di sekitar Shah Alam. Pada tahun ini Kempen Selamat Balik Kampung akan diadakan di kawasan Paya Jaras (berhadapan Sekolah Vokasional), Sungai Buloh Seksyen U20, Shah Alam bermula jam 11.00 pagi pada 22 Julai 2014. Kempen ini telah dilaksanakan sejak tahun 2010.

Sebanyak 300 unit topi keledar dewasa serta 20 unit topi keledar kanak-kanak sumbangan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. akan diberikan kepada orang ramai secara percuma. Topi keledar yang disediakan ini menepati ciri-ciri keselamatan yang telah diluluskan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Kempen ini diadakan bagi menggalakkan orang ramai yang ingin pulang ke kampung pada musim perayaan agar mementingkan keselamatan jalan raya terutamanya kepada penunggang motorsikal yang sering menjadi mangsa kemalangan khususnya semasa tiba musim perayaan. Selain itu, program ini juga bertujuan mendidik pengguna jalan raya khususnya motorsikal untuk menunggang dengan cara berhemah dan cermat sepanjang perjalanan pulang ke kampung halaman.

2.14 NKRA : Pelaksanaan Program Bandar Selamat

i. Penyelarasan Program CCTV Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri Selangor

ii. Mengemaskini Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)

- Mengenalpasti projek 5 Langkah Segera PBS tahun 2015 melalui data jenayah, mengemaskini data projek 5 Langkah Segera PBS dan CCTV

iii. Sesi Pengendalian dan Pembelajaran Bilik Kawalan CCTV

iv. Program Keselamatan
- Amanita
- Komuniti Bersama Penduduk

v. Kempen Pencegahan Jenayah
- Program Penyerahan Topi Keledar – 22.7.2014
- Program Gotong-royong Whitening Blackspot Padang Jawa – 6.12.2014
- Community Policing - 8.11.2014
- Program Bandar Selamat Sg.Buloh - 20.11.2014
- Program Whitening Blackspot Taman Sri Muda – 14.12.2014

vi. Penyelarasan Projek Pembangunan Di Bawah Pelan Tindakan Program Bandar Selamat Dan Bebas Halangan.
- Pemasangan Laluan Pejalan Kaki & Rel Penghadang.

Pemasangan Cermin Keselamatan

Pemasangan Papantanda Keselamatan

Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci

Penyediaan Tempat Letak Kereta OKU

- Menaiktaraf Pencahayaan Lorong belakang
- Menaiktaraf Kawasan Kemalangan Tertinggi (Hump/ Speed Breaker/Penghadang)
- Penambahbaikan Laluan Pejalan Kaki Pusat Bandar
- Penambahbaikan Lorong Belakang

2.15 Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet)

Petunjuk Bandar Mampan Shah Alam (MURNInet) 2014 : Program Di Bawah Jabatan Perancang Bandar & Desa Semenanjung Malaysia (36 indikator). Pelaporan Pelaksanaan lengkap dihantar ke JPBD Semenanjung Malaysia pada 5.12.2014 dan diisytihar Bandar Termampan di Malaysia dengan markah 97%.

2.16 Pelaksanaan NKRA Mengurangkan Jenayah : Program Bandar Selamat Shah Alam

i. Bengkel Pemantapan Program Bandar Selamat Shah Alam Bengkel telah selesai dijalankan pada 22 dan 23 April 2014 yang diadakan di Bankuet, MBSA

ii. Audit :
- Kejiranan

Sebanyak 6 lokasi bagi pengauditan kejiranan adalah seperti berikut:

1. Tempat Letak Kereta berhadapan Giant (seksyen 7), Jalan Plumbum Y 7/Y
2. Kawasan Lapang / Rekreasi Taman Perumahan, Seksyen 7
3. Jalan Kristal 7/84, Perhentian Bas di hadapan Jakel
4. Jalan Plumbum R 7/R, Seksyen 7,
5. Perhentian Bas di hadapan Sekolah Kebangsaan, Jalan Plumbum 7/99, Seksyen 7
6. Perhentian Bas Depan Jakel, Jalan Persiaran Permai dan Persiaran Kayangan.

- Tempat Letak Kereta (TLK)

17 lokasi telah diaudit pada 15 hingga 18 Disember 2014. Anatara lokasi yang terlibat adalah:

1. Bangunan Wisma MBSA
2. Bangunan Maybank
3. Bangunan Kompleks PKNS.
4. TLK Jalan Plumbum T 7/T
5. I-City Shah Alam
6. TESCO Shah Alam
7. TESCO EXTRA Shah Alam
8. Plaza Alam Sentral
9. Pusat Perubatan DEMC
10. KPJ Selangor Specialist Hospital
11. AEON BIG (M) Sdn.Bhd
12. AEON BIG Bukit Rimau
13. Hospital Columbia Asia
14. GIANT Kemuning Utama
15. SPACE U8
16. TESCO Setia Alam
17. Kompleks Hiong Kong Sg.Buloh (THE STORE)

iii. Sesi Latihan Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta (TLK) Sesi Latihan melibatkan kerjasama PEMANDU & KPKT melalui :

- Bengkel Audit TLK – 22&23.4.2014
- Bengkel Audit TLK Bersama Pengusaha Premis di Shah Alam– 20.11.2014
- Bengkel Bersama Kakitangan Dalaman MBSA – 4.12.2014

iv. Program Blackspot 2014 Shah Alam

- Padang Jawa, Seksyen 17
- Taman Sri Muda, Seksyen 25
- Kg.Baru Sg.Buloh, Seksyen U19
- Tindakan di tapak diselaraskan bersama Jabatan/ Agensi terlibat

2.17 Program NKRA : Pengangkutan Awam Bandar

Dalam memastikan keperluan pengangkutan awam Bandar ditambahbaik melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). MBSA antara PBT yang terpilih bagi menaiktaraf pelaksanaan projek seperti berikut:

- Penyelaras Projek 'Park n Ride' Stesen Komuter Seksyen 19 Shah Alam
  i. Pemantauan pelaksanaan projek
  ii. Penyediaan laporan kepada MOT
  iii. Penyelarasan operasi 'Park N Ride'
  - Projek ini telah siap sepenuhnya pada 17 September 2014. Walaubagaimanapun pihak Majlis telah memulakan operasi uji terima bermula pada 11 Ogos 2014.
- Penyelaras bagi Cadangan Pembangunan Hentian Akhir Bandar (HAB) di tapak Hentian Bas dan Teksi Seksyen 19
  i. Pemantauan pelaksanaan projek
  ii. Penyediaan laporan kepada MOT
  iii. Penyelarasan operasi hentian
  - Perlantikan kontraktor telah dibuat pada 30.5.2014 dan projek telah bermula pada 16.6.2014 hingga 16.2.2015 (8 bulan).

- Penyelaras bagi Cadangan Pembangunan Hentian Akhir Bandar (HAB) di tapak Terminal Bas dan Teksi Seksyen 17
  i. Penyelarasan pemindahan terminal sedia ada
  ii. Taklimat kepada pengusaha sedia ada
  iii. Pemantauan pelaksanaan projek
  iv. Penyediaan laporan kepada MOT
  v. Penyelarasan operasi hentian
  - Perlantikan kontraktor telah dibuat pada 30.5.2014 dan projek akan bermula pada 16.6.2014 hingga 16.6.2015 (12 bulan).
  - Proses pemindahan telah dilaksanakan ke Terminal Sementara Seksyen 13 pada 15 Disember 2014.

- Penubuhan Jawatankuasa Pengangkutan Awam
  - Sistem MRT dan LRT dijangka disiapkan sepenuhnya pada Julai 2017 dan tiada jawatankuasa yang dipertanggungjawab untuk menyelaras / memantau oleh mana-mana pihak.
  - Mewujudkan Jawatankuasa Khas Pengangkutan Awam yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar / Timbalan Datuk Bandar (bersidang 4 kali setahun)
  - Keahlian terdiri dari jabatan teknikal dalaman (MBSA), teknikal luaran serta Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
  - Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Khas Pengangkutan Awam Shah Alam telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat pada 19 Disember 2014 dan Mesyuarat Majlis pada 24hb Disember 2014. Jawatankuasa akan mula bersidang pada Februari 2015

2.18 Penyediaan Maklumat Am

Dalam memastikan pembangunan di Shah Alam seiring maju dengan Bandar-bandar lain di Malaysia, Majlis telah merangka penyediaan maklumat am berhubung perancangan di Shah Alam melalui;

i. Percetakan Buku dan Peta Panduan Jalan
   ii. Dasar-dasar berkaitan Hal Tanah
   iii. Dasar-dasar Pembangunan Shah Alam & Selangor
   iv. Iventori TLK Shah Alam bagi 54 Pengusaha Premis
   v. Iventori Kebuk Sampah

2.19 Penganjuran Bengkel / Seminar/ Ceramah

i. Tahlil Jabatan

Selain memastikan kakitangan Jabatan melaksanakan tugasan dalam pekerjaan seharian, Jabatan juga tidak ketinggalan dalam aktiviti kerohanian. Program ini telah diadakan 1 bulan dua kali pada setiap tahun.

2.20 Penyertaan Dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor Di Peringkat Jabatan dan Negeri

Jabatan telah menyertai Anugerah Inovasi di Peringkat Jabatan pada 28 Mac 2014. Pada peringkat jabatan, Kumpulan Qhalif mendapat johan bagi anugerah inovasi tersebut dan layak menyertai Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor pada peringkat negeri yang diadakan pada 25 dan 26 Jun 2014.

Nama kumpulan jabatan ialah 'Qhalif' dan tajuk projek ialah Dokumen Setara Kebenaran Merancang Perubahan Material Penggunaan Bangunan Daripada Rumah Kediaman Kepada Perniagaan (Tadika/Taska/Pusat Jagaan) (DOSKMEP).

Johan Bagi Anugerah Inovasi Di Peringkat Jabatan Pada 28 Mac 2014 Di Bilik Latihan Cattleya

Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor Di Peringkat Negeri Pada 25 Dan 26 Jun 2014 Di Suk

Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan

1.0 PROFIL

Jabatan Pengrusan Hasil Dan Pelaburan diterajui oleh En. KhairulNizam bin Zainal Anidin, Pengarah Jabatan dengan kekuatan kakitangan seramai 41 orang. Jabatan ini terdiri daripada dua bahagian utama dan unit pentadbiran iaitu:-

BAHAGIAN / UNIT	JUMLAH KAKITANGAN
Unit Pentadbiran Hasil Cukai	3 orang (termasuk Pangarah)
Bahagian Hasil Cukai	25 orang
Bahagian Hasil Bukan Cukai	14 orang
JUMLAH	**42 orang**

1.1 FUNGSI

i. Menguruskan kutipan Cukai Taksiran.

ii. Menguruskan Tempat Letak Kereta Awam Berbayar

iii. Menjadi urusetia aktiviti Pelaburan (IPMC)

1.2 BAHAGIAN HASIL CUKAI

Sasaran kutipan Cukai Taksiran yang ditetapkan oleh Majlis ialah 95% Cukai Semasa dan 75% Tunggakan. Jumlah Cukai Taksiran yang dibikan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM231,154,815.35 untuk cukai semasa melibatkan 212,097 pegangan dan RM23,937,512.02 untuk tunggakan cukai taksiran. Pencapaian kutipan Jabatan sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-

PERKARA	JUMLAH KUTIPAN	PERATUS KUTIPAN
Cukai Semasa	RM218,359,034.52	94.46%
Tunggakan Cukai Taksiran	RM15,204,974.10	63.52%

1.3 BAHAGIAN HASIL BUKAN CUKAI

Pengurusan Tempat Letak Kereta Awam Berbayar pula melibatkan 34,042 petak letak kereta yang telah disewakan kepada pihak konsesi dengan pulangan setahun 2014 sebanyak RM5,078,486.57. Selain sewaan konsesi Jabatan juga menguruskan petak letak kereta khas yang kini terdapat 266 penyewa seluruh Shah Alam dengan hasil setahun 2014 sebanyak RM864,964.00.

Laporan Hasil Cukai Taksiran Dari Tahun 2008 - 2014

TAHUN	JUMLAH PEGANGAN PADA 1 JUL	JUMLAH CUKAI SEMASA	JUMLAH KUTIPAN	% KUTIPAN	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	JUMLAH KUTIPAN	JUMLAH KUTIPAN
2008	158,075	RM145,926,888.10	RM130,571,068.42	88.91%	RM26,924,839.59	RM14,543,433.98	54.01%
2009	167,183	RM148,189,837.30	RM130,317,205.27	87.94%	RM29,300,565.87	RM13,824,317.96	47.20%
2010	171,158	RM161,914,215.36	RM139,350,195.31	82.48%	RM33,348,879.94	RM16,886,533.16	50.64%
2011	182,348	RM163,404,908.93	RM154,752,196.07	94.70%	RM31,494,989.52	RM20,269,358.35	64.36%
2012	192,360	RM186,991,309.89	RM174,838,342.70	93.50%	RM29,019,842.75	RM21,026,276.70	72.45%
2013	201,859	RM214,578,482.90	RM199,876,901.00	93.15%	RM20,146,533.24	RM14,283,301.59	70.90%
2014	212,097	RM231,154,815.35	RM218,359,034.52	94.46%	RM23,937,512.02	RM15,204,974.10	63.52%

Pencapaian Kutipan Cukai Taksiran Sehingga 31 Disember 2014

JUMLAH CUKAI TAKSIRAN 2014:	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA 94.46% (RM218,359,034.52)
JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN 2014: RM23,937,512.02	KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN 63.52% (RM15,204,974.10)

Perbandingan Kutipan Cukai Taksiran Semasa 2010 Sehingga 2014



Perbandingan Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Semasa 2010 Sehingga 2014



1.4 INISAITIF MENINGKATKAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA DAN TUNGGAKAN

Jawatankuasa Cukai Taksiran (Pencapaian sehingga 31 Disember 2014)

BULAN	BIL KES	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN	JUMALH TELAH BAYAR (RM)
1	0	00	00
2	0	00	00
3	108	RM186,145.84	RM199,067.93
4	6	RM18,242.35	RM18,303.85
5	38	RM356,063.75	RM359,116.90
6	7	RM13,792.40	RM13,542.25
7	23	RM146,355.65	RM148,866.65
8	6	RM24,851.00	RM11,855.80
9	8	RM27,049.90	RM27,418.80
10	26	RM222,552.51	RM221,681.21
11	15	RM20,885.25	RM21,543.45
12	13	RM109,348.95	RM111,939.65
JUMLAH	**250**	**RM1,125,287.60**	**RM1,133,341.49**

1.5 INSENTIF BAYARAN SETAHUN CUKAI TAKSIRAN 2014

Insentif ini diberikan kepada pemilik pegangan yang membuat bayaran setahun Cukai Taksiran 2014 pada penggal pertama. Jumlah minimum bayaran setahun yang melayakkan pemilik menerima insentif ini adalah RM100.00 untuk satu akaun.

Bayaran lebihan yang diterima sehingga 30 Jun 2014 sebanyak RM9,282,097.99 dengan jumlah akaun sebanyak 29,353 akaun.

1.6 KEMPEN BAYAR & MENANG CUKAI TAKSIRAN 2014

Program ini diadakan bertujuan untuk menghargai pembayar-pembayar cukai taksiran yang setia melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menjelaskan cukai taksiran setiap tahun. Pelbagai bentuk hadiah yang menarik telah disediakan sejak program ini diperkenalkan. Untuk tahun 2014 Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM214,500.00 bagi menyediakan 66 hadiah yang diberikan melalui cabutan bertuah. Hadiah Utama merupakan sebuah Perodua Myvi 1.3 SE dan Proton Saga SV 1.3 CVT.

1.7 SMS PERINGKATAN MESRA

Inisiatif ini diambil bagi mengingatkan pembayar-pembayar Cukai Taksiran supaya menjelaskan bayaran dan mengelakkan tunggakan.

Selain daripada panggilan telefon sebanyak 143,163 SMS telah dihantar kepada pemilik-pemilik harta yang masih mempunyai tunggakan sehingga tahun 2014.

Pemilihan akaun adalah berdasarkan rekod daripada Sistem SAIIS Cukai Taksiran MBSA. Senarai pemilik akaun ditapis daripada akaun tertunggak tertinggi kepada terendah.

Ramai pemilik yang memberi maklumbalas setelah menerima kiriman SMS ini. Sedikit sebanyak ianya turut membantu mengurangkan jumlah tunggakan Cukai Taksiran dan mengemaskini maklumat peribadi pemilik harta.

1.8 OPERASI SITAAN

Setelah beberapa jenis notis peringatan serta waran tahanan dikeluarkan, tindakan sitaan barangan mudah alih turut dijalankan mengikut keutamaan kes-kes yang mempunyai tunggakan yang tinggi.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 29 premis telah diambil tindakan sitaan barangan mudah alih kerana gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran sepertimana yang dituntut oleh Majlis.

1.9 NOTIS PERINGATAN SECARA BERKALA SEPANJANG TAHUN 2014

NOTIS BORANG E	118,189 NOTIS
NOTIS PEMBERITAHUAN TINDAKAN WARAN TAHANAN	87,212 NOTIS
NOTIS PEMBERITAHUAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG	52,096 NOTIS
NOTIS PERINGATAN TUNGGAKAN KURANG RM 100	16,108 NOTIS
JUMLAH NOTIS TAHUN 2014	273,605 NOTIS

1.10 PENGGUNAAN SISTEM BAHARU PENGELUARAN WARAN TAHANAN CUKAI TAKSIRAN

1.11 PENGGUNAAN VAN MAJLIS YANG DIPASANG PELEKAT AMARAN

3 buah van berserta sticker berbentuk amaran untuk tindakan sitaan cukai taksiran

Pemasangan pelekat sebegini mampu memberi impak dari segi psikologi kepada orang ramai bahawa tindakan penguatkuasaan sitaan cukai taksiran sedang dijalankan.

Majlis telah meluluskan tiga buah van untuk kegunaan Jabatan ini untuk dipasang pelekat berkenaan.



Majlis Bandaraya Shah Alam telah menguruskan sebanyak 34,042 petak yang disewakan kepada konsesi dengan kadar RM 15.28 sepetak/sebulan. Kutipan sewaan petak yang telah diperolehi bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM3,895,987.19.

1.12 KUTIPAN KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA SUASA EFEKTIF (M) SDN BHD

Berdasarkan perjanjian tambahan kedua bersama pihak konsesi, penguatkuasaan tempat letak kereta di kawasan komersil dibuat oleh penguatkuasa wanita di bawah pengurusan pihak konsesi. Bagi 2014, sebanyak 332,521 kompaun telah dikeluarkan dan sebanyak RM3,049,723.00 (184,165 kompaun) telah dikutip manakala, RM 33,015,199.00 (330,475 kompaun).

JENIS KOMPAUN	KUTIPAN BERSIH 2014 (RM)
Letak kereta di bahu jalan	4028.00
Letak kereta menyalahi arah lalulintas	70.00
Letak kereta tanpa tiket bayar dan peraga	3386.00
Letak kereta melebihi tempoh	8205.00
Gagal pamer tiket bayar dan peraga yang sah	35,452.00
Menghalang tempat letak kereta	520.00
Tiket letak kereta tidak diperaga	460.00
Letak motor dalam petak letak kereta	130.00
Perintah pengangkutan jalan MBSA 2007	2,097,242.83
Letak kereta tanpa tiket bayar dan peraga	10
JUMLAH BESAR (RM)	**2,149,503.83**

1.13 TEMPAT LETAK KERETA YANG DISEWAKAN KEPADA SUASA EFEKTIF (M) SDN BHD

I-BLACKLIST

Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan

1.14 TEMPAT LETAK KERETA STESEN KOMUTER SEKSYEN 19 (P19)

MBSA menguruskan tempat letak kereta tertutup di Stesen Komuter Seksyen 19, Shah Alam bermula 11 Ogos 2014 dengan jumlah petak sebanyak 559 petak. Pengurusan tempat letak kereta adalah menggunakan sistem 'Closed Parking'. Untuk memastikan penggunaan yang lebih sistematik, caj yang dikenakan adalah mengikut bayaran progresif iaitu:

Tempat letak kereta Stesen Komuter Seksyen 19 beroperasi bermula pada jam 5.30 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari.

Pencapaian hasil yang dikutip dari 11 Ogos hingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM 228,597.00.

Banyak kemudahan yang disediakan seperti tempat letak kereta OKU dan wanita. Laluan pejalan kaki berbumbung disediakan untuk keselesaan pengguna. Kemudahan buggy juga ditawarkan kepada pelanggan yang meletakkan kereta jauh dari pintu masuk dan keluar. Kemudahan bayaran melalui Touch 'n' Go juga diadakan untuk alternatif bayaran caj tempat letak kereta.

KADAR/CAJ YANG DIKENAKAN	MASA/TEMPOH LETAK KENDERAAN
KERETA	
PERCUMA	15 minit pertama
RM1.00	45 minit berikutan
RM4.00	sekali masuk bagi tempoh 12 jam pertam
RM2.00	setiap jam berikutannya (selepas 12 jam pertama)
RM25.00	Maksima 24 jam
RM80.00	Pas bulanan
RM30.00	Caj denda kehilangan tiket
MOTOSIKAL	
RM1.00	Sekali masuk

1.5 OPERASI PECAH TANJAKAN (RAMP)

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 20 operasi telah dilaksanakan terhadap premis yang membina tanjakan (ramp) tanpa kebenaran. Antara premis yang telah diambil tindakan adalah seperti bengkel kereta, premis jualan kereta dan kedai motosikal.

Majlis telah menetapkan 18 kategori perniagaan yang boleh memohon sewaan petak letak kereta khas untuk tujuan perniagaan seperti kedai membaiki/ menjual aksesori kereta/motosikal, kedai menjual perabot, klinik, ruang pameran kereta/motosikal, pasar raya/kedai runcit yang memerlukan ruang pemunggahan.

Sehingga 31 Disember 2014 sebanyak 266 premis telah menyewa petak khas dengan jumlah sewaan petak khas keseluruhan sebanyak 547 petak. Hasil kutipan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 864,964.00.

1.16 PENCAPAIAN JABATAN 2014

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan kali ke-31	Pencapaian ketua setiausaha negara (Negeri - pengurusan)

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Selangor kali ke-27	JOHAN (Pengurusan)

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2014 Piala Datuk Bandar	JOHAN
Anugerah Inovasi 2014 Peringkat MBSA	Tempat ke-5

Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 PROFIL

Jabatan Khidmat Pengurusan merupakan jabatan yang menguruskan hal ehwal pentadbiran Majlis, menguruskan perolehan dan bekalan Majlis, menguruskan hal ehwal perjawatan, perkhidmatan, tatatertib dan kebajikan kakitangan serta menguruskan program-program latihan dan kualiti Majlis. Seramai 75 orang pegawai dan kakitangan yang menjadi tunjang kepada jabatan ini dan terdiri daripada lima bahagian iaitu:

a) Bahagian Pentadbiran Am
b) Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset
c) Bahagian Sumber Manusia & Latihan Dan Kualiti
d) Unit Integriti
e) Unit Pengurusan Bangunan

Fungsi Jabatan Khidmat Pengurusan ialah :

a) Menguruskan Pentadbiran Jabatan-Jabatan MBSA
b) Mengendalikan Pengurusan Tenaga Manusia
c) Meningkatkan Pen gurusan Kualiti Dan Produktiviti MBSA
d) Urusan Pembangunan Organisasi Dan Penyelidikan
e) Menguruskan Perolehan, Bekalan Dan Stok
f) Memastikan Tadbir Urus Terbaik Dan Pelaksanaan Integriti Dalam Organisasi.
g) Memastikan Pematuhan Undang-undang Oleh Setiap Kakitangan
h) Menguruskan Tempat Letak Kereta Wisma termasuk sewaan TLK
i) Menyelaras Program, Peralatan dan Aspek Keselamatan Bangunan.

1.1 VISI DAN MISI ORGANISASI

MBSA telah melaksanakan program Penjenamaan Semula. Yang Berbahagia Datuk Bandar telah menggerakkan proses penjenamaan semula MBSA dengan memberi tanggungjawab kepada Timbalan Datuk Bandar untuk membentuk Pasukan Petugas yang diselaraskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Bengkel Penjenamaan Semula Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dilaksanakan dengan tujuan untuk memperkasa Tadbir Urus Baik yang profesional dengan matlamat meningkatkan kualiti hidup pihak-pihak yang berkepentingan atau 'stakeholders' disamping mengambil kira kepentingan generasi akan datang. Penjenamaan semula ini juga bertujuan memberi panduan kepada kakitangan mengenai tuju arah dan strategi pihak pengurusan bagi memastikan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan kepentingan Kerajaan Negeri, Persekutuan & Pelanggan.

Program penjenamaan semula ini telah dilaksanakan melalui beberapa sesi bengkel serta percambahan fikiran. Terdapat 4 peringkat aktiviti penjenamaan semula ini:

1. Pengurusan (Dasar; Visi; Misi dan Objektif);
2. Piagam Pelanggan (Dasar Q, Etika MBSA, Dasar Sistem Amalan 5S);
3. Sistem Operasi Kerja (SOP);
4. Penjenamaan Fizikal

Proses penjenamaan semula MBSA telah bermula pada 5 April 2011 dan telah dilancarkan secara rasmi pada 12 Oktober 2011 oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dokumen penting seperti Manual Kualiti, Manual Prosedur Kerja (MPK), Laporan Prestasi Kewangan, Laporan Pencapaian Prestasi Jabatan & Bahagian dan Maklumbalas Pelanggan digunakan sebagai input dalam meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan visi & misi.

2.1.1 Visi Organisasi

VISI
Menjadikan Shah Alam bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul

2.1.2 Misi Organisasi

MISI
Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektik, kompeten, dinamis dan terus cemerlang

Seperti Visi, Misi MBSA juga disampaikan secara berterusan kepada seluruh organisasi melalui pelbagai mekanisma seperti dalam laporan tahunan MBSA, mesyuarat jabatan, buku diari tahunan, pelan strategik, dan notis yang dipaparkan di lokasi yang strategik dalam organisasi seperti di kaunter-kaunter Jabatan, sudut-sudut 5S dan di Kaunter Utama MBSA di aras G, Wisma MBSA. Selain itu, misi juga disebarkan melalui laman sesawang MBSA dan dikomunikasikan bersama warga kerja MBSA semasa perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar.

1.2 DASAR ORGANISASI TERMASUK DASAR KUALITI

DASAR MBSA
Khidmat Terbaik

DASAR KUALITI MBSA
Komitmen kami adalah memastikan perkhidmatan memenuhi kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan organisasi yang berterusan

Dasar MBSA dan Dasar Kualiti MBSA disampaikan secara berterusan kepada seluruh organisasi melalui pernyataan di dalam Manual Kualiti dan Manual Proses Kerja (MPK). Selain itu, ia juga disebarkan melalui laman sesawang MBSA dan dikomunikasikan bersama warga kerja MBSA semasa perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar.

Objektif MBSA adalah seperti berikut:

1. Perkhidmatan perbandaran yang efisien;
2. Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandaraya yang bersih, indah, ceria dan selamat
3. Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur / peniaga dalam dan luar negeri;

4. Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten;
5. Mewujudkan bandar raya sejahtera;
6. Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal;
7. Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk keselesaan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan;
8. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan;
9. Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan;
10. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi OKU dan warga emas;
11. Tadbir urus yang cekap, berintegriti & berhemah;
12. Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
13. Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
14. Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.

1.3 NILAI TERAS

Nilai-nilai Teras MBSA telah diwujudkan sejajar dengan program penjenamaan semula. Nilai-nilai teras ini adalah sebahagian dari Kod Etika MBSA dan diwujudkan sebagai satu daya usaha pengurusan untuk memantapkan keutuhan pengurusan penjawat-penjawat awam dalam pentadbiran MBSA. Nilai-nilai teras adalah himpunan nilai-nilai universal yang baik dan terpuji yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga MBSA.

Kod Etika Penjawat Awam ini telah diedarkan kepada semua warga kerja MBSA. Setiap warga kerja dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandung Kod Etika Penjawat Awam dan seterusnya mengisi Surat Pengakuan Mematuhi Akuan Kod Etika Kerja Majlis Bandaraya Shah Alam dan mengembalikannya kepada Y. Bhg. Datuk Bandar.

Nilai-Nilai Murni – Nilai Teras

1. **AMANAH**
   Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang–undang dan peraturan-peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.
2. **BIJAKSANA**
   Bertindak dengan penuh hemah dan rasional dengan menggunakan segala sumber yang ada ke arah pencapaian matlamat dan hasil yang berkualiti
3. **BENAR**
   Membuat pernyataan sama ada secara lisan atau penulisan berdasarkan apa yang didengar atau dilihat tanpa sebarang pengurangan atau penambahan fakta.
4. **TELUS**
   Penyampaian yang jelas dan terbuka tanpa berselindung melalui perbuatan (termasuk penulisan dan percakapan) kepada yang sepatutnya (hak)
5. **ADIL**
   Membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani tanpa pilih kasih dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
6. **BERSYUKUR**
   Sentiasa bersifat berterima kasih atas setiap nikmat dan pemberian yang diterima dengan menzahirkan melalui tindakan melaksanakan tugasan dengan penuh keazaman dan mencapai matlamat tanpa mengira masa, tempat & keadaan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PEJABAT

PROGRAM / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Menguruskan Pentadbiran Am Majlis	
Menguruskan surat-surat rasmi Majlis i) Surat Masuk ii) Surat keluar	 18,858 pucuk 65,650 pucuk
Perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar	7 kali
Pengurusan dan pengendalian telefon pejabat: i) Panggilan masuk ii) Panggilan keluar	 75,649 panggilan 17,370 panggilan
Menguruskan bayaran minyak 'Smartpay' untuk kenderaan Majlis - 38 keping kad minyak	 396 bil penyata
Menguruskan data penggunaan Touch N Go - 73 keping kad Touch n Go	105 kali tambah nilai
Menguruskan insuran-insuran Majlis: i) Premium Insuran Harta Benda (1hb Jan 2014 – 31 Dis 2014) ii) Premium Insuran Kenderaan (1hb Jan 2014 – 31 Dis 2014) iii) Cukai jalan	 RM439,143.03 RM337,703.00 277 buah
Menguruskan permohonan gunasama (pool) kenderaan rasmi Majlis untuk pegawai/Ikakitangan menghadiri mesyuarat, kursus, peperiksaan dan lawatan. 4 buah kenderaan pool. i) Dalam Selangor ii) Luar Selangor	 98 245
i) Menguruskan bil-bil telefon & multimedia Majlis ii) Menyelaras akaun Astro Majlis	1,116 bil penyata 7 akaun
Menyelaraskan penerimaan elaun telefon mudah alih pegawai dan kakitangan Majlis	Sepanjang tahun
Menguruskan Sistem Fail Dan Rekod Majlis i) Registri ii) Klasifikasi iii) Pelupusan	Sebanyak 143 fail telah dilupuskan daripada semua Jabatan di Jabatan Arkib Negara
Urusetia Bilik Fail Berpusat di Stadium Utama i) Pemindahan rekod tidak aktif	 2 kali setahun
Menyelaras maklum balas Dewan Negeri Selangor	3 kali setahun
Memproses permohonan berkaitan Enakmen Kebebasan Maklumat	1 permohonan daripada orang awam

Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Bandar

Bilik Fail Berpusat Di Stadium Utama Shah Alam Yang Menempatkan Dokumen Tidak Aktif

Lawatan ke Istana Kehakiman Untuk Mendapatkan Maklumat Mengenai Penyimpanan Dan Pemusnahan Rekod

2.2 BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

PROGRAM / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Perancangan pembelian alat keperluan Majlis i) - Pesanan Tempatan (LO) - Inden - Arahan Pembayaran (AP) ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pembelian	3070 4 kali
Pengurusan Stor Pejabat Sistem Pengurusan Stok (SPS) Permohonan melalui SPS : i) Mengurus Pengeluaran Stok ii) Menerima, memeriksa dan mengesahkan penerimaan barang iii) Kemaskini rekod daftar stok	1826
Pendaftaran Aset dan Inventori i) Rekod Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) ii) Rekod Daftar Inventori (KEW.PA-3) iii) Pembelian dalam kerja-kerja Tender/Sebutharga iv) Verifikasi Stok v) Hapuskira	798
Pemeriksaan ke atas harta dan inventori	1 kali
Pelupusan Aset Majlis: i) Perkakasan ii) Perabot iii) Kelengkapan pejabat iv) Harta Modal	500
Sistem Pendaftaran Pembekal/Pemborong Berpusat i) Pendaftaran Pembekal ii) Penilaian Prestasi Pembekal	510 1 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) i) Laporan Kew. PA 1 hingga Kew. PA 32 ii) Laporan Peruntukan dan Baki Peruntukan Aset iii) Laporan Kes Kehilangan Aset iv) Laporan Pengurusan Stor v) Laporan Pelupusan Aset	4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA) Pembentangan Laporan Pengurusan Stor dan Aset	4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasat i) Laporan Awal Kehilangan KEW.PA-28 ii) Surat Perlantikan KEW.PA-29 iii) Laporan Akhir Kehilangan KEW.PA-30 iv) Laporan Tindakan Tatatertib / Surcaj Kew.PA 32	2 kali
Penambahbaikan Sistem Rekod dan Penyimpanan Stok : i) Mengira baki stok secara manual ii) Penggunaan slip transaksi penerimaan & pengeluaran	4 kali 456

Pelupusan Aset Majlis

Jabatan Khidmat Pengurusan

2.3 BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

AKTIVITI	JUMLAH / PENCAPAIAN
Pengambilan Kakitangan (iklan/temuduga & pelantikan)	- Bagi tahun 2014 iklan secara luar/dalaman telah dikeluarkan sebanyak 7 kali. Iklan melibatkan 379 jawatan dan bilangan kekosongan untuk disi 343 kekosongan. - Temuduga telah dijalankan sebanyak 86 kali bermula bulan 3 Mac 2014 hingga 30 Disember 2014. - 26 kakitangan telah diuruskan pelantikan ke jawatan tetap dan 268 jawatan kontrak sepanjang bulan Januari 2014 hingga Disember 2014.
Urusan Kenaikan Pangkat/ Pemangkuan	Sepanjang tahun 2014 seramai 10 orang kakitangan telah diuruskan kenaikan pangkat. JENIS KENAIKAN PANGKAT / BILANGAN CALON TERLIBAT Kenaikan Pangkat: 10 Pemangkuan: 2 Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP): 13
Pelantikan semula kakitangan kontrak dan Pembayaran Ganjaran	- Seramai 194 orang kakitangan telah diuruskan pelantikan semula ke jawatan kontrak yang telah berakhir tahun 2014 dan diuruskan bayaran ganjaran bagi tempoh kontrak yang terlibat.
Pengesahan dalam Jawatan	- 14 orang kakitangan telah disahkan dalam jawatan sepanjang 2014.
Peperiksaan Perkhidmatan bagi Tujuan Pengesahan dalam Jawatan	- 77 orang permohonan yang diterima daripada kakitangan Majlis untuk menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam jawatan telah diuruskan sepanjang tahun 2014.
Perakuan ke Taraf Pekerja Berpencen/ Pemberian Opsyen Skim Pencen Atau KWSP/ Pendaftaran Ahli Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)	Sepanjang tahun 2014 sebanyak 14 perakuan ke taraf berpencen, pemberian Opsyen Pencen/ KWSP dan Pendaftaran Ahli KWAP telah diuruskan kepada kakitangan tetap yang telah memenuhi syarat pengesahan dalam jawatan dan telah genap tiga (3) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan tetap.
Urusan Tatatertib	Sepanjang tahun 2014 Lembaga Tatatertib telah bersidang sebanyak 4 kali dan 15 kes tatatertib telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga Tatatertib. Kesalahan Tatatertib / Jumlah Datang Lewat / Datang / Balik Tidak merakam kehadiran: 2 Kes Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti atau Kebenaran: 11 Kes Salahguna kuasa: 2 Kes **Jumlah: 15 Kes**
Urusan Penganugerahan Prestasi kepada kakitangan	- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 telah diadakan pada 29.05.2014 di Dewan Auditorium MBSA (108 orang penerima anugerah).
Anugerah Pengkhidmat Setia 25 Tahun/35 Tahun	Majlis penyampaian Anugerah Pengkhidmat Setia 25 tahun / 35 tahun kepada kakitangan yang telah genap berkhidmat selama 25 tahun / 35 tahun dengan Majlis telah diadakan dalam Majlis Perhimpunan Bersama Datuk Bandar. Bilangan kakitangan yang menerima anugerah seperti berikut: - Anugerah Pengkhidmat Setia 25 / 35 tahun : 9 orang
Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	MSepanjang tahun 2013 mesyuarat Majlis Bersama Jabatan(MBJ) telah diadakan 4 kali tarikh-tarikh berikut:- i. 11.03.2014 ii. 09.05.2014 iii. 29.09.2014 iv. 30.12.2014
Urusan Persaraan Kakitangan	Sepanjang tahun 2014 urusan persaraan yang telah diuruskan ialah seperti berikut:- JENIS PERSARAAN DIURUSKAN / BILANGAN KAKITANGAN TERLIBAT Persaraan Wajib 55/56 tahun: 10 orang Persaraan pilihan sendiri (optional): 6 orang Persaraan atas sebab kematian dalam perkhidmatan (Pencen terbitan): 3 orang
Urusan menduduki Kuarters Kakitangan	Sepanjang tahun 2014, semua unit kuarters Majlis telah diduduki. - Pangsapuri Delima Bukit Jelutong, Seksyen U8 - Pangsapuri Caladenia, Seksyen 20 - Kuarters Pengarah Seksyen 8
Kemudahan pembiayaan membeli Kenderaan / Perumahan / Komputer	Sepanjang tahun 2014 urusan pembiayaan membeli kenderaan, komputer dan memanjangkan permohonan Pinjaman Perumahan kepada bahagian Pinjaman Permahan Kementerian Kewangan Malaysia ialah seperti berikut:- Jenis Pembiayaan / Bilangan Pinjaman Kenderaan MBSA: 14 Pinjaman Komputer MBSA: 13 Pinjaman Perumahan Kerajaan Persekutuan: 26
Tabung Majikan Prihatin Tabung ini dtubuhkan pada 1 Jun 2009 bagi menggantikan skim insurans kakitangan yang telah tamat pada 31 Mei 2009. Sebanyak 12 manfaat telah diluluskan dalam program Tabung Majikan Prihatin. Sepanjang tahun 2014 Jawatankuasa telah meluluskan pemberian sumbangan / manfaat bagi program-program berikut mengikut permohonan:	
• Khairat Kematian: 8 • Sumbangan Kematian: 4 • Keilatan Kekal: - • Keilatan Separa Kekal: 3 • Kemasukkan Wad: 24 • Perkahwinan: 39 • Ulangtahun Kelahiran Kakitangan: 1423 • Kelahiran Anak: 102 • Sumbangan Perayaan: 81 • Bencana Alam: - • Insentif Mengharumkan Nama Organisasi: 2	

2.4 BAHAGIAN LATIHAN DAN KUALITI

PROJEK / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Pengurusan Latihan Dan Kualiti Kursus Dalaman 6 bidang kursus dalaman utama: i. Pembangunan organisasi dan profesional ii. Pembangunan Kerjaya iii. Pembangunan IT dan Komputer iv. Pembangunan insan, nilai murni dan dasar-dasar kerajaan v. Pembangunan motivasi dan team building vi. Pembangunan kemahiran dan teknikal	63 3 10 2 21 17 10
Kursus Luaran mengikut keperluan dan kelulusan Majlis	252
Kursus Luar Negara mengikut keperluan dan kelulusan Majlis	13

Pelaksanaan melalui Mesyuarat Semakan Pengurusan

Pihak Pengurusan Atasan dan Pengarah-Pengarah Jabatan MBSA membuat kajian semula ke atas SPK sekurang-kurangnya 1 (satu) kali setahun bagi memastikan sistem tersebut sesuai, berkesan dan sentiasa berterusan memenuhi keperluan standard ini serta mencapai Dasar dan Objektif Kualiti yang telah ditetapkan.

Input kepada kajian semula pengurusan adalah merangkumi maklumat-maklumat seperti berikut:

a. Hasil aktiviti audit;
b. Maklum balas pelanggan;
c. Proses Penyampaian dan kesesuaian perkhidmatan;
d. Status tindakan pencegahan dan pembetulan;
e. Tindakan susulan dari kajian semula pengurusan yang dahulu;
f. Perubahan yang mungkin memberi kesan terhadap SPK; dan
g. Cadangan/syor-syor untuk penambahbaikan SPK.

Hasil dari Kajian Semula Pengurusan adalah termasuk sebarang keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

a. Penambahbaikan kecekapan SPK dan proses-prosesnya;
b. Penambahbaikan produk yang berkaitan dengan keperluan pelanggan; dan
c. Keperluan sumber-sumber.

Antara bentuk pelaksanaan Pengurusan Kualiti antaranya adalah :

Perekayasaan Proses Kerja atau Business Process Re-engineering

Satu kaedah untuk menjana semula idea bagi menambahbaik proses kerja ke arah memenuhi kepuasan pelanggan, meningkatkan kualiti, mengurangkan kos serta menjimatkan masa ke arah peningkatan produktiviti.

Metodologi: Kaedah yang digunakan untuk memastikan kakitangan MBSA memahami tentang BPR adalah melalui workshop yang telah diadakan pada 8-9 Februari 2013 oleh Juruperunding Luar iaitu Inno Global Consultancy.

Jabatan yang terlibat: Sebanyak lapan (8) jabatan/bahagian yang terlibat di dalam perlaksanaan BPR iaitu Penguatkuasaan, Lesen, Bangunan, Kewangan, Perancangan, Perkhidmatan Bandar, Penilaian dan Undang-undang.

Status Perlaksanaan: Terdapat satu (1) jabatan yang telah melaksanakan BPR di tempat kerja mereka iaitu Jabatan Lesen sementara yang lain-lain masih di peringkat perancangan. Cadangan proses yang akan di perekasaya dan carta perbatuan pelaksanaan diperincikan di dalam lampiran yang kembarkan.

STANDARD OPERATING PROCEDUR (SOP)

PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN

Carta Pelan Operasi Latihan Majlis Bandaraya Shah Alam



Perancangan dan pelaksanaan latihan di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) adalah didasari oleh Pelan Operasi Latihan yang disediakan berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 (SPP 2/2005). Bahagian Sumber Manusia, Latihan dan Kualiti menawarkan dua jenis kursus kepada pegawai di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) seperti berikut :

i. Kursus Wajib

merujuk kepada Kursus yang wajib dihadiri dan lulus dengan jayanya sebelum seseorang penjawat awam dapat disahkan dalam perkhidmatan. Kursus ini dikenali sebagai Program Transformasi Minda yang dikendalikan oleh agensi yang diwakilkan kuasa perlantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).

ii. Kursus Opsyenal (Pilihan)

merujuk kepada kursus yang bersifat generic (umum) dan fungsional (Khusus) yang bertujuan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam bidang tugasnya.

MBSA mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang telah menetapkan bahawa setiap kakitangan kerajaan perlu mengikuti latihan sebanyak 7 hari dalam setahun.

Berikut merupakan pencapaian MBSA dalam penglibatan latihan berdasarkan kategori pegawai.

Bajet Latihan dan Kualiti

MBSA mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang telah menetapkan bahawa setiap Kementerian / Jabatan hendaklah menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan.

Berikut merupakan pencapaian MBSA dalam menetapkan peruntukan latihan dalam Belanjawan Tahunan MBSA.

PERBELANJAAN PROGRAM LATIHAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM 2013 DAN 2014

PERKARA	TAHUN 2013	TAHUN 2014
Jumlah Peruntukan Emolumen Tahun	23,925,650.00	25,679,910
Perkiraan Satu Peratus (1%) Daripada Peruntukan Emolumen Tahun 2011	239,256.50	256,799.10
Jumlah Peruntukan Yang Digunapakai Untuk Tujuan Latihan	1,610,000.00 Tambah 60,000.00 Perbelanjaan sehingga 31/12/2013	1,661,400.00 (peruntukan yang diluluskan)

2.5 UNIT INTEGRITI

PROJEK / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) Pada 3 Jun 2014, melalui Arahan YAB Perdana Menteri, JKTU telah dimansuhkan dan digantikan dengan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). i. Membincangkan 6 terma rujukan JITU - Dasar Dan Perundangan - Sistem Dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan - Tindakan Pengesanan, Punitif, Dan Pemulihan - Pembudayaan Nilai-Nilai Murni Dan Kod Etika - Pengurusan Pelanggan - Membina Permuafakatan Dengan Pihak Berkepentingan	Telah dilaksanakan 3 kali setahun 28 Februari 2014 20 Jun 2014 23 Disember 2014

PROJEK / AKTIVITI	PENCAPAIAN / JUMLAH
Mesyuarat Lembaga Tatatertib	4 kali
Mesyuarat Unit Pematuhan i. Membincangkan laporan pemantauan Skuad Unit Permatuhan (kesalahan kakitangan MBSA)	7 kali
Kaunseling	24 kali
Ujian Saringan Dadah i. Telah dijalankan secara rawak kepada kakitangan MBSA melibatkan pembantu awam, pemandu dan penguatkuasa.	2 kali
Laporan Keterhutangan Serius i. Laporan ini adalah bertujuan meneliti jumlah pendapatan bersih kakitangan MBSA yang kurang daripada 40% jumlah pendapatan. ii. Sehingga Disember 2014 jumlah kakitangan yang tersenarai adalah seramai 117 orang	12 kali (laporan setiap bulan)
Laporan Perniagaan dalam talian i. Laporan pengisytiharaan sekiranya kakitangan MBSA terlibat dalam perniagaan secara dalam talian. ii. Sehingga Disember 2014, seramai 29 orang kakitangan sudah mengisytiharkan perniagaan.	4 kali

2.6 UNIT PENGURUSAN BANGUNAN

Unit ini telah di tubuhkan pada 26 September 2014. Mempunyai 9 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang (1) Pegawai Tadbir (N41), seorang (1) Penolong Pegawai Tadbir (N27), seorang (1) Pegawai Khidmat Pelanggan (N22), dua (2) Pembantu Tadbir (P/O) (N17) dan empat (4) orang Pegawai Khidmat Pelanggan (N17).

Unit ini berfungsi sebagai :

(a) KESELAMATAN

- Merancang, melaksana dan memantau semua urusan berkaitan keselamatan di bangunan Wisma MBSA.
- Menguruskan semua aktiviti, program yang berkaitan dengan aspek keselamatan fizikal bangunan seperti menguatkuasakan peraturan keselamatan, mengawal dan memantau urusan keluar/masuk orang awam/ pelawat.
- Merancang dan menyelaras semua perkara berkaitan dengan urusan keselamatan dengan pihak luar seperti BOMBA, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kilang dan Jentera, agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, Polis dan PBT lain.
- Menyelaras, melaksana dan memantau semua aspek berkaitan dengan sistem keselamatan bangunan, kawalan berpalang 'barrier gate', laluan pintu masuk 'access door', pas digital pelawat dan kawalan CCTV bangunan.
- Mengurus, merancang dan menyelaras semua aspek berkaitan dengan penyediaan belanjawan, perolehan dan kawalan perbelanjaan keselamatan bangunan.
- Menyediakan laporan secara berkala kepada pihak pengurusan berkaitan dengan semua aspek keselamatan.
- Memastikan segala arahan keselamatan dipatuhi sepertimana yang terdapat di dalam Arahan Keselamatan, peraturan-peraturan serta pekeliling berkaitan.
- Merancang jadual dan melaksanakan tugas-tugas rondaan dan memastikan 'check point' rondaan dilakukan mengikut masa yang telah ditetapkan.

(b) PENYELENGGARAAN

- Merancang, mengawal dan menyelia segala urusan penyelenggaraan meliputi perancangan dan kawalan bangunan Wisma MBSA.
- Mengurus dan menyelaras kemudahan perkhidmatan seperti sistem lampu, alat pencegah kebakaran, hawa dingin, lif, telefon, kerja pembersihan dan landskap.
- Menyelaras, mengurus dan memantau perlantikan kontraktor penyelenggaraan dan memantau jadual kerja-kerja penyelenggaraan dari semasa ke semasa.
- Mengurus dan melaksana penyelenggaraan kerja-kerja kecil pembaikan bangunan.
- Merancang penyediaan belanjawan dan kawalan peruntukan.
- Menyediakan laporan secara berkala kepada pihak pengurusan berkaitan dengan semua aspek penyelenggaraan.
- Menyelesaikan isu-isu penyelenggaraan yang dibangkitkan oleh wakil jabatan.

(c) RUANG PEJABAT

- Mengurus keperluan ruang pejabat di setiap Jabatan dan Bahagian mencukupi.
- Memastikan setiap ruang pejabat yang ada digunakan secara maksima.
- Menyediakan laporan secara berkala kepada pihak pengurusan berkaitan dengan semua aspek ruang pejabat.
- Menyelesaikan isu-isu berhubung dengan ruang pejabat yang dibangkitkan oleh wakil Jabatan.
- Menyelesaikan isu-isu penyelenggaraan yang dibangkitkan oleh wakil jabatan.

(d) PENGURUSAN

- Merancang, mengurus dan melaksana pentadbiran Bahagian Pengurusan Bangunan Wisma MBSA.
- Mengurus dan menyelaras kawalan tempat letak kereta bangunan Wisma dengan mengawal kutipan sewaan bulanan dan kutipan caj harian TLK.
- Merancang dan mengurus aduan kerosakan dan menyalurkan aduan kepada unit yang terlibat.
- Merancang penyediaan belanjawan dan kawalan peruntukan.
- Menyediakan laporan secara berkala kepada pihak pengurusan berkaitan dengan semua aspek pengurusan.

AKTIVITI	JUMLAH / PENCAPAIAN
Jawatankuasa keselamatan bangunan & kebakaran telah mengadakan kursus khas pasukan keselamatan kebakaran dengan bantuan pihak BOMBA Seksyen 15. Gambar seperti di lampiran.	Pada 27 oktober 2014
Jawatankuasa keselamatan bangunan & kebakaran telah mengadakan sesi latihan menyelamat dan memadam kebakaran bersama pihak Bomba Seksyen 15. Gambar seperti di lampiran.	Pada 13 & 14 November 2014
Jawatankuasa keselamatan bangunan & kebakaran telah mengadakan latihan kebakaran di bangunan wisma MBSA dengan kerjasama pihak BOMBA Seksyen 15. Gambar seperti di lampiran.	Pada 24 November 2014

2.4.1 KURSUS DAN LATIHAN MENYELAMAT DAN MEMADAM KEBAKARAN

Taklimat daripada ketua unit PANTAS

Taklimat daripada pihak BOMBA seksyen 15

Kursus Khas pasukan keselamatan kebakaran

Peralatan yang digunakan untuk menyelamat

2.4.2 LATIHAN KEBAKARAN DI BANGUNAN WISMA MBSA

Persiapan sebelum latihan

Semburan air dr tingkat 14

Insiden yang berlaku di tingkat 14

Pengosongan bangunan sedang di jalankan

Pasukan menyelamat bergegas untuk menyelamatkan mangsa yang terperangkap

Proses menyelamatkan mangsa

Semua warga kerja dan penyewa bangunan Wisma MBSA berkumpul di tempat berkumpul

Proses menyelamat menggunakan teknik "flying fox"

Taklimat oleh pihak Bomba

Taklimat oleh Timbalan Datuk Bandar dan arahan untuk masuk ke pejabat.

"Post-mortem" selepas latihan kebakaran dijalankan

"Post-mortem" selepas latihan kebakaran dijalankan

Jabatan Kesihatan Persekitaran

1.0 PROFIL

Jabatan Kesihatan Persekitaran pada awalnya dikenal dengan nama Jabatan Kesihatan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2005 nama tersebut telah ditukar ke nama Jabatan Perkhidmatan Bandar. Pada tahun 2014, sekali lagi nama jabatan ditukar kepada nama Jabatan Kesihatan Persekitaran di mana pertukaran ini melibatkan pemecahan jabatan secara 'functional' kepada 2 jabatan iaitu Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Jabatan ini kini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian Kawalan Penyakit, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Pentadbiran.

Penubuhan jabatan adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan kebersihan kepada seluruh warga Shah Alam dengan menguatkuasakan undang-undang dan melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Dengan kekuatan kakitangan seramai 91 orang, jabatan ini memikul tugas dan tanggungjawab yang berat dalam memastikan kesejahteraan dan kesihatan warga Shah Alam

2.0 LAPORAN AKTIVITI MENGIKUT BAHAGIAN

2.1 BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

2.1.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

- Statistik Kes Demam Denggi
  i. Bilangan kes demam denggi (DD) dan demam denggi berdarah (DDB) yang dilaporkan serta disahkan positif :

KES DILAPOR			KES DISAHKAN (SEROLOGI POSITIF)		
DD	DDB	Jumlah	DD	DDB	Jumlah
9731	6	9737	9317	6	9323

  ii. Graf trend kes demam denggi



- Aktiviti-aktiviti kawalan demam denggi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014 :

PERKARA	KUMULATIF TAHUN 2014
Bil.premis diperiksa	96507
Bil. premis positif pembiakan Aedes	846
Bil. bekas positif pembiakan Aedes	1382
Bil. premis disembur	941296
Bil. rumah dibubuh abate	52831
Bil. kompaun dikeluarkan	914
Arahan Penutupan Tapak Binaan	17

2.1.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

- Penerimaan Aduan Haiwan Kacauganggu
  i. Bilangan kes demam denggi (DD) dan demam denggi berdarah (DDB) yang dilaporkan serta disahkan positif :

KATEGORI HAIWAN	JUMLAH ADUAN SEPANJANG 2014
Anjing liar	694
Anjing peliharaan	241
Kucing liar	119
Kucing dan lembu peliharaan	105
Ayam peliharaan	45
Lebah / tebuan	91
Tikus	42
Gagak	18
JUMLAH	**1,355**

Jumlah Aduan Sepanjang 2014



- Statistik Penangkapan Haiwan Kacauganggu

OPERASI	BILANGAN TANGKAPAN / AKTIVITI
Penangkapan anjing liar oleh pasukan penangkapan Jabatan Kesihatan Persekitaran	712
Penangkapan anjing liar oleh kontraktor lantikan Majlis	349
Penangkapan kucing liar	90
Pemusnahan sarang lebah / tebuan	73

- Aktiviti Penguatkuasaan Pemeliharaan Haiwan

PENGUATKUASAAN PELESENAN ANJING PELIHARAAN		PENGUATKUASAAN PEMELIHARAAN HAIWAN	
Pengeluaran Notis Amaran	Pengeluaran Kompaun	Pengeluaran Notis Amaran	Pengeluaran Kompaun
106	21	24	1

2.1.3 PROGRAM PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN SEKSYEN 21

- Bilangan Pengkebumian Jenazah di Tanah Perkuburan Islam Bagi Tahun 2014

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	37	8
FEBRUARI	30	5
MAC	27	5
APRIL	28	7
MEI	34	8
JUN	35	7
JULAI	32	7
OGOS	35	7
SEPTEMBER	31	6
OKTOBER	31	7
NOVEMBER	34	6
DISEMBER	41	6
JUMLAH	**395**	**79**

Jumlah Aduan Sepanjang 2014

- Statistik Penangkapan Haiwan Kacauganggu



- Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Hindu Bagi Tahun 2014

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	1	0
FEBRUARI	0	0
MAC	0	0
APRIL	2	2
MEI	4	0
JUN	2	0
JULAI	1	0
OGOS	2	0
SEPTEMBER	1	0
OKTOBER	1	0
NOVEMBER	0	1
DISEMBER	1	0
JUMLAH	**15**	**3**



- Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Hindu Bagi Tahun 2014

BULAN	DEWASA	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	2	0
FEBRUARI	3	0
MAC	1	0
APRIL	0	0
MEI	2	0
JUN	4	0
JULAI	0	0
OGOS	0	0
SEPTEMBER	0	0
OKTOBER	2	0
NOVEMBER	2	0
DISEMBER	5	0
JUMLAH	**21**	**0**



2.2 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.2.1 AKTIVITI PEMANTAUAN KEBERSIHAN DAN PERMOHONAN LESEN

Sepanjang tahun 2014 Bahagian Kesihatan Awam telah menjalankan sebanyak 4785 pemeriksaan yang terdiri daripada pemeriksaan premis makanan, pemeriksaan permohonan lesen, rampasan makanan, siasatan aduan, pemeriksaan kantin sekolah/tadika dan lain-lain bagi tujuan pemantauan kebersihan dan permohonan lesen.

Dibawah merupakan graf yang menunjukkan jumlah pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2014 mengikut jenis premis dan pemeriksaan:-



Jabatan Kesihatan Persekitaran

2.2.2 AKITIVI PEMERIKSAAN LESEN

Daripada 3365 permohonan lesen yang diterima, Bahagian Kesihatan Awam telah berjaya memeriksa permohonan-permohonan yang terdiri daripada lesen industri, perniagaan, premis makanan, taska/tadika dan lesen anjing.

Graf menunjukkan bilangan pemeriksaan permohonan lesen mengikut aktiviti pelesenan:



2.2.3 AKTIVITI PENGGEREDAN PREMIS MAKANAN

Pada tahun 2014, jabatan telah berjaya menggred sebanyak 1107 buah premis makanan di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam. Dari jumlah tersebut sebanyak 519 premis memperolehi gred A, 280 premis gred B manakala 187 premis memperolehi gred C.

Disamping itu juga, jabatan telah memeriksa sebanyak 181 unit gerai-gerai majlis bagi tujuan pemantauan kebersihan dan penguatkuasaan.

Graf menunjukkan bilangan premis makanan yang diperiksa mengikut



Carta Pai Menunjukkan Jumlah Premis Makanan Yang Diperiksa Mengikut Gred



2.2.4 AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bagi memastikan tahap kebersihan premis-premis makanan di Shah Alam berada di tahap yang memuaskan, sebanyak 24 operasi bersepadu dan 12 aktiviti rampasan makanan telah dijalankan bersama jabatan-jabatan dalaman dan agensi luaran. Hasil daripada aktiviti tersebut sebanyak 352 kompaun dan 247 notis amaran telah dikeluarkan serta 97 premis diarahkan tutup.

Graf menunjukkan bilangan tindakan undang-undang yang diambil mengikut jenis:



2.2.5 PENGURUSAN ADUAN

Aduan-aduan berkaitan kebersihan premis makanan dan sanitasi makanan sepanjang tahun 2014 telah diterima dan diselesaikan. Tindak balas atau siasatan terhadap aduan diambil secepat mungkin, walau bagaimanapun tindakan penyelesaian terhadap aduan-aduan tersebut kadangkala memerlukan masa yang agak panjang disebabkan oleh beberapa masalah seperti lokasi aduan yang kurang tepat, perkara yang diadukan tidak jelas dan tindakan yang memerlukan tindakan jabatan dan agensi lain.

Graf Menunjukkan Bilangan Aduan Yang Diterima Mengikut Ketegori



Carta Pie Menunjukkan Peratusan Bilangan Aduan Yang Disiasat Mengikut Jumlah Hari



3.0 PENCAPAIAN

3.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

i. Kempen 'Jom Musnah Denggi'

Kempen 'Jom Musnah Denggi' telah diadakan di sekolah-sekolah pada bulan Januari hingga November 2014. Kempen ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kesihatan dan pendedahan kepada pelajar sekolah khususnya tentang penyakit demam denggi. Ceramah berkaitan penyakit demam denggi, edaran risalah, sesi kuiz dan pameran telah diberikan dalam kempen ini. Aktiviti ini telah diadakan di 8 buah sekolah iaitu di SK Sri Pintar Seksyen 7, SJKT Sg. Ladang Midlands Seksyen 7, SRK Seksyen 16, SJKT Sg. Renggam Seksyen 18, SMK Jalan Kebun Seksyen 30, SK Bukit Jelutong Seksyen U8, SK Taman Bukit Subang Seksyen U16 dan SK Subang Bestari Seksyen U5.

ii. Program 'Task Force' Denggi

Program 'Task Force' Denggi peringkat MBSA telah ditubuhkan pada 7 Ogos 2014. Sebanyak 18 pasukan 'task force' telah ditubuhkan yang mana ahlinya adalah dari pelbagai jabatan. Setiap pasukan 'task force' denggi dipertanggungjawabkan ke atas satu kawasan atau jenis premis untuk dilawati terutamanya di kawasan 'hotspot' denggi. Pecahan pasukan 'task force' denggi mengikut kawasan atau jenis premis seperti bangunan berstrata, tapak bina, projek terbengkalai, pembersihan longkang monsun, pembersihan awam, longkang tanah luar bandar, tempat pembuangan sampah haram, tempat perniagaan barang lusuh / besi buruk, kilang, taman permainan, tanah kosong, rumah kedai / restoran, pejabat kerajaan, aset MBSA, taman perumahan dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Berikut adalah hasil aktiviti pasukan 'Task Force' Denggi untuk sepanjang 2014:

iii. Aktiviti Gotong-Royong Menangani Wabak Demam Denggi

Aktiviti gotong-royong menangani wabak demam denggi telah pun dijalankan dengan anjuran MPP Zon dan Jawatankuasa Penduduk di 67 buah lokaliti terutamanya di lokaliti berwabak.

4.0 RUMUSAN

4.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

Kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2014 (9737 kes) meningkat berbanding tahun 2013 (2775 kes). Kes demam denggi yang masih tinggi ini adalah berikutan daripada beberapa faktor penyumbang seperti berikut :

i. Sikap penduduk yang kurang prihatin tentang aspek-aspek kebersihan terutamanya tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes di dalam dan di luar rumah.

ii. Reka bentuk bangunan yang menyumbang kepada pembiakan Aedes seperti pembinaan kolah mandi di dalam rumah, balkoni dan tangki simpanan air individu yang mana aktiviti pencegahan dan kawalan tidak dapat dijalankan.

iii. Aktiviti pencegahan dan kawalan sukar dijalankan sepenuhnya disebabkan oleh bilangan kakitangan yang terhad berbanding dengan jumlah kes yang diterima tinggi pada setiap hari.

iv. Kurang kerjasama daripada penduduk semasa aktiviti kawalan (semburan fogging dan pemeriksaan pembiakan aedes) dijalankan di premis mereka menyebabkan aktiviti yang dijalankan kurang berkesan.

v. Kelewatan pihak hospital atau klinik melaporkan kes demam denggi ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran menyebabkan aktiviti kawalan demam denggi lewat dijalankan seterusnya menyumbang kepada kejadian wabak demam denggi tidak terkawal.

4.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

Secara keseluruhannya, pencapaian prestasi bagi tahun 2014 tidak memberikan suatu refleksi yang mengagumkan sekiranya dilihat dari sudut penerimaan aduan awam. Peningkatan penerimaan aduan anjing terbiar atau berkeliaran adalah sesuatu yang di luar jangkaan, manakala pengurusan aduan berkaitannya pula adalah di luar jangkauan kapasiti kemampuan Jabatan Kesihatan Persekitaran secara logistik.

Terdapat beberapa kriteria petunjuk prestasi kerja yang didapati perlu diberikan perhatian yang serius dan menerima pembaikan segera dalam memastikan pencapaian prestasi kerja yang jauh lebih baik bagi tahun 2015;

i) Jumlah penerimaan aduan awam berkaitan anjing berkeliaran – adalah didapati peningkatan bilangan aduan ini perlu ditangani dengan cara pelaksanaan operasi kawalan yang lebih intensif iaitu pertambahan pada bilangan aktiviti operasi.

ii) Jumlah pengeluaran kompaun bagi aduan anjing peliharaan – terdapat keperluan untuk meningkatkan jumlah pengeluaran kompaun sebagai suatu pendekatan secara tidak langsung dalam menangani isu aduan anjing peliharaan dan menurunkan bilangan penerimaan aduan.

iii) Jumlah penerimaan aduan awam berkaitan haiwan berkeliaran – suatu pendekatan kawalan yang lebih intensif perlu dilaksanakan ke atas aduan terutamanya berkaitan kucing berkeliaran yang didapati meningkat, melalui pertambahan pada bilangan operasi yang dijalankan.

AKTIVITI KAWALAN DEMAM DENGGI

Pemeriksaan di tapak bina oleh pasukan Task Force Denggi

Pemeriksaan di tandas sekolah oleh pasukan Task Force Denggi

Pemeriksaan di sekolah oleh pasukan Task Force Denggi

Pemeriksaan di tapak bina oleh pasukan Task Force Denggi

Jabatan Pusat Setempat

1.0 FUNGSI DAN PERANAN

i. Menerima dan menyemak permohonan pelan pemajuan secara serentak dan berasingan.

ii. Mengedar permohonan cadangan pemajuan kepada Jabatan-Jabatan Teknikal dan jabatan lain yang berkaitan untuk diproses seterusnya memberikan ulasan/sokongan terhadap permohonan.

iii. Memantau bagi memastikan Jabatan-Jabatan Teknikal terlibat mengemukakan ulasan/sokongan bagi setiap permohonan yang diedarkan.

iv. Memastikan semua permohonan yang dikemukakan di Pusat Setempat (OSC) dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat berdasarkan tempoh piagam yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

v. Menjadi urusetia mesyuarat dan memastikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diadakan dua (2) kali sebulan.

vi. Menyelaras dan mengedarkan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat kepada ahli jawatankuasa tetap.

vii. Memaklumkan kepada perunding, pemaju, pemilik tanah dan Pentadbir Tanah (PTD) serta jabatan teknikal terlibat dan jabatan lain yang berkaitan keputusan mesyuarat bagi setiap permohonan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.

viii. Melaporkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat dalam Mesyuarat Majlis Penuh dengan menyediakan Laporan Jawatankuasa.

2.0 AHLI JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

1. Pengerusi : Y. Bhg. Datuk Bandar (Ahli Majlis)
2. Timbalan Pengerusi : Timbalan Datuk Bandar
3. Empat (4) orang Ahli Majlis
4. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor (JPBD)
5. Pengarah Jabatan Bomba & Penyelamat Zon Shah Alam (BOMBA)
6. Pengarah Pejabat Daerah/ Tanah Petaling (PTD)
7. Pengarah Pejabat Daerah/ Tanah Klang (PTD)
8. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS)
9. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Selangor (JMG)
10. Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling (JKR)
11. Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Klang (JKR)
12. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS)
13. Pengarah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM)
14. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
15. Pengarah Syarikat Bekalan Air Selangor Wilayah Klang/ Shah Alam (SYABAS)
16. Pengarah Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)
17. Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB)
18. Pengarah Jabatan Perancangan
19. Pengarah Jabatan Bangunan
20. Pengarah Jabatan Kejuruteraan
21. Pengarah Jabatan Taman dan Rekreasi
22. Setiausaha : Pengarah Jabatan Pusat Setempat

3.0 MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

Dalam tahun 2014 Jawatankuasa Pusat Setempat telah bersidang sebanyak 29 kali berbanding 24 kali sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu 2 kali sebulan (24 kali setahun). Mesyuarat diadakan melebihi sasaran bagi menyelesaikan permohonan yang melebihi sasaran bagi bulan-bulan berkenaan iaitu Mac, April, Jun, Ogos dan November serta bagi membincangkan permohonan projek strategik dan berimpak tinggi.

4.0. PRESTASI PERLAKSANAAN PUSAT SETEMPAT TAHUN 2014

4.1 PRESTASI PERLAKSANAAN PUSAT SETEMPAT

Sebanyak 1,565 permohonan telah diterima di kaunter OSC dalam tahun 2014. (Rujuk jadual 1 dan graf 1)

Jadual 1

BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
BIL	130	43	214	132	229	175	101	74	109	92	127	139
JUMLAH	1,565 permohonan											

Graf 1

i. Pencapaian penyelesaian permohonan melalui OSC sehingga 31hb Disember 2014 adalah 97.34%. (Rujuk jadual 2 dan graf 2)

Jadual 2

JENIS PERMOHONAN	BIL. MOHON	^ PERMOHONAN DALAM PROSES	PERMOHONAN SELESAI* (a) = (b) + (c)	SELESAI* DALAM PIAGAM (b)	SELESAI* MELEBIHI PIAGAM (c)
Permohonan Serentak	228	7 (3.07%)	221 (96.93%)	203 (91.86%)	18 (8.14%)
Kebenaran Merancang	496	29 (5.85%)	467 (94.15%)	254 (54.39%)	213 (45.61%)
Pelan Kejuruteraan	41	0 (0.00%)	41 (100.00%)	36 (87.80%)	5 (12.20%)
Pelan Bangunan	655	1 (0.15%)	654 (99.85%)	604 (92.35%)	50 (7.65%)
CFO	6	1 (16.67%)	5 (83.33%)	3 (60.00%)	2 (40.00%)
JUMLAH	**1,426**	**38 (2.66%)**	**1,388 (97.34%)**	**1,100 (79.25%)**	**288 (20.75%)**

Petunjuk :

^	Status Dalam Proses (Proses, Ubahsuai, Tangguh)
*	Selesai (Lulus, Lulus Bersyarat, Tolak, Batal, Rekod)
% Proses	Perbandingan Jumlah Permohonan Dalam Proses dengan Bil. Mohon
% Selesai	Perbandingan Jumlah Permohonan Selesai dengan Bil. Mohon.
Selesai Dalam Piagam	Jumlah permohonan selesai dalam tempoh masa yang ditetapkan
Selesai Melebihi Piagam	Jumlah permohonan selesai melebihi tempoh masa yang ditetapkan

Graf 2

Statistik bilangan permohonan, permohonan dalam proses dan permohonan selesai bagi tahun 2014



4.2 STATISTIK PERMOHONAN YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT.

Jumlah permohonan yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk kelulusan/ makluman dari **1hb Januari sehingga 31hb Disember 2014 adalah sebanyak 4,189 permohonan.** (Rujuk Jadual 3)

Jadual 1

PERKARA	JUMLAH
Ucapan Pengerusi	-
Pengesahan Minit Mesyuarat	-
Perkara Berbangkit	
1 Permohonan Yang Ditangguhkan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat	261
2 Perkara Berbangkit Permohonan Pelan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur/ Pendirian Bangunan	66
3 Perkara Berbangkit Permohonan Pelan Kejuruteraan	3
4 Perkara Berbangkit Permohonan Pelan Bangunan	12
5 Perkara Berbangkit Permohonan Pelan Lanskap	0
Taklimat/ Laporan Permohonan Pelan Pembangunan	
1 Taklimat	5
2 Laporan Permohonan Pelan Pembangunan	23
Kertas Jawatankuasa Untuk Kelulusan	
A. PERMOHONAN SERENTAK	
1 Perihal Tanah + Kebenaran Merancang Pelan Susunatur/Pendirian Bangunan + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan (Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan, Pelan Lampu Jalan/Laman/Taman/Isyarat)	0
2 Perihal Tanah + Kebenaran Merancang Pelan Susunatur/ Pendirian Bangunan	37
3 Kebenaran Merancang Pelan Susunatur/ Pendirian Bangunan + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan (Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan, Pelan Lampu Jalan/Laman/ Taman/Isyarat)	67
4 Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan (Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan, Pelan Lampu Jalan/Laman/Taman/Isyarat)	104
B. PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG	
5 Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur/ Pendirian Bangunan	200
6 Kelulusan Lanjut Tempoh	27
7 Kelulusan Tukarguna Bangunan	106
8 Kelulusan Cadangan Penamaan Kawasan, Bangunan dan Jalan	40
C. PERMOHONAN PELAN BANGUNAN	
9 Kelulusan Pelan Bangunan	268
10 Permohonan Rayuan Denda Daripada Pihak Swasta	3
11 Permohonan Kelulusan Permit Struktur Pemancar Telekomunikasi Atas Tanah	11
12 Permohonan Kelulusan Pelan Setara Kediaman Daripada Pihak Individu 1 Jam	978
13 Permohonan Kelulusan 1 Hari (Waktu Bekerja) i) Permohonan Kelulusan Pelan Cadangan Baru Kediaman (Banglo) Daripada Pihak Individu.	94
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
iii) Permohonan Kelulusan Pelan Cadangan Pindaan Kepada Pelan Lulus daripada Pihak Individu.	73
iv) Permohonan Kelulusan Pelan Lanjut Tempoh Daripada Pihak Individu.	13
v) Permohonan Kelulusan Permit Bangunan Sementara Daripada Pihak Individu.	0
vi) Permohonan Kelulusan Permit Pelan Setara Struktur Pemancar telekomunikasi Atas Bangunan Daripada Pihak Individu.	240
vii) Permohonan Kelulusan Permit Binaan Sementara Partion, Awning Dan Lain-Lain Daripada Pihak Individu	1
viii) Permohonan Kelulusan Permit Binaan Sementara Partion, Awning Dan Lain-Lain Daripada Pihak Individu (Pelan Setara)	447
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
ii) Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/ Pindaan Kediaman Daripada Pihak Individu.	587
14 Permohonan Pelan Daripada Kementerian Atau Jabatan Untuk Rekod.	0
D. PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN	
15 Kelulusan Pelan Kerjatanah/Jalan dan Parit dan Pelan Lampu Jalan/ Laman/Taman/ Isyarat	30

Jabatan Pusat Setempat

PERKARA	JUMLAH
E. PERMOHONAN PELAN LANSKAP	
16 Kelulusan Pelan Lanskap	112
Laporan Ketidakpatuhan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Jabatan-Jabatan Teknikal	**3**
Kertas Jawatankuasa Untuk Sokongan	
1 Permohonan Tanah Kerajaan	34
2 Permohonan Lesen Menduduki Sementara	12
3 Permohonan Mewartakan Tanah	8
4 Permohonan Permit Mengeluarkan Bahan Batuan	0
5 Permohonan Tukar Syarat Tanah	35
6 Permohonan Memperbaharui Tempoh Pajakan Tanah	23
7 Permohonan Pengambilan Tanah Yang Diterima Daripada Pejabat Tanah Daerah Klang/Petaling	1
1 Permohonan Tanah Kerajaan	34
1 Permohonan Tanah Kerajaan	34
Permohonan Yang Telah Tamat Tempoh Piagam Dan Pembatalan	
1 Permohonan Pelan Bangunan Yang Telah Tamat Tempoh Piagam	130
2 Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur & Pendirian Bangunan Yang Telah Tamat Tempoh Piagam	72
3 Pembatalan Permohonan Pelan Bangunan	7
4 Pembatalan Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur & Pendirian Bangunan	18
Hal-Hal Lain	
1 Jabatan Pusat Setempat	0
2 Jabatan Perancangan	16
3 Jabatan Kejuruteraan	1
4 Jabatan Bangunan	8
5 Jabatan Taman & Rekreasi	1
6 Lain-Lain Jabatan	3
Permohonan Lanjut Tempoh Bagi Mematuhi Syarat-Syarat Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat	
1 Permohonan Serentak Kaedah I (Perihal Tanah + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan)	0
2 Permohonan Serentak Kaedah II (Perihal Tanah + Kebenaran Merancang)	0
3 Permohonan Serentak Kaedah III (Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan)	0
4 Permohonan Serentak Kaedah IV (Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan)	0
5 Permohonan Kebenaran Merancang (Pelan Susunatur/ Pendirian Bangunan)	0
6 Permohonan Pelan Bangunan (Cadangan Baru/ Tambahan Pindaan/ Pelan Pindaan Kepada Pelan Lulus)	0
7 Permohonan Pelan Kejuruteraan	0
8 Permohonan Pelan Lanskap	0
JUMLAH KESELURUHAN	**4,189**

4.3 HASIL DAN BAYARAN

Jumlah hasil dan bayaran mengikut pecahan objek lanjut pelan pembangunan yang diterima oleh Majlis dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM 244,046,872.51

Jadual 4 : Perincian hasil bayaran mengikut pecahan objek lanjut pelan pembangunan yang telah diterima oleh Majlis dari 1 Januari 2013 hingga 31hb Disember 2013.

KOD	BUTIRAN	JUMLAH HASIL BAYARAN (RM)
71810	Permit Bangunan Sementara	2,583,969.25
*72101	Bayaran Fee Kebenaran Merancang	2,153,688.87
*72102	Bayaran Fee Pindaan Kebenaran Merancang	553,117.04
*72103	Bayaran Memproses Pelan Bangunan	1,938,493.34
*72104	Bayaran Memproses Pelan Tambahan / Pindaan	1,202,029.53
*72105	Bayaran Memproses Pelan Bangunan (Perancangan)	200.00
*72106	Bayaran Memproses Pelan Kerja Tanah	84,662.36
*72107	Bayaran Memproses Pelan Jalan & Perparitan	173,972.84
*72108	Bayaran Pelan Lampu Jalan/ Laman/Taman/Isyarat	168,954.50
*72109	Bayaran Memproses Pelan Lanskap	50,300.00
72110	Bayaran Proses Pelan Lanskap Tambahan/Pindaan	8,530.00
*72201	Bayaran Memproses Tukar Syarat Guna Bangunan	28,900.00
72225	Bayaran Caj Pemajuan	219,062,164.75
*72215	Bayaran Lawatan Tapak	80,000.00
73106	Jual Risalah / Buku Panduan	57,104.00
*76501	Denda Bangunan	4,227,894.40
96206	Caruman kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	11,090,096.06
96213	Bayaran Penanaman Anggerik	336,000.00
*96218	Bayaran Caj Tidak Patuh Sedia Perimeter Planting	246,795.57
JUMLAH KESELURUHAN		**244,046,872.51**

5.0 RUMUSAN

Sejak penubuhan dan pelaksanaan OSC di MBSA pada April 2007, penyelesaian ke atas permohonan pelan pemajuan telah menunjukkan peningkatan. Hasrat kerajaan untuk menambahbaik sistem penyampaian (Delivery System) melalui OSC adalah bagi memastikan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan secara telus dan berkesan. Peranan OSC sebagai penyelaras dan pemantau terhadap permohonan-permohonan cadangan pemajuan akan diperkukuhkan dan diperkemaskan dari masa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan OSC berjalan dengan lancar bagi memenuhi kehendak pelanggan seterusnya mengangkat imej Majlis Bandaraya Shah Alam.

Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek 92

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 94

Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam 100

Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek

1.0 PROFIL

1.1 PENGENALAN

Bahagian Tender dan Kontrak (BTK) ditubuhkan sebagai satu bahagian untuk menyelaras dan menguruselia pentadbiran kontrak Majlis Bandaraya Shah Alam selaras dengan kehendak-kehendak Arahan Perbendaharaan dan ISO 9002. Bagi memperkasakan bahagian ini, fungsi bahagian telah ditambah untuk menyelia projek-projek khas Majlis. BTK telah dinaiktaraf sebagai Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek (JPKP) berkuatkuasa 1 Oktober 2014.

1.2 FUNGSI

1.2.1 FUNGSI BAHAGIAN KONTRAK & UKUR BAHAN IALAH:-

a. Menguruskan perolehan Majlis secara kerja-kerja undi, tawaran sebutharga atau tawaran tender mengikut had nilai yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Proses perolehan bermula dari permulaan tawaran sehingga projek siap serta menyelesaikan pembayaran kepada kontraktor.

b. Menyemak kerja-kerja Inden atau Pesanan Tempatan atas arahan Datuk Bandar dari semasa ke semasa.

c. Menyediakan kursus berkaitan Tender & Kontrak kepada Kontraktor dan Jabatan-Jabatan di MBSA.

1.2.2 FUNGSI BAHAGIAN PROJEK KHAS IALAH:-

a. Menguruselia dan memantau projek-projek pembangunan Majlis bagi projek-projek bangunan dan rekabentuk dalaman bernilai Rm 500,000 dan ke atas.

b. Memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh perunding-perunding projek dengan bertindak selaku 'Multi-disciplinary coordinator'.

c. Menyelaras projek bersama Jabatan-jabatan Teknikal Majlis dari semasa ke semasa mengikut keperluan serta membentangkan status projek-projek kepada Pengurusan Majlis.

1.3 PERUBAHAN DALAM JABATAN

Jabatan ini telah diperkasakan dengan penubuhan Bahagian Projek Khas. Selain dari tugas hakiki sedia ada, projek khas ini merupakan bahagian yang memantau dan menyelia projek-projek membina bangunan milik Majlis serta kerja-kerja rekabentuk dalaman yang bernilai RM500,000.00 ke atas.

Jabatan yang baru dinaiktaraf ini mempunyai bilangan kakitangan seramai 47 orang dan masih di dalam proses pengambilan bagi sesetengah jawatan. Carta organisasi adalah seperti berikut:-

- **Piagam Pelanggan**

  Piagam Pelanggan Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek adalah seperti berikut:

  i. Mengiklankan tawaran tender dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan.

  ii. Mengiklankan tawaran sebutharga dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan.

  iii. Mengemukakan dokumen tender & sebutharga kepada jabatan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh tutup iklan tawaran.

  iv. Menyediakan surat tawaran tender & sebutharga dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat.

  v. Melengkapkan dokumen perjanjian lengkap dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat tawaran.

  vi. Menyediakan sijil bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh lawatan tapak.

  vii. Menguruskan perlantikan perunding dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan yang lengkap.

  viii. Pelawaan/pengiklanan perkhidmatan perunding dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan TOR (terma rujukan) yang lengkap.

  x. Mengatur undian kerja inden dalam tempoh empat (4) hari dari tarikh penerimaan jabatan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI

Memproses permohonan/cadangan daripada Jabatan mengikut nilai perolehan iaitu secara undi, tawaran tender dan sebutharga sehinggalah kepada perlantikan pemborong. Bahagian Tender & Kontrak juga memberi kursus kepada kontraktor dan kepada Jabatan berkaitan. Selain itu Bahagian Tender & Kontrak membuat majlis penyerahan surat tawaran kepada kontraktor.

2.1 GRAF JUMLAH PERMOHONAN TENDER



2.2 GRAF JUMLAH PERMOHONAN SEBUTHARGA



2.3 CARTA PAI HASIL PENJUALAN DOKUMEN TENDER & SEBUTHARGA



2.4 CARTA PAI HASIL KUTIPAN YURAN MEMPROSES DOKUMEN PERJANJIAN



2.5 JADUAL MENGURUSELIA PERUNTUKAN PROJEK PEMBANGUNAN MAJLIS, PERUNTUKAN DARI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN/NEGERI

AKTIVITI	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Peruntukan Pembangunan Majlis	229	RM 70,829,780.00
Peruntukan MARRIS	137	RM 81,941,191.18
Peruntukan MIDA	2	RM 1,321,044.00
Peruntukan NKRA	2	RM 10,400,210.50
Jumlah Keseluruhan	370	RM 163,171,181.68

2.6 KERJA UNDI

JPKP telah mengadakan 5 kali cabutan kerja undi yang mana adalah seperti berikut :-

Berdasarkan jadual di atas, didapati jumlah keseluruhan kerja undi yang telah dijalankan setakat ini adalah sebanyak **68 kerja** yang mana melibatkan nilai keseluruhan **RM 1140,705.75**.

CABUTAN	TARIKH CABUTAN	BILANGAN KERJA	JUMLAH (RM)	PENDAFTARAN KONTRAKTOR
Pertama Bil 1/2014	13 Mac 2015	19 Kerja	314,497.65	99 Peserta
Kedua Bil 2/2014	05 Mei 2015	32 Kerja	519,515.15	391 Peserta
Ketiga Bil 3/2014	20 Jun 2015	4 Kerja	60,816.00	10 Peserta
Keempat Bil 4/2014 Bil	24 Julai. 2015	9 Kerja	191,860.00	9 Peserta
Kelima Bil 5/2014 Bil	24 Nov. 2015	4 Kerja	54,017.60	36 Peserta
JUMLAH		**68 Kerja**	**1,140,705.75**	**545 Peserta**

Walau bagaimanapun, syarikat yang telah mendapat kerja undi hanya akan dibenarkan hadir selepas 2 bulan dari tempoh siap kerja yang ditawarkan serta semua kontraktor yang telah berjaya mendapat tender atau sebutharga untuk Tahun 2014 tidak dibenarkan hadir dan menyertai cabutan undi yang diadakan seterusnya.

2.7 KURSUS KEPADA KONTRAKTOR DAN JABATAN BERKAITAN

Sebanyak 3 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 iaitu:-

- 16hb April 2014 (Penyerahan Surat Tawaran & Taklimat kepada Kontraktor Penyelenggaraan Longkang, Pembersihan Awam & Penyelenggaraan Pokok)
- 30hb September 2014 (Taklimat Mengenai Pencegahan Denggi di Tapak Bina)
- 17hb Disember 2014 (Kursus Tatacara Melengkapkan Dokumen Tender 7 Sebutharga)

3.0 PENCAPAIAN

3.1 MS ISO 9002:2000

JPKP telah dianugerahkan pensijilan MS 1SO 9002 : 1994 bagi aktiviti Pengurusan Tender Dan Kontrak pada 21 September 1999 oleh pihak SIRIM QAS dan dinaiktaraf kepada MS ISO 9001 : 2000 pada 20 September 2003.

3.2 SISTEM AMALAN 5S

Sistem Amalan 5S telah Berjaya dilaksanakan dan banyak membawa perubahan terhadap system dan persekitaran di tempat kerja. Bagi menjayakan pelaksanaan sistem ini program gotong-royong bulanan diwajibkan kepada semua kakitangan.

JPKP telah mendapat tempat ke-3 dalam pertandingan 5S Antara Jabatan.

4.0 HALATUJU

Jabatan Pengurusan Kontrak & Projek memastikan setiap permohonan tawaran tender dan sebutharga dari Jabatan akan diuruselia dengan cekap, tepat, telus dan bertanggungjawab. Dengan penambahan kakitangan, objektif di atas dapat dicapai dengan jayanya kerana Jabatan Pengurusan Projek dan Kontrak mempunyai beban kerja yang lebih banyak pada masa akan datang.

Selaras dengan tanggungjawab menyelia dan memantau projek-projek khas Majlis, pihak Jabatan perlu memastikan agar setiap projek yang dibina dapat disiapkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta memberikan hasil yang terbaik dan menguntungkan Majlis.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam

1.0 PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM

Perkhidmatan pembersihan awam (sapuan jalan, potongan rumput, bersih longkang, pembersihan pasar, gerai, tandas dan kutipan sampah kebun/pukal/haram) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis secara Sebutharga dan Tender.

1.1 KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MAJLIS BAGI TAHUN 2014

- Jumlah Kontraktor Pembersihan Awam Bagi Kawasan HQ, Pejabat Cawangan Kota Kemuning (PCKK), Pejabat Cawangan Sungai Buloh (PCSB).

KAWASAN	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM TAHUN 2014
HQ	118
PCKK	50
PCSB	44
JUMLAH	**212**

- Pecahan Kontraktor (Pembersihan Kawasan, Pembersihan Pasar/Gerai Majlis dan Pembersihan Longkang Besar) di Kawasan HQ, Pejabat Cawangan Kota Kemuning (PCKK), Pejabat Cawangan Sungai Buloh (PCSB).

KAWASAN	JUMLAH KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM		
	KAWASAN	PASAR/GERAI	LONGKANG BESAR
HQ	88	15	15
PCKK	42	5	3
PCSB	37	3	4
JUMLAH	**167**	**23**	**22**

- Peruntukan perbelanjaan bagi perkhidmatan pembersihan awam di kawasan Majlis pada tahun 2014 adalah seperti berikut :

KAWASAN	BIL. KONTRAKTOR	KOS (RM)	
		SEBULAN	SETAHUN
Pembersihan Kawasan	167	2,421,632.23	29,059,586.76
Pembersihan Longkang Besar	22	191,587.65	2,299,051.80
Pembersihan Gerai dan Pasar Majlis	23	181,000.02	2,172,000.28
JUMLAH	**212**	**2,794,219.90**	**33,530,638.84**

- Senarai Kontraktor Pembersihan Awam Yang Telah Ditamatkan Kontrak perkhidmatan pada tahun 2014 adalah seperti berikut :

NAMA SYARIKAT	ZON/SEKSYEN
Tiara A Trading	SA LB2 Seksyen 5, 9, 10, 11, 12, 13 & 14
Pristine Tiara (M) Sdn Bhd	SA LB1 Seksyen 2, 3,4,6,7 & 8
JNJ Enterprise	SA 19 (B) Seksyen 26
Wajib Syukur Enterprise	SA 25(C) Seksyen 32
Shafia Enterprise	SA LB6 Seksyen 15 & 16
Acme Biz Enterprise	SA LB18 Seksyen 32 & 33
I BE Trading	SA 30(C) Seksyen U2
Urus Kirim Enterprise	SA24(B) Seksyen 31
Medan Teguh Contruction Services	Persiaran Jubli Perak
Arzi Enterprise	Persiaran Jubli Perak
JHN Bina Enterprise	SA G16 Seksyen U5
Thru Global Enterprise	SA 32(J) Seksyen U5
As Bina Enterprise	SA 34(E) Seksyen U8
Roza Niaga	SA 29(D) Seksyen U1
Rozawani Maju Enterprise	SA24(D) Seksyen 31

1.2 TINDAKAN PENGELUARAN "NOTICE TO CORRECT"(NTC) KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN AWAM BAGI TAHUN 2014

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NTC TAHUN 2014	JUMLAH PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
JANUARI	150	7,650.00
FEBRUARI	258	16,850.00
MAC	300	17,450.00
APRIL	203	12,800.00
MEI	124	8,600.00
JUN	248	17,050.00
JULAI	190	10,950.00
OGOS	238	16,400.00
SEPTEMBER	369	23,400.00
OKTOBER	217	12,200.00
NOVEMBER	117	5,900.00
DISEMBER	327	16,600.00
JUMLAH	**2,741**	**165,850.00**

1.3 ADUAN PEMBERSIHAN AWAM BAGI TAHUN 2014

1.3.1 JUMLAH ADUAN DITERIMA MENGIKUT BULAN.

- Sebanyak 1,843 aduan berkaitan Pembersihan Awam telah diterima pada tahun 2014

1.3.2 JENIS- JENIS ADUAN PEMBERSIHAN AWAM

JENIS ADUAN	JUMLAH ADUAN
Jalan : Sapuan Jalan	108
Longkang : Kawasan Perkilangan	25
Longkang : Kawasan Persiaran	5
Longkang : Kawasan Perumahan	464
Longkang : Parit erong	10
Longkang : Monsoon Drain	6
Pasar/gerai/tandas	15
Rumput : Kawasan Persiaran	9
Rumput : Kawasan Perumahan	193
Rumput : Semak Samun	55
Rumput : Taman Permainan	22
Rumput : Tebing longkang besar	5
Rumah/Lot Kosong: Rumah/Lot Kosong	310
Sampah : Kebun / Pukal	348
Sampah : Longgok / Haram	154
Sampah : Sisa Bahan Binaan	76
Sampah : Taman Permainan	38
JUMLAH	**1,843**

1.4 PERBELANJAAN PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN BAGI TAHUN 2014

Sebanyak RM 2,226,750.84 telah digunakan bagi kos pelupusan sampah pembersihan di dalam kawasan pentadbiran MBSA bagi tahun 2014.

BULAN	BAYARAN PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN (RM)
JANUARI	111.813.60
FEBRUARI	146,105.04
MAC	172,061.76
APRIL	176,948.10
MEI	180,446.02
JUN	171,391.40
JULAI	177.177.32
OGOS	202,471.10
SEPTEMBER	196,366.24
OKTOBER	224,803.94
NOVEMBER	233,582.16
DISEMBER	233,584.16
JUMLAH	**2,226,750,.84**

- PELUPUSAN SISA PEMBERSIHAN DAN SAMPAH KEBUN / PUKAL / HARAM

  Bagi tahun 2014, sebanyak 65,871.14 metrik tan sampah sisa pembersihan dan sampah kebun / pukal / haram (KPH) yang telah dihasilkan dalam kawasan pentadbiran MBSA telah dilupuskan di tapak pelupusan sampah sanitari di Jeram, Dengkil dan Kuang.

KAWASAN	Pelupusan Sampah Sisa Pembersihan dan Sampah Kebun/Pukal/Haram (KPH) di Tapak Pelupusan Sampah			Jumlah Pelupusan Sampah (Metrik Tan)
	Jeram (Metrik Tan)	Dengkil (Metrik Tan)	Kuang (Metrik Tan)	
Januari	2499.40	727.84	-	3,227.24
Februari	2425.14	811.78	1184.22	4,421.14
Mac	3059.71	936.50	1164.16	5,160.37
April	3076.40	994.20	1212.39	5,282.99
Mei	3117.57	858.56	987.87	4,964.00
Jun	3062.30	708.68	1297.12	5,068.10
Julai	3249.47	760.93	1261.05	5,271.45
Ogos	3704.50	928.30	1325.76	5,958.56
September	3476.59	1053.79	1336.26	5,866.64
Oktober	4019.80	1115.80	1583.85	6,719.45
November	4338.56	1007.96	1603.54	6,950.06
Disember	4457.36	959.39	1564.39	6,981.14
Jumlah	**40486.80**	**10863.73**	**14520.61**	**65,871.14**

Jumlah sampah sisa pembersihan & sampah kebun/pukal/haram (KPH) yang dilupuskan di tapak pelupusan bagi tahun 2014



1.5 PENGUATKUASAAN TINDAKAN NOTIS AMARAN DAN KOMPAUN BAGI TAHUN 2014

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN NOTIS AMARAN TAHUN 2014	JUMLAH PENGELUARAN KOMPAUN TAHUN 2014
JANUARI	58	6
FEBRUARI	42	13
MAC	66	2
APRIL	13	6
MEI	48	11
JUN	121	23
JULAI	34	15
OGOS	29	9
SEPTEMBER	23	13
OKTOBER	27	5
NOVEMBER	19	7
DISEMBER	10	15
JUMLAH	**490**	**125**

1.6 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LOT/RUMAH KOSONG BAGI TAHUN 2014

BULAN	ARAHAN KERJA PEMBERSIHAN TAHUN 2014	
	LOT KOSONG	RUMAH KOSONG
JANUARI	4	3
FEBRUARI	28	9
MAC	3	7
APRIL	4	23
MEI	8	2
JUN	5	1
JULAI	10	1
OGOS	7	4
SEPTEMBER	6	2
OKTOBER	3	0
NOVEMBER	10	5
DISEMBER	24	0
JUMLAH	**112**	**57**

1.6.1 AKTIVITI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN RUMAH KOSONG/ LOT KOSONG :

Pembersihan Rumah Kosong di Seksyen 11

Pembersihan Lot Kosong di Seksyen 7

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam

1.7 BANTUAN PERALATAN DAN LOGISTIK BAGI AKTIVITI GOTONG-ROYONG BERDASARKAN PERMOHONAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2014

BULAN	JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG TAHUN 2014
JANUARI	5
FEBRUARI	8
MAC	22
APRIL	19
MEI	24
JUN	24
JULAI	0
OGOS	4
SEPTEMBER	24
OKTOBER	13
NOVEMBER	33
DISEMBER	16
JUMLAH	**192**

1.8 PERKHIDMATAN SEWAAN TONG RORO BAGI SISA BINAAN PADA TAHUN 2014

Perkhidmatan sewaan tong RORO bagi sisa binaan telah dijalankan mulai 1 Mei 2014. Kadar bayaran perkhidmatan tong RORO saiz 3 Tan adalah RM 270.00 dan tong RORO saiz 7 Tan adalah RM 420.00. Pihak Majlis juga telah menetapkan penggunaan tong RORO yang seragam di kawasan pentadbiran MBSA seperti gambarajah berikut :

Pihak Majlis telah melantik 15 panel kontraktor bagi menjalankan pengurusan sisa binaan ini dan diagihkan mengikut pecahan kawasan seperti berikut :



Jumlah permohonan tong RORO dan bayaran bagi sisa binaan yang diterima bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

BULAN	Jumlah Permohonan	Jumlah Bayaran (RM)	Jumlah Cagaran (RM)
MEI	109	29,430.00	109,000.00
JUN	125	33,750.00	125,000.00
JULAI	116	31,320.00	116,000.00
OGOS	118	31,860.00	118,000.00
SEPTEMBER	139	37,530.00	139,000.00
OKTOBER	160	43,200.00	160,000.00
NOVEMBER	164	44,280.00	164,000.00
DISEMBER	147	39,690.00	147,000.00
JUMLAH	**1,078**	**291,060.00**	**1,078,000.00**

1.9 PERKHIDMATAN SEWAAN TONG SAMPAH BAGI MAJLIS PERKAHWINAN PADA TAHUN 2014.

Perkhidmatan sewaan tong sampah kenduri kahwin telah dijalankan mulai Mac 2014. Kadar bayaran perkhidmatan 3 unit Tong MGB 660L adalah RM200.00. Penghantaran tong dan pelupusan sampah dijalankan oleh unit 'inhouse' Bahagian Pembersihan Awam.

Tong sampah 'Mobile Garbage Bin' (MGB 660L) yang dihantar bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:

Jumlah permohonan dan jumlah bayaran yang diterima bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

BULAN	Jumlah Permohonan	Jumlah Bayaran (RM)
JANUARI	5	-
FEBRUARI	2	-
MAC	2	400.00
APRIL	3	600.00
MEI	2	400.00
JUN	3	600.00
JULAI	0	-
OGOS	1	200.00
SEPTEMBER	0	-
OKTOBER	0	-
NOVEMBER	1	200.00
DISEMBER	1	200.00
JUMLAH	**20**	**2,600.00**

B. KAWALAN KEBERSIHAN PREMIS

1.10 PEMERIKSAAN KILANG

Pemeriksaan kebersihan dan keselamatan kilang telah dibuat secara berkala ke atas kilang-kilang yang beroperasi didalam kawasan pentadbiran Majlis. Pada tahun 2014, sebanyak 65 buah kilang telah diperiksa. Kriteria pemeriksaan adalah berdasarkan syarat perlesenan Majlis seperti berikut :

i. Kebersihan premis
ii. Kerja-kerja kawalan serangga / LILATI
iii. Pencemaran udara, air dan tanah
iv. Penyimpanan bahan kimia dan senarai MSDS
v. Laporan analisa makmal (effluen) dan slip pembuangan sampah / sisa pepejal

BULAN	PEMERIKSAAN
JANUARI	1
FEBRUARI	4
MAC	3
APRIL	6
MEI	3
JUN	8
JULAI	5
OGOS	6
SEPTEMBER	13
OKTOBER	6
NOVEMBER	8
DISEMBER	2
JUMLAH	**65**

1.10 PEMERIKSAAN BENGKEL

Pemeriksaan kebersihan dan keselamatan bengkel telah dibuat secara berkala ke atas bengkel-bengkel yang beroperasi di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Pada tahun 2014, sebanyak 93 buah bengkel telah diperiksa. Kriteria pemeriksaan adalah berdasarkan syarat perlesenan Majlis seperti berikut :

i. Kebersihan premis
ii. Kerja-kerja kawalan serangga / LILATI
iii. Pencemaran udara, air dan tanah
iv. Penyimpanan bahan kimia dan senarai MSDS
v. Laporan pelupusan minyak hitam dan tayar

BULAN	PEMERIKSAAN
JANUARI	15
FEBRUARI	8
MAC	3
APRIL	7
MEI	4
JUN	4
JULAI	7
OGOS	5
SEPTEMBER	11
OKTOBER	10
NOVEMBER	15
DISEMBER	4
JUMLAH	**93**

Pemeriksaan Bengkel di Seksyen 7

1.12. PEMERIKSAAN STESYEN MINYAK

Pemeriksaan kebersihan dan keselamatan stesyen minyak telah dibuat secara berkala ke atas stesyen minyak yang beroperasi didalam kawasan pentadbiran Majlis. Pada tahun 2014, sebanyak 63 buah stesyen minyak telah diperiksa. Kriteria pemeriksaan adalah berdasarkan syarat perlesenan Majlis seperti berikut :

i. Kebersihan premis
ii. Kerja-kerja kawalan serangga / LILATI
iii. Keselamatan pekerja dan premis
iv. Pencemaran udara, air dan tanah
v. Tandas awam
vi. Laporan pembuangan sisa

BULAN	PEMERIKSAAN
JANUARI	5
FEBRUARI	5
MAC	2
APRIL	7
MEI	4
JUN	5
JULAI	4
OGOS	5
SEPTEMBER	7
OKTOBER	5
NOVEMBER	9
DISEMBER	5
JUMLAH	**63**

Pemeriksaan Stesyen Minyak Di Seksyen 28

KAWALAN KEBERSIHAN ALAM SEKITAR

1.14 PEMANTAUAN PEMBAKARAN TERBUKA

Aktiviti kawalan kebersihan dan keselamatan alam sekitar merangkumi pemantauan pembakaran terbuka. Aktiviti ini dilaksanakan berdasarkan aduan awam dan pemantauan rutin di kawasan-kawasan 'hot spot'. Pada tahun 2014, sebanyak 39 pemeriksaan aktiviti pembakaran terbuka telah dilaksanakan.

BULAN	BILANGAN
JANUARI	3
FEBRUARI	6
MAC	2
APRIL	2
MEI	3
JUN	2
JULAI	2
OGOS	3
SEPTEMBER	3
OKTOBER	5
NOVEMBER	5
DISEMBER	3
JUMLAH	**39**

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam

Pemantauan Pembakaran Terbuka Di Seksyen 32

1.15. PEMANTAUAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Aktiviti kawalan kebersihan dan keselamatan alam sekitar merangkumi pemantauan pembuangan sampah haram. Aktiviti ini dilaksanakan berdasarkan aduan awam dan pemantauan rutin dikawasan-kawasan 'hot spot'. Pada tahun 2014, sebanyak 38 pemeriksaan aktiviti pembuangan sampah haram telah dilaksanakan.

BULAN	BILANGAN
JANUARI	2
FEBRUARI	3
MAC	2
APRIL	3
MEI	2
JUN	2
JULAI	2
OGOS	3
SEPTEMBER	5
OKTOBER	5
NOVEMBER	5
DISEMBER	4
JUMLAH	**38**

Pemantauan Pembuangan Sampah Haram Di Seksyen 7

2.0 PENCAPAIAN

2.1 KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH

i) Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah merupakan program tahunan Jabatan dengan kerjasama Syarikat F&N Beverages Marketing Sdn Bhd dan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Program ini melibatkan semua sekolah rendah dan menengah yang berada didalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Tujuan:

- Untuk memupuk dan meneruskan semangat amalan kitar semula pelajar khususnya dan masyarakat amnya.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula adalah sebahagian daripada amalan seharian.

Kumpulan Sasaran : Tadika, sekolah menengah dan rendah di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam

Penyertaan : 36 buah sekolah (7 tadika, 14 sekolah rendah, 15 sekolah menengah)

Berat bahan kitar semula yang dikumpulkan: 80,276.6kg

Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula 2014 yang dijalankan di Laman Budaya Shah Alam

2.2 KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT WISMA MBSA

ii) Kempen Kitar Semula Peringkat Wisma MBSA merupakan program tahunan Jabatan. Program ini melibatkan semua Jabatan dan agensi luar yang berada di dalam bangunan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Tujuan:

- Untuk memupuk dan meneruskan semangat amalan kitar semula di kalangan kakitangan khususnya dan masyarakat amnya.
- Meningkatkan kesedaran kakitangan dan masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula adalah sebahagian daripada amalan seharian.

Kumpulan Sasaran : Jabatan dalaman dan penyewa bangunan Wisma MBSA

Penyertaan : 7 Jabatan dan 3 Bahagian

Berat bahan kitar semula dikumpulkan: 4,145.5kg

2.3 KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK

ii) Kempen Kitar Semula Peringkat MPP merupakan program tahunan Jabatan. Program ini melibatkan semua 24 MPP Zon yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.

Tujuan:

- Untuk memupuk dan meneruskan semangat amalan kitar semula dikalangan MPP khususnya dan masyarakat amnya.
- Meningkatkan kesedaran MPP dan masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula adalah sebahagian daripada amalan seharian.

Kumpulan Sasaran : 24 zon MPP

Penyertaan : 3 MPP

Berat bahan kitar semula dikumpulkan: 5,356.5kg

2.4 KEMPEN TANDAS BERSIH

i) Seminar pengurusan tandas berkualiti kepada pengurusan masjid dan surau di kawasan pentadbiran MBSA.

Tujuan:

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kerja-kerja pengurusan serta pencucian tandas bagi memastikan tandas yang berkualiti, bersih dan selamat digunakan.
- Memberi penerangan dan pemahaman berkaitan garis panduan penarafan bintang tandas berkualiti dan penguatkuasaan undang-undang.

Kumpulan Sasaran : Pengurusan masjid dan surau di kawasan pentadbiran MBSA.

Penyertaan : 27 orang peserta (13 masjid dan surau)

Seminar Pengurusan Tandas Berkualiti Kepada Pengurusan Masjid / Surau Shah Alam

3.0 PENGURUSAN SISA PEPEJAL

3.1 JADUAL KEKERAPAN KUTIPAN SISA DOMESTIK

JENIS PREMIS	KEKERAPAN KUTIPAN/BULAN
Rumah Teres/Banglo	3 hari seminggu (Isnin, Rabu & Jumaat/Selasa, Khamis & Sabtu)
Flat/Apartment/Kondominium	7 hari seminggu
Kedai Pejabat/ Komersial/ Industri Ringan	7 hari seminggu
Pejabat/Institut/Sekolah/Komplek Awam/ Petrol pam	20 hari sebulan
Tadika/Rumah Ibadat/Dewan	3 hari seminggu (Isnin, Rabu & Jumaat/Selasa, Khamis & Sabtu)
Pasar/Gerai/Pusat Makan	7 hari seminggu
Jalan Utama Kg Tradisional	7 hari seminggu

3.2. SPESIFIKASI DAN STANDARD KERJA KUTIPAN SAMPAH DI MBSA

i. Kerja-kerja kutipan sisa domestik mestilah mengikut jadual yang ditetapkan.

ii. Pekerja dilarang mengumpulkan sisa domestik di tepi jalan awam atau mana-mana kawasan perumahan atau awam.

iii. Pekerja dilarang memilih sisa domestik.

iv. Pekerja dikehendaki mengutip sisa domestik di dalam dan di sekeliling luar tong sampah atau kebuk sampah.

v. Pekerja hendaklah memastikan sisa domestik tidak bertaburan di jalan awam sewaktu kerja-kerja mengutip dilakukan.

vi. Kenderaan tidak dibenarkan berhenti terlalu lama atau melepaskan sisa 'leachate ' di mana-mana kawasan kecuali di tapak pelupusan yang diiktiraf oleh Majlis.

vii. Kerja-kerja kutipan di kawasan komersial hendaklah dilakukan seawal pagi bagi mengelak kesesakan.

viii. Lori kutipan sisa domestik hendaklah dibasuh atau dibersihkan selepas setiap kali digunakan.

ix. Hendaklah memastikan tiada apa-apa sampah atau bahan yang diangkat dari pusat-pusat pemungutan ke tapak pembuangan tercicir, bocor, tumpah, tiris dan sebagainya ke atas mana-mana jalan-jalan awam atau mana-mana juga tempat semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan.

3.3 KONTRAKTOR SISA PEPEJAL

Jumlah Kontraktor Kutipan Sisa Pepejal Bagi Kawasan HQ, Pejabat Cawangan Kota Kemuning (PCKK), Pejabat Cawangan Sungai Buloh (PCSB) Mac 2012 – 31 Ogos 2015

KAWASAN	BIL. KONTRAKTOR
HQ	29
PCKK	11
PCSB	11
JUMLAH	**51**

3.4 SENARAI KONTRAKTOR PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG DITAMATKAN KONTRAK:

NAMA KONTRAKTOR	TARIKH TAMAT KONTRAK	SEKSYEN
KPS Energy	03 September 2012	8 dan U11
Ez Unggul		27
Pusaka Satria	01 Jun 2014	17 dan 18
AKS Wibawa	06 Februari 2015	24
Yaacob Saleh	18 Februari 2015	9
Aza Maintainance	28 Februari 2015	U17 dan U18

3.5 TINDAKAN PENGELUARAN 'NOTICE TO CORRECT' KEPADA KONTRAKTOR SISA PEPEJAL:

Jumlah potongan NTC Jan – Dis 2014: RM 95,450.00

3.6 PENERIMAAN ADUAN SAMPAH DOMESTIK 2014

Jumlah Aduan Diterima mengikut Bulan.

Sebanyak 1,062 aduan berkaitan sampah domestik telah diterima pada tahun 2014

3.7 PERBELANJAAN PELUPUSAN SAMPAH SISA PEPEJAL BAGI TAHUN 2014

Sebanyak 180,319.80 metrik tan sampah bersamaan RM 8,721,610.09 telah digunakan bagi kos pelupusan sampah sisa pepejal di dalam kawasan pentadbiran MBSA bagi tahun 2014.

BULAN	BAYARAN PELUPUSAN SAMPAH PEMBERSIHAN (RM)
JANUARI	RM917,388.38
FEBRUARI	RM761,744.68
MAC	RM795,648.13
APRIL	RM791,524.69
MEI	RM783,828.34
JUN	RM698,804.05
JULAI	RM865,003.50
OGOS	RM842,448.10
SEPTEMBER	RM798.941.58
OKTOBER	RM814,600.95
NOVEMBER	RM718,110.50
DISEMBER	RM732,508.77
JUMLAH	**RM8,721,610.09**

Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam

1.0 PENGENALAN

Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam diketuai oleh Ketua Bahagian iaitu Juruaudit W48. Bahagian ini mempunyai tiga unit iaitu Unit Audit Dalam, Unit Aduan dan Unit Pentadbiran. Bahagian ini mempunyai 18 orang kakitangan terdiri dari seorang Juruaudit (W44) mengetuai Unit Audit Dalam dan seorang Pegawai Tadbir (N41) mengetuai Unit Aduan. Unit Audit Dalam dibantu oleh dua orang Juruaudit, seorang Penolong Juruaudit Kanan (W32), dan dua orang Penolong Juruaudit (W27) dan dua orang Pembantu Tadbir Kewangan (W17). Manakala Unit Aduan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (N27) dengan dibantu oleh empat orang Pembantu Tadbir (N17). Seorang Pembantu Tadbir (N17), Pembantu Am Pejabat (N1) dan Pemandu (H11) diletakkan di bawah Unit Pentadbiran.

1.1 UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam telah menjalankan auditan di beberapa jabatan dan bahagian mengikut perancangan kerja 2014 iaitu:

- Menjalankan Auditan Pematuhan iaitu menjalankan Auditan Pengurusan Kewangan di Jabatan Taman dan Rekreasi. Objektif pengauditan adalah untuk membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan sesebuah jabatan dengan menentukan samada :-
  - Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang teratur
  - Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, kontrak, aset serta inventori.
  - Wujudnya sistem kerja yang sistematik bagi memastikan fungsi dan objektif jabatan tercapai.
  - Rekod-rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemaskini.
- Juga, Auditan Pematuhan dijalankan terhadap Prosedur Pembayaran bagi Kerja-kerja Segera (Inden), Pesanan Tempatan (LO), Sebutharga Tender serta Arahan Pembayaran Tahun 2013 (Audit Bayaran Pembersihan)
- Menjalankan Auditan Penyelenggaraan Aset Majlis khususnya dewan Majlis dan 24 Pejabat Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di bawah penyeliaan Jabatan Koporat.
- Menjalankan Auditan Prestasi terhadap Kontraktor Pembersihan Dewan-dewan Majlis yang dilantik dengan menentukan sama ada prestasi kontraktor mencapai piawaian Majlis dan menentukan sama ada wujudnya sistem yang memantau kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan dewan-dewan tersebut.
- Pihak Bahagian juga ada menjalankan auditan khas atas arahan pihak atasan seperti berikut :-
  - Auditan Pengurusan Hasil bagi Tempat Letak Kereta Khas bertujuan melihat hasil Majlis yang diterima daripada penyewa tapak dengan di tempat perniagaan adalah seimbang.
  - Auditan Bersepadu Permit Kerusi Meja dan Tambahan Pindaan Restoran khususnya di Seksyen 7, Shah Alam bersama Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kesihatan Persekitaran. Auditan ini bertujuan untuk menyemak permit yang dikeluarkan dan meningkatkan hasil bukan cukai Majlis. Selain itu, dapat mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap pemilik restoran yang ingkar serta tidak mematuhi peraturan Majlis.
  - Menjalankan Auditan Kerja-kerja Pembersihan dan Penyelenggaraan di Taman Tasik Shah Alam.
  - Menjalankan auditan bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan Kawasan Kota Kemuning.
  - Membuat Auditan Baucar Bayaran bagi pembersihan Awam di Zon 10 dan 11 MBSA
  - Membuat semakan lot parking di Seksyen 19
  - Membuat semakan Permohonan Remisi Cukai Taksiran Tahun 2014
  - Menjalankan pemeriksaan Minyak dan Kad Touch & Go.
- Pemeriksaan mengejut juga dibuat dengan membuat pemeriksaan di kaunter pembayaran Majlis iaitu Kaunter Utama Tingkat G, Kaunter OSC, Kaunter Jabatan Pelesenan, Kaunter Pandu Masuk, Kaunter Pejabat Cawangan Kota Kemuning, Sg Buloh dan Setia Alam. Di samping itu juga, pemeriksaan ke atas 'franking machine' dan wang panjar juga dilakukan.

- Unit Audit juga bertanggungjawab menyelaras juruaudit-juruaudit ISO terdiri dari kakitangan MBSA yang dipilih daripada pelbagai jabatan untuk membantu Unit Audit Dalam menjalankan auditan ISO. Auditan ISO telah dijalankan pada tarikh 18 Ogos hingga 3 September 2014.
- Unit Audit juga adalah urusetia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling PBT:SPBT Bil.5/2010. Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat telah diadakan sebanyak 4 kali seperti berikut :-

Bil.	Tarikh mesyuarat
1	22/5/2014
2	19/6/2014
3	18/8/2014
4	13/11/2014

- Sub-komiti Audit 5S juga menjadi sebahagian tugas Unit Audit Dalam. Ketua Bahagian Audit Dalam sebagai pengerusi, bertanggungjawab merangka dan menyelaras aktiviti auditan yang berkaitan dengan 5S termasuk membuat penilaian Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti (APPB) di MBSA. Audit 5S bagi kategori ruang pejabat telah dijalankan pada 17 dan 18 November 2014.

- Selain daripada menjalankan Audit Kualiti ISO dan 5S, Unit Audit Dalam juga menjalankan Auditan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang pertama kali dibangunkan dalam bulan Ogos 2014 pada 7 November 2014 berdasarkan Standard ISO/IEC 27001:2013. Sistem Pengurusan ISMS MBSA diwujudkan bagi mengenalpasti risiko terhadap proses-proses utama dan kawalan-kawalan yang bersesuaian untuk mengawal risiko yang mungkin wujud. Unit Audit Dalam menjalankan auditan berdasarkan penilaian terhadap langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengawal keselamatan maklumat MBSA.
- Menjalankan ujian ketebalan jalan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan.
- Menjadi Jawatankuasa Pembuka Sebutharga/Tender.

1.2 UNIT PENGADUAN AWAM

Selain menjalankan auditan di jabatan dan bahagian di dalam MBSA, Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam juga bertanggungjawab sebagai penyelaras Aduan Awam. Unit ini menerima aduan untuk disalurkan ke Jabatan/Bahagian/ Cawangan yang berkaitan agar tindakan dapat dilaksanakan dan aduan dapat diselesaikan serta diberikan maklumbalas kepada pengadu.

Unit Aduan, Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam bertanggungjawab bagi aktiviti di bawah :-

- Selain menerima aduan daripada orang awam melalui faks, telefon dan e-mel, Unit Aduan juga menyelaras aduan daripada BPA, SUK dan KPKT. Unit ini turut memantau aduan yang diterima dan memastikan maklumbalas daripada Jabatan/Bahagian/Cawangan diterima dalam tempoh 10 hari bekerja.
- Mengurangkan jumlah aduan tertunggak.
- Memantau maklumbalas yang diberikan oleh Jabatan/ Bahagian/Cawangan yang dibuat melalui Pemantauan Audit Pembersihan dan Pemantauan Aduan. Sasaran Audit Pembersihan ialah membuat pemantauan terhadap perkhidmatan Majlis terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan 'Back to Basic' iaitu jalan, rumput, longkang dan sampah di samping memantau kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dibuat.
- Menjadi urusetia kepada Mesyuarat Mingguan Aduan yang diadakan setiap hari Selasa bagi membincangkan aduan yang tertunggak dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan di peringkat Jabatan/Bahagian/Cawangan.
- Menyelaras Laporan Aduan Bulanan untuk dihantar ke SUK.

1.3 LAPORAN UNIT ADUAN

- Pada tahun 2014, Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam telah menjadi juara Kategori B dalam Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti (APPB) Peringkat MBSA.
- Selain daripada itu, Bilik Call Center di Tingkat 1 juga telah mendapat tempat ketiga kategori C dalam APPB Peringkat MBSA.
- Jumlah Aduan Awam yang diterima pada tahun 2014 sebanyak 21,937 aduan. Daripada jumlah tersebut, 20,705 atau 94% telah dapat diselesaikan dan diberikan maklumbalas kepada pengadu. Baki aduan sebanyak 1,232 atau 6% masih dalam tindakan Jabatan/ Bahagian/ Cawangan berkaitan :-

JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2014 MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI » JENIS MASALAH	JUMLAH
ANJING	1547
AYAM/ITIK	6
CUKAI PINTU	49
DISIPLIN	196
HAIWAN	371
HAKISAN TANAH	92
HALANGAN AWAM	1226
HARTA MAJLIS	580
IKLAN	120
JALAN	2160
KAWALAN MUTU MAKANAN	14
KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN	93
KEJIRANAN	381
KELEWATAN TINDAKAN PROSEDUR ISO	2
KUCING	188
LAIN-LAIN	648
LAMAN WEB	7
LAMPU	3987
LONGKANG - KHIDMAT BANDAR	974
LONGKANG - SELENGGARAAN	516
MESIN TIKET LETAK KERETA	62
PASAR/GERAI/TANDAS	54
PENCEMARAN BUNYI/ALAM	408
PENGURUSAN STADIUM	17
PERBUATAN KURANG SOPAN	4
PERNIAGAAN TANPA LESEN	707
PERUMAHAN APARTMENT	73
POKOK	2679
PONDOK BAS	8
PROJEK TERBENGKALAI	20
RUMAH/LOT KOSONG	401
RUMPUT	574
SALAHGUNA BANGUNAN	165
SALAHGUNA TANAH	183
SAMPAH - KHIDMAT BANDAR	2361
SAMPAH - SELENGGARAAN	259
STRUKTUR HARAM	174
TAMBAHAN PINDAAN	411
VANDALISME	5
VEKTOR	185
VIDEO GAME/KUDA	30
JUMLAH	**21937**

Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam

1.4 AKTIVITI RASMI UNIT ADUAN

Pemeriksaan Bengkel di Seksyen 7

Pemeriksaan gerai / premis makanan

Pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan di lot komersil

Aktiviti kaunter aduan di Pejabat Bergerak "Shah Alam On Wheel"

Bahagian Pengurusan Stadium **104**

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan **108**

Bahagian Urusetia Mesyuarat **112**

Pemeriksaan di lokasi penyelenggaraan MBSA

Bahagian Pengurusan Stadium

1.0 LATARBELAKANG

Kompleks Sukan Shah Alam terletak di kawasan pembangunan yang pesat di Seksyen 13 Bandaraya Shah Alam. Mempunyai keluasan 189.60 ekar, Stadium Shah Alam mempunyai rekabentuk unik dan dilengkapi prasarana sukan bertaraf antarabangsa. Bagi meningkatkan keupayaan pengurusan Kompleks Sukan Shah Alam, pihak Majlis telah menubuhkan sebuah Bahagian yang diketuai oleh Pengurus Stadium pada 15 Januari 2005.

1.1. OBJEKTIF

Menguruskan fasiliti-fasiliti di Kompleks Sukan Stadium Shah Alam sebagai Pusat Fasiliti Utama Serantau dalam menyediakan kepelbagaian kegunaan Kompleks Sukan Stadium Shah Alam dan Penyelenggaraan Infrastruktur bertaraf dunia untuk menjana hasil Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

1.2. FUNGSI

* Mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Shah Alam.
* Mengurus penyewaan bagi acara-acara seperti akiviti sukan, sosial dan konsert di Stadium.
* Menyedia program perancangan dan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam.
* Memberi maklumbalas terhadap tempahan fasiliti Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh lima (5) hari bekerja.
* Memberi maklumbalas masalah mengenai Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

1.3. VISI BPS

Menyediakan fasiliti Kompleks Sukan Shah Alam bertaraf dunia.

1.4. MISI BPS

Sentiasa menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan.

1.5. DASAR Q BPS

Komitmen kami ialah memastikan setiap perkhidmatan dan fasiliti memenuhi kepuasan pelanggan menerusi perkhidmatan berkualiti berteraskan kecemerlangan organisasi.

1.6. KAKITANGAN BPS

Bahagian Pengurusan Stadium yang diketuai oleh Pengurus Stadium pada masa ini mempunyai seramai 23 orang kakitangan yang diletakkan di bawah 3 unit yang terdiri daripada:

i) Unit Pentadbiran dan Sewaan

ii) Unit Penyelenggaraan Bangunan

iii) Unit Operasi

2.0 LAPORAN AKTIVITI

Pelbagai aktiviti dan acara telah berlangsung di Kompleks Sukan Shah Alam yang melibatkan penggunaan Stadium Malawati, Stadium Utama, Pusat Akuatik Darul Ehsan dan Tapak Letak Kereta, Seksyen 13 Shah Alam. Antara acara yang dijalankan di Stadium Malawati sepanjang tempoh tersebut termasuklah jualan gudang, konsert, pameran serta program ceramah dan sambutan yang melibatkan Kerajaan Negeri.

Banyak acara bola sepak telah berlangsung di Stadium Utama, antaranya Liga Super, AFC dan Piala Malaysia. Semasa perlawanan-perlawanan ini berlangsung, pihak Pengurusan Stadium telah menyediakan kiosk-kiosk untuk perniagaan makanan, minuman dan pakaian sebagai tambahan hasil Majlis. Stadium Utama juga sering menjadi lokasi penggambaran iklan dan drama juga sukan sekolah.

Pusat Akuatik Darul Ehsan merupakan sebuah kawasan yang boleh dijadikan tempat tarikan pelancongan berikutan penggunaan yang tinggi pada setiap hari. Berikutan perkara tersebut, Pusat Akuatik merupakan lokasi yang sesuai untuk dijadikan pusat komersil untuk menjana pendapatan tambahan kepada Majlis.

Tapak Letak Kereta Kompleks Sukan Shah Alam juga menjadi lokasi untuk menjalankan aktiviti latihan pemanduan, pameran kereta dan karnival.

2.1 ACARA-ACARA DI STADIUM SHAH ALAM

Piala Sultan Selangor 2014

Perlawanan Persahabatan Antara Selangor Lawan Sevilla CF

Piala AFF Suzuki 2014

Perlawanan Akhir Piala FA 2014

2.2 ACARA-ACARA DI STADIUM MALAWATI



Konsert Akhir Bintang Mencari Bintang 2014

Jualan Gudang



Home Deco Expo 2014

Perhimpunan Antarabangsa



FELDA-FAM Futsal 2014

International Taekwondo Championship

AFF Futsal 2014

Karnival Syria Needs You

Final Maharaja Lawak Mega 2014

2.3 ACARA-ACARA DI PUSAT AKUATIK DARUL EHSAN

Pertandingan Renang Sukan IPT 2014

2.4 ACARA-ACARA DI TEMPAT LETAK KERETA, KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM

Pameran Motorbike

Karnival `Fuyoo – Touch & Go'

Global Indian Fiesta 2014

Hari Sukan Antarabangsa

Karnival Pertubuhan Kebangsaan

Pesta Vintage & Kebudayaan Selangor

2.5 HASIL DAN PENDAPATAN BAHAGIAN PENGURUSAN STADIUM TAHUN 2014

2.5.1 ACARA

Lokasi	Bil. Acara	Jumlah Hasil
Stadium Utama	55	1,248,867.05
Stadium Malawati	21	1,076,658.75
Pusat Akuatik Darul Ehsan	36	759,876.85
Tapak Letak Kereta	156	425,567.00
JUMLAH	**268**	**3,510,969.65**

2.5.2 SEWAAN TETAP

Lokasi	Bil. Penyewa	Jumlah Hasil
Stadium Utama	3	124,700.00
Stadium Malawati	1	49,500.00
Pusat Akuatik Darul Ehsan	19	197,734.60
Tapak Letak Kereta	2	569,090.67
Taman Sukan Lasak	1	60,000.00
JUMLAH	**26**	**1,001,025.27**

Bahagian Pengurusan Stadium

Perbandingan Acara yang Berlangsung Tahun 2013 dan 2014



Perbandingan Hasil Pendapatan BPS Tahun 2013 dan 2014



3.0 PENCAPAIAN

Bahagian Pengurusan Stadium (BPS) telah berjaya mendapat tempat kedua di dalam Pertandingan Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti (APPB) bagi Kategori C sempena Minggu Kualiti/Inovasi tahun 2014.

Seterusnya, BPS juga telah berjaya mendapat tempat ketiga di dalam Pertandingan Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti (APPB) bagi kategori B.

BPS juga telah menerima pelawat daripada agensi/jabatan luar sepanjang tahun 2014. Diantaranya ialah :

TARIKH	AGENSI/JABATAN
14.5.2014	Perbadanan Stadium Malaysia
21.06.14	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak
14.09.13	Pusrawi International College
18.12.2014	Universiti Putra Malaysia

Selain itu, BPS telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Stadium Utama yang telah dimulakan pada penghujung tahun 2013 dan siap sepenuhnya pada tahun 2014. Hasil daripada kerja-kerja menaiktaraf tersebut, fasiliti Stadium Shah Alam dapat berfungsi dengan baik yang seterusnya dapat menaikkan imej Stadium Shah Alam. Kerja-kerja menaiktaraf tersebut telah ditender dan pecahan kerja adalah seperti berikut:-

TARIKH	AGENSI/ JABATAN	AGENSI/ JABATAN	AGENSI/ JABATAN
Kerja-kerja menaiktaraf bilik persalinan dan tandas utama (VIP)	12.12.2013	02.04.2014	659,437.00
kerja-kerja menaiktaraf sistem siaraya	20.11.2013	01.01.2014	425,955.00
Kerja-kerja menaiktaraf bumbung	12.12.2013	05.03.2014	408,800.00
Kerja-kerja membaikpulih genset	21.04.2014	16.11.2014	560,950.00
JUMLAH			**2,055,142.00**

Gambar kerja-kerja menaiktaraf bilik persalinan dan tandas utama (VIP)

Gambar kerja-kerja menaiktaraf kawasan lobi VIP

Gambar kerja-kerja menaiktaraf kawasan lobi VIP

Gambar kerja-kerja membaik pulih genset

4.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Bahagian Pengurusan Stadium bagi tahun 2014 adalah baik dengan jumlah hasil yang diperolehi adalah sebanyak RM4.5 juta.

Bagi memastikan kemudahan Kompleks Sukan Shah Alam sentiasa berada ditahap yang terbaik, Majlis melalui Bahagian Pengurusan Stadium telah mengemukakan kertas cadangan untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan pembiayaan kerja-kerja baik pulih dan menaiktaraf Stadium Malawati Shah Alam di Seksyen 13, Shah Alam.

Susulan daripada itu, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) telah pun bersetuju untuk membiayai kos modal sebanyak RM3.5 juta bagi kerja-kerja membaikpulih tersebut sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) bertarikh 3 April 2013. Senarai kuantiti (BQ) telah dikemukakan kepada pihak UPEN bagi kerja-kerja berikut:

i) Kerja-kerja pembaikan bumbung dan sesalur air

   - RM 732,495

ii) Kerja-kerja mengecat dan pembaikan siling laluan VVIP, menanggal lantai vinyl yang rosak serta mengecat semula mengguna cat epoxy dan pembaikan tandas

   - RM1,553,282

iii) Kerja-kerja pembaikan floodgate di pintu masuk utama dan pembaikan kerusi 'bleachers'

   - RM 375,380

iv) Kerja-kerja pembaikan komponen sistem penyaman udara

   - RM 849,500

Pihak Pengurusan Stadium juga sedang menjangkakan untuk melaksanakan kerja-kerja menghias dalaman lobi utama dan menggantikan kerusi VIP dan VVIP pada tahun 2015.

Bahagian Pengurusan Stadium akan sentiasa berusaha mempertingkatkan pencapaian pada masa akan datang dalam mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Shah Alam bagi memastikan fungsi dan peranan kemudahan di Stadium Utama, Stadium Malawati dan Pusat Akuatik Darul Ehsan akan terus relevan dan memanfaatkan kepada orang awam.

Gambar kerja-kerja menaiktaraf sistem siaraya

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

1.0 LATARBELAKANG

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan atau "Commissioner of Building" (COB) Majlis Bandaraya Shah Alam telah ditubuhkan pada tahun 2008 selepas Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) diwujudkan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memantau semua hal-hal berkaitan dengan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama dan memastikan semua pihak yang berkaitan sama ada pemaju, pihak pengurusan serta pembeli/pemilik petak menjalankan tanggungjawab masing-masing tertakluk kepada kuasa yang telah ditetapkan di bawah Akta 663 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyengaraan dan Harta Bersama) dan Akta 318 Hakmilik Strata 1985.

Terdapat 2 kategori bangunan yang terlibat iaitu:-

1. Bangunan kediaman – kondominium, pangsapuri dan 'gated community'.
2. Bangunan komersil – bangunan pejabat, kompleks membeli belah, servis apartment, bangunan industri dan pembangunan bercampur.

Bahagian Pesuruhjaya Bangunan mempunyai 5 orang kakitangan yang ditugaskan untuk memantau pengurusan dan penyenggaraaan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang telah ditubuhkan 5 orang kakitangan yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran.

1.1 OBJEKTIF BAHAGIAN

i) Memastikan kawasan pemajuan yang bertingkat (strata) menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau "Joint Management Body" (JMB) dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Memastikan penyenggaraan harta bersama dilaksanakan secara teratur dan tersusun berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan bagi mewujudkan suasana yang bersih dan harmoni dalam kehidupan perkongsian harta bersama bagi pembangunan bertingkat.

1.2 PIAGAM PELANGGAN BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

i) Pengeluaran sijil JMB kepada Badan Pengurusan Bersama dalam tempoh 7 hari bekerja dengan syarat dokumen lengkap

ii) Menyelesaikan aduan kecil JMB dalam tempoh 14 hari bekerja

iii) Menyelesaikan aduan besar JMB dalam tempoh 30 hari bekerja

iv) Menghadiri mesyuarat AGM/EGM JMB sekiranya dijemput oleh JMB

v) Menghadiri mesyuarat AGM Perbadanan Pengurusan (MC) sekiranya dijemput MC

1.3 ORGANISASI JABATAN

Kakitangan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan terdiri dari 10 orang iaitu Ketua Bahagian dan dibantu oleh seorang Pegawai Penilaian dan 4 orang Penolong Pegawai, 2 orang Pembantu Tadbir, dan seorang Pembantu Operasi dan Pemandu.

1.4 PERANAN BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa yang diberikan oleh kedua-dua Akta 663, serta Bahagian VI dan VII Akta 318 dan mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama serta menyelesaikan pertelingkahan yang timbul. Antara peranan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan adalah seperti berikut:

1. Mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan bangunan serta harta bersama yang dilaksanakan Pemaju, JMB dan Perbadanan Pengurusan (MC).
2. Menguatkuasakan peruntukan undang-undang Akta 663. Antara kuasa dan tanggungjawab COB adalah seperti berikut:-
   a. Menyelesaikan pertikaian yang berbangkit berkenaan dengan Akaun Penyenggaraan Bangunan.
   b. Menetapkan tarikh baru bagi mesyuarat pertama JMB setelah dimaklumkan oleh pemaju bahawa mesyuarat pertama JMB gagal diadakan.
   c. Melantik seseorang untuk mengadakan mesyuarat pertama JMB jika pemaju gagal mengadakan dan menentukan tarikhnya.
   d. Melantik ejen pengurusan (EP) untuk menyenggarakan dan menguruskan bangunan jika COB berpuas hati tindakan tersebut perlu dilaksanakan.
   e. Menggunakan deposit yang disediakan oleh pemaju bagi maksud menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk membaiki apa-apa kecacatan pada harta bersama dalam tempoh liabiliti.
   f. Mengeluarkan waran yang membenarkan penahanan apa-apa harta alih kepunyaan pembeli sekiranya terdapat permohonan daripada pemaju atau JMB untuk mengenakan tindakan tersebut ke atas pembeli yang mempunyai amaun caj tertunggak selama enam bulan.
   g. Menentukan majlis MC memfailkan dengannya salinan akaun perbadanan yang telah diaudit yang telah dikemukakan kepada mesyuarat agung itu dan minit mesyuarat agung.
   h. Melantik seorang juruaudit syarikat yang diluluskan (jika perlu) untuk menyiasat buku, akaun dan urusniaga sesuatu APB dan pemaju hendaklah membayar segala perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud itu.
   i. Mendapatkan kembali jumlah wang sebagai hutang daripada pemilik dan memfailkan sama dalam mahkamah untuk mendapatkan kembali jumlah wang tersebut dangan menahan harta alih, serta;
